

PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA

Bil. 25

Khamis

15 Julai 2004

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 24)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004	(Halaman 25)
<u>Jadual:-</u>	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
Maksud B.3, B.5, B.7, B.8, B.10, B.11	(Halaman 54)
Maksud B.25	(Halaman 75)
Maksud B.14	(Halaman 95)
USUL-USUL:	
Anggaran Pembangunan (Tambahan) (No.2) 2003	(Halaman 25)
<u>Jawatankuasa:-</u>	
Maksud P. 7	(Halaman 54)
Maksud P.25	(Halaman 75)
Maksud P.17	(Halaman 112)
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 16(3)	(Halaman 126)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:	
Nelayan Menghadapi Masalah Lanun dan Tentera Negara Asing - Y. B. Tuan Lim Hock Seng [Bagan]	(Halaman 126)
Hentikan Projek Tanah Perkuburan Bukit Kiara, Jalan Damansara - Y. B. Tuan Tan Kok Wai [Cheras]	(Halaman 130)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 15 Julai 2004

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Soalan No. 1 – Y.B. Puan Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar] tidak hadir]

2. Dato' Loke Yuen Yow [Tanjong Malim] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan masalah banjir kilat sering berlaku di sekitar Tanjong Malim ekoran pembangunan yang pesat. Adakah Kerajaan Pusat mempunyai cadangan mengatasi masalah banjir kilat yang berpunca daripada pembangunan di sekitarnya seperti projek Proton City, Universiti Pendidikan dan lain-lain lagi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap masalah banjir yang berlaku di sekitar kawasan Tanjong Malim yang kini sedang pesat membangun.

Untuk langkah jangka panjang, pihak kerajaan sedang menjalankan kajian pelan induk bagi tebatan banjir dan pengurusan lembangan Sungai Bernam. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti langkah-langkah yang wajar dilaksanakan untuk mengatasi masalah banjir di lembangan Sungai Bernam. Buat masa ini, kajian tersebut berada pada peringkat penyediaan draf laporan akhir.

Bagi pembangunan-pembangunan di kawasan projek Bandar Proton dan kampus baru Universiti Pendidikan Sultan Idris, pihak kerajaan telah menjalankan kajian rancangan tebatan banjir kawasan perindustrian Tanjong Malim. Kajian ini telah mengenal pasti kerja-kerja tebatan banjir yang perlu dilaksanakan bagi meminimumkan impak negatif ke atas sistem saliran di kawasan berkenaan.

Peruntukan akan dipohon di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Terima kasih.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Setiap kali ada banjir di Semenanjung, kita mendengar agensi-agensi kerajaan bergegas ke situ hendak memberi penyelesaian kepada masalah banjir. Tetapi saya ingin bertanya, apakah rancangan untuk membantu banjir-banjir yang berlaku di tempat-tempat lain di Malaysia ini, adakah satu *master plan* diwujudkan supaya kalau ada banjir di Sabah, di Kuching, agensi-agensi kerajaan yang mempunyai kepakaran yang tinggi dari Semenanjung ini dapat dijemput untuk membantu, oleh kerana di Kuching baru-baru ini ada banjir yang besar dan menyusahkan rakyat di situ. Sekian.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Sri Aman. Sememangnya pihak kerajaan mempunyai pelan induk bagi mengenal pasti lembangan-lembangan sungai di seluruh Malaysia termasuk di Sabah dan Sarawak yang mempunyai masalah banjir dan pengairan, cuma buat masa sekarang ini untuk membuat sesuatu lembangan sungai, untuk dijadikan sebagai sesuatu projek itu amatlah sukar kerana memakan kos yang tinggi, cuma kami amat prihatin bagi negeri-negeri Sarawak dan Sabah.

Kita juga mempunyai *master plan* untuk negeri-negeri berikut, cuma pada masa ini saya tidak mempunyai data yang lengkap berkenaan dengan negeri Sabah dan Sarawak, saya akan beri secara bertulis. Terima kasih.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Memandangkan bahawa banyak keluarga di sekitar projek-projek mega di Tanjong Malim ini menghadapi kesulitan yang agak teruk, setiap hari hujan, sedikit hujan sahaja, air masuk ke rumah mereka, macam mana mereka hidup, kasihanlah Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya minta, saya hendak bertanya bahawa adakah kementerian Yang Berhormat mempertimbangkan, mengadakan satu rancangan menolong mereka dari segi kewangan sehingga masalah ini diselesaikan.

Bolehkah Yang Berhormat menimbangkan dan berbincang dengan kerajaan negeri supaya satu rancangan yang lebih menyeluruh untuk menolong mereka. Terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian tiada mempunyai apa-apa peruntukan untuk diberi kepada mangsa-mangsa banjir seperti ini, akan tetapi saya bagi pihak kementerian memberi jaminan di sini, kita akan kenal pasti dan kita akan mengkaji cara-cara yang terbaik untuk

membantu mangsa-mangsa tersebut, dan saya amat berbesar hati sekiranya Yang Berhormat bagi Tanjong Malim boleh menjemput saya turun ke kawasan pada masa yang terdekat ini. Terima kasih.

3. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk meminda Akta Pemaju Perumahan dan memberi lebih perlindungan kepada pembeli rumah di samping memberi kuasa retrospektif bagi Tribunal Perumahan untuk mendengar kes sebelum 1 Disember 2002.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]:
Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak bercadang untuk meminda Akta Pemajuan Perumahan untuk memberi kuasa retrospektif bagi Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah untuk mendengar kes-kes sebelum 1 Disember 2002.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh pada 14 Jun 2004, Mahkamah Persekutuan dalam persidangannya dengan sebulat suara telah mengekalkan keputusan Mahkamah Rayuan yang memutuskan bahawa Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan membuat keputusan kes perjanjian jual beli yang ditandatangani sebelum 1 Disember 2002.

Oleh yang demikian, persoalan untuk meminda Akta Pemajuan Perumahan tersebut bagi hanya memberi kuasa retrospektif bagi TTPR sudah tidak timbul lagi, dan adalah menjadi harapan Kementerian saya untuk memberi hak yang sewajarnya kepada pembeli rumah untuk memastikan mereka tidak dianiayai oleh pemaju.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga yakin menerusi keputusan yang tersebut TTPR akan menjalankan sepenuhnya tanggungjawab dalam mendengar kes serta membuat keputusan yang terbaik berhubung masalah tuntutan pembeli rumah.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya juga sedang mengkaji beberapa perkara untuk dibuat pindaan pada masa akan datang untuk memperbaiki lagi Akta Pemajuan ini, walaupun pada masa ini kami tidak bercadang untuk meminda perkara yang berkaitan dengan retrospektif ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya, beberapa tahun yang lepas apabila pindaan terhadap Akta Pemaju Perumahan dibentangkan di Dewan Rakyat ini, yang mana kita telah membahagikan beberapa perkara yang kami rasa masih tidak ditangani dalam akta tersebut.

Jadi, saya sekarang hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, Tribunal sekarang hanya mengendalikan kes di bawah *claim*, tuntutan RM25,000 sahaja, tetapi ia tidak dapat mengendalikan bagi *apartment*, kondominium pada kadar *medium cost* ataupun *high cost*.

Jadi, adakah dalam kajian kementerian akan mencadangkan meningkatkan pampasan daripada RM25,000 kepada mungkin RM50,000 supaya *apartment*, kondominium *medium cost* juga boleh menuntut di dalam Tribunal.

Kedua, Yang Berhormat Menteri pernah menyatakan bahawa bagi pemaju yang mencabuli undang-undang, kementerian akan mengkategorikan semua pemaju ini kepada ABC atau sebagainya. Tetapi saya ingin bertanya macam mana bagi pembeli rumah, mereka dapat tahu sama ada seseorang pemaju ataupun sebuah syarikat pemaju itu terjatuh di bawah kategori baik atau tidak baik, dan kami juga rasa *website* kementerian itu adalah agak *outdated*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Jadi, soalan,... [*Beberapa Ahli menegur*] Hei, kita semua ini tuan punya rumah tau!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Jadi, kena tolong, saya tanya soalan ini dan bukan kacau saya termasuklah Tuan Yang di-Pertua. [*Beberapa Ahli menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Seorang Ahli: Ikutlah Peraturan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya memang mengikut Peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, sudah keluar dua soalan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Okey, saya hanya tanya macam mana bagi pembeli rumah dapat tahu tentang gred pemaju dan juga tentang isu lot kedai yang

juga dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Barisan Nasional, macam mana rumah di dalam lot kedai dan juga *service apartment*, adakah kementerian juga bercadang

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim:akan memberi perlindungan kepada mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Dan akhir sekali, yang sangat penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada Yang Berhormat, cukup. Cukup, cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ada banyak!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya nanti minta Menteri jawab satu sahaja.

Seorang Ahli: Ayuh Ah Moi, cukuplah!

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ada banyak rumah! Rumah bagi kos rendah itu, yang mana adalah merupakan *abundant project* dan termasuk apartmen kos rendah. Jadi, apakah langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk menyelesaikan masalah ini dan kebanyakannya di kawasan Ahli Parlimen Barisan Nasional yang tidak dapat menyelesaikan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim:jadi, macam mana Yang Berhormat Menteri dapat menolong mereka? [*Dewan gamat membuat teguran*] .

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup!

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pada masa kementerian saya membawa pindaan kepada Akta Pemajuan Perumahan di Parlimen ini, memang banyak cadangan dan pandangan telah diutarakan bukan sahaja daripada pembangkang, banyak juga dari pihak Barisan Nasional.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat tahu, apabila kita membuat satu pindaan di sini, pada masa yang sama itu semuanya telah pun ditimbang, dikaji sebaik mana boleh, setakat masa itu. Dan bila ada cadangan, cadangan itu kami sentiasa ambil berat dan pada masa yang sesuai, kalau kita rasa perlu diguna untuk pindaan selanjutnya, kami gunakannya.

Buat masa itu, bila diluluskan satu pindaan, kita perlu kuat kuasa dengan cepat. Jadi, itu adalah prinsip pada masa itu. Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh kata, sama ada kita hendak naikkan lagi had tuntutan yang dibenarkan untuk pembeli buat setiap tuntutan di Tribunal Perumahan daripada RM25,000 kepada RM50,000. Ini memang adalah satu pengumuman yang telah saya buat. Pada masa saya melancarkan *The Buyers Guide* yang disediakan oleh *The House Buyers Association* tidak lama, baru-baru ini.

Jadi, itu memang dalam tindakan kementerian saya supaya buat pindaan lagi. Ada beberapa perkara akan dipinda dan akan dibawa balik ke Parlimen ini. Saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat tetap akan mempunyai banyak peluang untuk membahaskannya lagi pada masa itu dan begitu juga apabila saya melancarkan buku panduan yang disediakan oleh Persatuan Pembeli Rumah Kebangsaan. Dalam buku itu, memang sudah ada banyak khidmat nasihat, banyak dia punya maklumat bagaimana membantu pembeli sebelum mereka membeli rumah.

Kalau sekiranya buku itu dapat dibaca, saya rasa banyak perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh itu dapat dielakkan. Dari segi *service apartment*, memang juga kementerian saya berhasrat hendak merangkumi *service apartment* ini ditakrif sebagai *residential property*. Tetapi, bagi rumah kedai itu ada jauh sedikit kerana ianya memang komersial. Ia tidak berkaitan dengan *residential* dan *service apartment*, kami cuba hendak takrif sebab ia juga digunakan untuk tujuan perumahan dan ini adalah beberapa perkara dapat saya jawab pada masa ini.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Tuan Yang di-Pertua, walaupun banyak usaha untuk membela pembeli rumah dengan mengadakan Akta Pemaju Perumahan, Tribunal tetapi, kita masih lagi mempunyai banyak masalah dari segi kepentingan pengguna. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, walaupun cadangan Perdana Menteri supaya kita beli rumah yang sudah siap, walaupun kita tahu *Developers Association* menentang perkara ini, kononnya kalau kita laksanakan secara ini, kos rumah akan meningkat, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, pendirian Yang Berhormat dan kementerian mengenai cadangan Perdana Menteri? Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan hanya mempunyai satu pendirian iaitu pendirian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, itu adalah pendirian kerajaan. Saya memang sependirian dengan Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri. Cuma, apa yang kementerian saya kena mengingatkan semua pihak mereka termasuk pemaju ialah perkara ini apabila dilaksanakan, mereka kena siap sedia. Apabila mereka tidak siap sedia, apabila kita laksanakan, maka mereka tidak bagi kerjasama, akan menimbulkan banyak masalah dalam industri perumahan termasuk pembekalan rumah dengan harga *affordable* yang mencukupi. Itu yang salah satu *concern* kerajaan.

Kita tidak mahu selepas itu alasan digunakan oleh mereka, kata kerana konsep ini, jadi mereka kekurangan sumber kewangan, maka rumah kos sederhana rendah dan rumah kos rendah itu tidak lagi jadi satu tanggungjawab ataupun tumpuan mereka. Seterusnya, pemaju yang kuat dan besar akan membina rumah kos tinggi kerana sekarang sudah dapat, ada projek-projek yang *build and sell* itu, dia jual dengan begitu mahal tetapi, dapat juga begitu ramai pembeli berbaris untuk tiga hari, untuk dapat borang.

Jadi, kerajaan mahu memastikan keadaan itu tidak timbul sampai ke tahap macam itu. Oleh yang demikian, kementerian saya tengah berbincang dan juga memastikan apabila dasar ini dijalankan, semua pemaju terlibat mereka mesti siap sedia dengan kerjasama institusi kewangan dan juga badan-badan yang lain yang akan jadi *they are the players* dengan izin, dalam industri perumahan.

4. **Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) kesan lambakan barang-barang murah dan berkualiti rendah dari luar negara terhadap pekilang-pekilang tempatan yang mengeluarkan barangan yang sama dan
- (b) tindakan atau langkah bagi menyelamatkan pekilang-pekilang tersebut daripada menutup perusahaan mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dinafikan akibat daripada kemasukan barang-barang murah dan berkualiti rendah, terdapat pekilang-pekilang tempatan yang menghilangkan sebahagian daripada pasaran kepada barang-barangan dari luar negara. Bagi memastikan daya saing dan daya tahan mereka tidak terjejas, pekilang-pekilang tersebut telah menumpukan aktiviti pengeluaran mereka kepada produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi atau

higher end products. Walau bagaimanapun, kebanyakan daripada pekilang-pekilang tempatan tidak menghadapi masalah akibat kemasukan barang-barang murah dan berkualiti rendah dari luar negara kerana mereka telah meningkatkan pengeluaran mereka dengan menghasilkan *higher end products*. Barangan tersebut tidak bersaing secara langsung dengan barang-barang murah dan berkualiti rendah dari luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai pasaran terbuka, kerajaan tidak boleh menghalang pengimportan barang-barang murah dari luar negara. Akan tetapi, di bawah Akta Duti Timbal Balas dan Anti Lambakan 1993 dan Peraturannya, kerajaan boleh mengambil tindakan anti lambakan terhadap pengeksport asing yang menjual barangan mereka di Malaysia dengan harga jualannya yang lebih murah berbanding dengan harga jualan di pasaran domestik mereka sendiri sehingga menyebabkan kemudaratan ke atas industri tempatan. Aktiviti ini dikenali sebagai lambakan. Misalnya, Malaysia telah mengambil tindakan anti lambakan terhadap pengimportan basikal dari negeri China dan Hong Kong dengan mengenakan *Anti Dumping Duty* sebanyak 11% hingga 186% ke atas basikal dari negara tersebut.

Langkah yang kedua diambil oleh kerajaan untuk mengelakkan barangan yang berkualiti rendah dari luar negara memasuki pasaran tempatan ialah mewajibkan atau memerlukan barangan tertentu mematuhi *Mandatory Standard* ataupun menggalakkan kegunaan *Voluntary Standard* yang ditetapkan oleh Jabatan Standard Malaysia untuk memastikan barangan itu mematuhi keperluan kesihatan dan keselamatan.

Sehingga Mei 2004, sebanyak 3,449 Standard Malaysia telah dibangunkan. Tetapi, langkah yang penting sekali dari segi jangka masa panjang ialah meningkatkan daya saing dan daya tahan pekilang-pekilang kita. Untuk tujuan ini, kerajaan telah menggalakkan pengeluaran memberi tumpuan kepada aktiviti pengeluaran yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dengan menggunakan teknologi terkini serta tenaga kerja mahir dan berpengetahuan, pendek kata mengeluarkan *higher end products*.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan saya, adakah pihak kerajaan sedar bahawa barangan substandard yang dibawa masuk dari luar negara ini termasuk barang-barang elektrik banyak diguna pakai oleh penduduk-penduduk luar bandar. Oleh kerana barang-barang ini tidak melalui sukatan atau ujian piawaian, ia telah mendatangkan banyak masalah terutama

sekali kepada kejutan elektrik dan sebagainya. Jadi, sementara pada masa yang sama kita mengenakan sekatan yang tinggi dari segi standard terhadap barangan keluaran tempatan, adakah pihak kementerian bercadang untuk memastikan semua barang terutama sekali barangan elektrik mematuhi syarat sedemikian? Terima kasih.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, memang MITI sekarang sedang menjalankan beberapa langkah untuk menggalakkan kegunaan *Mandatory Standard* seperti yang saya baru-baru sebutkan. Sehingga Mei 2004, kita telah berjaya membangunkan sebanyak 3,449 Standard Malaysia. Di antaranya, lebih kurang 123 daripada jumlah yang tersebut itu merupakan *Standard Mandatory* iaitu termasuk produk simen, seramik, besi dan juga keluli dan alat-alat elektrik.

Tidak boleh dinafikan di pasaran domestik, khususnya di luar bandar kita menghadapi masalah yang barang-barang elektrik ataupun elektronik dibawa masuk tanpa cara yang rasmi, yang sah. Jadi, kita memang ada menghadapi masalah ini. Jadi, kita minta bantuan dan kerjasama daripada orang ramai. Kalau terdapat kes-kes seperti ini, laporkanlah kes ini kepada Bahagian Penguat Kuasa MITI ataupun Kementerian *Domestic Trade*. Sekian, terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan saya ialah berkaitan dengan masalah produk-produk luar negara, sama ada kita bersetuju ataupun tidak bersetuju, sama ada kita rela ataupun tidak rela, ini hakikat yang telah dibuat kajian. Walaupun kerajaan mencadangkan supaya usahawan kecil dan sederhana kita, pekilang-pekilang kita supaya menambahkan kekuatan dalaman dan luaran, sama ada daya tahankah atau daya yang pelbagainya, yang pastinya, apabila berlaku AFTA, apatah lagi daripada WTO, dan sekarang ini pun dengan pengimportan barangan dari China umpamanya perabot ataupun dari beberapa negara lain seperti basikal dan motosikal, walaupun dikenakan cukai, masih rendah daripada produk pasaran yang dikeluarkan dalam negara kita.

Ada satu kajian menyatakan bahawa, apabila ini dibuka secara terbuka terus apabila AFTA dilaksanakan, berkemungkinan keseluruhan industri kecil dan sederhana di negara kita hampir 70% dan 80% akan gulung tikar. Ini hakikat yang realiti, yang sedang berlaku kerana sikap globalisasi yang ada. Saya hendak tanya kementerian, apakah tidak ada sedikit pun dasar-dasar perlindungan barangan tempatan sekiranya ia mempunyai persamaan kualiti, supaya usahawan kecil dan sederhana di negara kita

yang juga diusahakan oleh kerajaan dan kementerian, akhirnya akan melalui satu proses daya tahan yang lebih tinggi pada masa-masa akan datang. Jadi, inilah persoalan sebenarnya yang menjadi kerisauan beberapa badan NGO seperti Persatuan Pengilang-pengilang Industri Kecil dan Sederhana dan juga Persatuan Pengilang-pengilang negara kita. Terima kasih.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, kemasukan barang-barang murah ke pasaran tempatan tidak semestinya membawa kesan yang negatif. Kebanyakan barang yang dimasuki itu adalah barang-barang yang tidak dikeluarkan oleh pengilang-pengilang tempatan ataupun produk yang dikeluarkan oleh pengilang tempatan itu adalah untuk kumpulan *consumer* yang lain.

Misalnya, produk yang berkualiti lebih tinggi ataupun *higher end product* untuk *consumer* yang mampu membayar. Kita mengeluarkan *higher end product* dan membawa masuk produk *lower end product* dari luar negeri. Dengan mengadakan produk lebih murah, telah menyumbangkan terhadap meningkatkan taraf hidup golongan miskin di negara kita dan mengurangkan tekanan inflasi. Bagi industri tempatan pula, ianya membolehkan perolehan sumber input yang lebih murah dan ini menyumbangkan kepada pengeluaran barangan siap yang kompetitif. Bukan sahaja untuk pasaran tempatan tetapi juga untuk pasaran serantau dan global.

Saya juga ingin menyebutkan bahawa negara kita memang telah mula membuat persiapan untuk menghadapi cabaran-cabaran yang akan dihadapi bila pelaksanaan AFTA dan sebagainya. Sebagai contoh satu Jawatankuasa Kabinet untuk meningkatkan daya saing negara telah pun ditubuhkan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan tujuan jawatankuasa ini ialah untuk menggubal, mengumpul dasar dan strategi untuk meningkatkan daya saing negara.

Tambahan beberapa program sokongan telah pun dijalankan oleh MITI untuk memastikan IKS atau Enterprise Kecil dan Sederhana (EKS) mencapai potensi yang sepenuhnya strategi-strategi telah dirancangkan itu termasuk peningkatan produktiviti, tahap keupayaan, teknologi dan daya saing di peringkat global. Ini sahaja, terima kasih.

5. **Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]** minta Menteri Pelancongan menyatakan apakah bantuan-bantuan yang boleh disalurkan oleh kementerian bagi menghidupkan aset-aset pelancongan yang sedia ada di sesebuah kawasan khususnya di luar bandar contohnya di negeri Kedah seperti Pesta Menuai, Berakit Sungai Muda, Makan-makan di Pantai, Berkenu di Sungai MADA dan Arus Deras Jeram Sedim, Kulim.

Timbalan Menteri Pelancongan [Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan tidak menyediakan peruntukan kewangan secara langsung kepada sesebuah kawasan Parlimen atau kerajaan negeri tetapi peruntukan disalurkan melalui pelaksanaan acara-acara peringkat nasional yang telah ditetapkan. Acara-acara di setiap negeri turut dilaksanakan melalui majlis tindakan pelancongan negeri-negeri dengan tujuan yang sama. Antara acara-acara yang dilaksanakan ialah bulan Pesta Air Nasional, bulan Citra Warna dan perayaan Bulan Kemerdekaan. Selain daripada itu kerajaan negeri melalui Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Kedah juga digalakkan menentukan jenis-jenis acara tempatan yang sesuai dilaksanakan iaitu dari segi keupayaan memberikan impak pelancongan yang positif kepada Negeri Kedah.

Pelaksanaan acara-acara tempatan yang unik dan akan menarik lebih ramai pelancongan tempatan dan asing ke negeri Kedah akan dijalankan. Oleh itu kerajaan negeri boleh mempertimbangkan kesesuaian untuk menjadikan Pesta Menuai, berakit melalui Sungai Muda, Makan-makan di Pantai, Berkenu di Sungai MADA dan lain-lain program yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Jerlun sebagai acara tahunan bagi negeri Kedah, jika pelaksanaan acara-acara tersebut dapat menarik lebih ramai lebih ramai pelancong tempatan dan asing bagi negeri Kedah.

Di samping itu Tourism Malaysia dan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Kedah juga melaksanakan program-program promosi seperti Cuti-cuti Malaysia dan MegaFAM bagi mempromosikan tempat-tempat pelancongan yang turut meliputi destinasi di luar bandar. Manakala bagi pengusaha pelancongan yang memenuhi syarat ataupun kriteria pinjaman pelancongan yang mana memerlukan modal untuk pengubahsuaian, penaiktarafan dan membaik pulihkan tempat-tempat pelancongan atau projek-projek pelancongan, mereka boleh membuat permohonan pinjaman melalui Tabung Infrastruktur Pelancongan atau Tabung Khas Pelancongan yang menawarkan kadar faedah yang rendah iaitu 3.75% setahun bagi meningkatkan daya maju pelaksanaan sesuatu projek pelancongan oleh pihak swasta.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Saya cukup berpuas hati dengan jawapan yang diberikan dan kita nampak memang banyak program pelancongan yang dibuat di seluruh negara termasuklah negeri Kedah. Cuma apa yang saya cuba bangkitkan di sini ialah satu program yang nampaknya mudah tetapi memberi faedah yang besar kepada rakyat terutamanya penduduk-penduduk tempatan dan ianya tidak menelan belanja yang tinggi. Cuma apabila kita mengadakan Pesta Air Malaysia, kadang-kadang rakyat di kawasan MADA - Kedah mempunyai lebih kurang 300 km Sungai MADA dan mereka pun tentu hendak melihat apakah *follow-up* ataupun program-program sampingan apabila pesta air ini diadakan, bermakna apabila Berakit di Sungai MADA contohnya diadakan kita boleh juga menjemput negeri-negeri lain seperti Kelantan yang banyak sungai, begitu juga dengan Perak untuk diadakan pertandingan. Cuma apa yang pentingnya di sini, Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri, peranan yang dimainkan oleh penduduk tempatan, mereka juga boleh mengeluarkan produk-produk tempatan seperti di kawasan negeri Kedah itu banyak hasil tangan yang dibuat daripada buluh dan sebagainya. Jadi, di situlah tempat pemasaran mereka secara kecil-kecilan tetapi sekiranya diadakan secara yang berjadual mereka boleh *standby* dan mereka boleh mengadakan jadual untuk memasarkan produk-produk tempatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalannya ialah oleh kerana soalan ini berhubung kait dengan alam semula jadi, tiap-tiap negeri ada keindahan dan juga ada keistimewaan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan?

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin: ...alam semula jadinya, adakah kementerian bercadang untuk memesatkan lagi program-program pelancongan yang relevan dengan perkara-perkara yang dibangkitkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, melalui program Tourism Malaysia dan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Kedah sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Jerlun tadi, pada tahun 2002 sahaja negeri Kedah menerima seramai 742,000 pelancong luar ke Kedah, tahun 2003 ia turun sedikit iaitu seramai 652,000 mungkin disebabkan SARS dan perang Iraq. Tetapi program-program pesta air yang kita laksanakan pelancarannya di peringkat

nasionalnya di negeri Kedah walaupun 300 km Sungai MADA tetapi kita tumpukan di Alor Star dan telah dapat menarik kira-kira 250,000 pelancong-pelancong dari dalam dan luar negeri untuk datang ke negeri Kedah.

Untuk makluman Yang Berhormat, baru-baru ini terdapat 600 wartawan (*journalists*) serta *tour operators*, dengan izin datang ke pesta air berkenaan dan memberikan satu liputan yang baik di luar negara khusus untuk negeri Kedah. Saya berharap selepas ini Kedah akan menjadi salah satu negeri yang akan dikunjungi lebih ramai oleh pelancong-pelancong.

Mengenai soalan terhadap alam semula jadi dan pasaran kraf tangan, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Pelancongan juga mempromosikan Pekan Rabu sebagai salah satu tumpuan tempat pelancongan untuk membeli barang-barang makanan dan juga barangan tempatan bagi di bawa balik oleh pelancong-pelancong dan kita juga menjadikan kawasan semula jadi seperti di kawasan Yang Berhormat bagi Jerai - yang belum datang pagi ini, sebagai salah satu destinasi pelancongan yang baru.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Salah satu daripada aset pelancongan ialah hotel-hotel yang ada dalam negara kita sama ada yang lima bintang ataupun yang tidak ada lima bintang. Cuma, Tuan Yang di-Pertua, kadar sewa bilik hotel yang pada masa sekarang ini kita berpuas hati tiba-tiba meningkat dua kali ganda atau hampir tiga kali ganda semasa musim Persidangan UMNO, dan mungkin MIC dan lain-lainlah pada bulan September ini, yang menjadi mangsa kamilah wakil-wakil rakyat dan kami lebih bimbang yang menjadi mangsa ialah pelancong-pelancong. Sekarang kami dapati pelancong-pelancong daripada negara Arab sudah mula datang. Semalam saya tengok di Hotel Legend dan Hotel Pan Pacific ramai orang-orang Arab. Jadi, soalan saya adakah kerajaan sedar masalah ini dan bagaimana untuk mengatasinya? Sekian, terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan berkenaan tidak ada berkaitan dengan soalan asal, tetapi atas nama sahabat saya jawab juga [*Ketawa*] [*Disampuk*] kerana hotel-hotel sewaktu Persidangan Agung UMNO, saya dan pihak kementerian merasakan ianya tidak kena mengena dengan kadar yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Pihak kementerian hanya menentukan kadar-kadar tidak mengira musim. Mana-mana hotel yang mengenakan kadar yang

tinggi pada musim-musim tertentu sila beritahu, kita ambil tindakan kerana kita tidak mahu membezakan sama ada pelancong asing ataupun pelancong dalam negeri. Di sesetengah negara, pelancong-pelancong luar negeri dikenakan dalam US Dollar, pelancong dalam negeri dengan wang tempatan – di Malaysia tidak ada. Begitu juga sama ada Persidangan DAP, Persidangan Pas ataupun Persidangan UMNO tidak ada kadar ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada kadar istimewa untuk Ahli Yang Berhormat? [*Dewan riuh*]

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya boleh berunding dengan Tuan Yang di-Pertua . [*Ketawa*] Begitu juga tentang beberapa tindakan oleh pihak-pihak hotel yang mengenakan bayaran tinggi kepada pelancong-pelancong asing terutamanya pelancong-pelancong Arab, saya fikir apa yang kita peroleh sekarang ini tidak ada bayaran yang berbeza untuk pelancong-pelancong Arab. Kita tahu bahawa pelancong-pelancong Arab sekarang ini membanjiri Kuala Lumpur hasil daripada misi promosi yang dilakukan oleh pihak kementerian baru-baru ini ke negara-negara Timur Tengah – walaupun tidak ada Ahli-ahli Parlimen yang bernasib baik untuk mengikuti rombongan berkenaan.

6. **Dr. James Dawos Mamit [Mambong]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan berapakah keluasan (saiz) hutan bakau yang masih "*pristine*" di negara kita dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi memastikan agar ekosistem yang penting ini diurus dan dipelihara dengan mapan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat bagi Mambong kerana berjaya berucap selama lebih 6 jam iaitu 1 jam lebih daripada ucapan Ketua Makhluk Perosak kita dalam Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu tidak kena mengena dengan soalan ini.

Tuan Sazmi bin Miah: Oh, saya tarik baliklah. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bagi Mambong, Semenanjung Malaysia masih mempunyai seluas 101,455 hektar hutan paya laut atau bakau dan dari jumlah kawasan tersebut seluas 5,951 hektar adalah hutan dara ataupun *pristine* dan 79,534 hektar adalah

hutan yang telah diusahakan di masa yang lampau dan terletak di dalam hutan simpanan kekal, manakala 15,970 hektar yang terletak di tanah kerajaan adalah merupakan kawasan yang rosak dengan izin, *disturbed* atau yang telah diusahakan.

Di negeri Sarawak pula keluasan hutan paya bakau yang masih *pristine* atau dara adalah 101,000 hektar sementara di Sabah keluasan hutan paya bakau adalah 317,423 hektar. Di dalam memastikan hutan paya laut di hutan simpan kekal dipelihara dan diurus secara berkekalan kaedah-kaedah pengurusan yang diamalkan adalah melalui tebangan bersih ataupun *clear felling*, dengan izin dengan giliran tebangan di antara 20 hingga 30 tahun.

Sehubungan dengan ini kawasan yang dirancang untuk diusahakan sebanyak tujuh pokok ibu dalam satu hektar serta zon penampakan sejarak 3 meter dari tebing sungai disimpan untuk memastikan pertumbuhan asli ataupun dengan izin, *natural regeneration* yang mencukupi dan memelihara alam persekitarannya. Di tempat yang mana pertumbuhan asli berkurangan tanaman pengayaan dengan spesies bakau dijalankan. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Hutan bakau adalah satu khazanah negara yang penting. Lebih lagi penting kepada nelayan kita kerana seperti mana yang kita tahu hutan bakau adalah *spawning ground*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, bagi ikan dan udang. Selain daripada itu hutan bakau adalah satu zon penapisan pencemaran dan juga kawasan tebatan banjir.

Bagi sumber kepelbagaian biologi pula di mana hutan bakau terdapat lebih daripada 60 spesies tumbuh-tumbuhan yang ada potensi untuk industri bioteknologi, maka ini memang amat penting. Persoalan saya adalah, apakah rancangan kerajaan bagi memastikan bahawa hutan bakau ini dikekalkan melalui penanaman semula atau melalui rawatan silvikultur yang paling sesuai?

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Sebenarnya kementerian pada tahun 1994 telah mula *ratified*, dengan izin, Ramsa Convention yang telah ditubuhkan pada tahun 1971 di Iran. Jadi antara tapak yang pertama yang telah kita masukkan di dalam Ramsa *site* ini ialah Tasik Bera dan di Tenggara Johor iaitu di kawasan Tanjong Piai, Pulau Kukup dan Sungai Pulai. Melalui kaedah-kaedah dan kerjasama yang baik di antara Wetland International Dam iaitu

sebuah pertubuhan NGO daripada Kerajaan Denmark dan sebagainya, kita telah pun sedikit sebanyak mempelajari dan juga cuba untuk mengekalkan *biodiversity* di dalam hutan-hutan tersebut dan pihak kementerian dan juga negara kita Malaysia ini masih baru di dalam kaedah ini dan kami sememangnya akan berusaha bersungguh-sungguh untuk menjaga supaya hutan-hutan bakau ini terjaga dan dijamin ketinggian *biodiversifiednya*. Terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya telah mendengar dari segi teorinya pemuliharaan pokok bakau itu memang ada. Dan kita juga sedar bahawa apabila hutan bakau ini disentuh ataupun digunakan untuk pembangunan, termasuk juga perladangan ataupun aktiviti lain, ia disyaratkan Laporan EIA. Dalam Laporan EIA pun, ada dinyatakan Environmental Management Plan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sejauh manakah pihak Jabatan Alam Sekitar menilai dari segi menanam semula pokok bakau yang telah disyaratkan terhadap mereka yang telah mengusahakan kawasan-kawasan bakau ini? Terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Sebenarnya apabila hutan-hutan tersebut digazetkan, kuasa kerajaan tempatan dan negeri masih lagi terlaksana. Maksudnya, dasar dan sebagainya memang dibuat oleh kementerian tetapi penguatkuasaan serta cara-cara untuk membangunkan sesuatu kawasan tersebut diserahkan kepada kerajaan tempatan dan juga kerajaan negeri. Sememangnya EIA diperlukan bagi setiap pembangunan yang melebihi 50 hektar dan juga untuk pembangunan di kawasan-kawasan yang dirizabkan.

Walau bagaimanapun, apabila pematuhan dan sebagainya yang tidak dibuat oleh pihak pemaju, kerajaan tempatan dan kerajaan negeri sememangnya diberi kuasa dan tugas untuk memantau dan mengenal pasti seperti juga pengisuan sijil kelayakan dan sebagainya adalah di bawah kerajaan tempatan dan negeri. Jadi kerajaan hanya menggubal dasar dan meletakkan garis-garis panduan untuk pembangunan tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tuan M. Kula Segaran a/l V. Murugeson.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan saya yang ketujuh. Tuan Yang di-Pertua, saya pohon sedikit pembetulan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tentang soalan?

Tuan M. Kula Segaran: Soalan (a) selepas perkataan “Majistret” perlu ditambah sebagai “Hakim Mahkamah Sesyen dan Hakim-hakim Mahkamah Tinggi”.

7. **Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kekosongan jawatan bagi Majistret, Hakim Mahkamah Sesyen dan Hakim-hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Bilakah kekosongan ini akan dipenuhi; dan
- (b) nyatakan strategi-strategi mengatasi kes-kes tertangguh (*backlog of cases*). Adakah ia efektif.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Ada dua soalan, (a) dan (b). Untuk jawapan soalan (a); kekosongan jawatan yang wujud bagi perjawatan-perjawatan berikut adalah:-

- **Jawatan Hakim Mahkamah Persekutuan:**

Jawatan sebenar	-	7;
Diisi	-	5;
Kosong	-	2.

- **Jawatan Hakim Mahkamah Rayuan:**

Jawatan sebenar	-	15;
Diisi	-	13;
Kosong	-	2.

- **Jawatan Hakim Mahkamah Tinggi:**

Jawatan sebenar	-	57;
Diisi	-	51;
Kosong	-	6.

- **Jawatan Hakim Mahkamah Sesyen:**

Jawatan sebenar	-	87;
Diisi	-	81;
Kosong	-	6.

-	Hakim Mahkamah Majistret:		
	Jawatan sebenar	-	151;
	Diisi	-	136;
	Kosong	-	15.

Kekosongan jawatan ini akan diisi secara hakiki dan mengikut keperluan sesebuah tempat.

Untuk jawapan (b) ada empat strategi:

- (i) diadakan persefahaman di antara Hakim-hakim, Pegawai Kehakiman, pihak Timbalan Pendakwa Raya serta para peguam supaya kes-kes dapat dibicarakan dalam satu jangka masa yang tertentu. Pada 7 November 2003, Hakim Mahkamah Tinggi semasa Persidangan Majlis Hakim-hakim telah meluluskan satu resolusi untuk cuba menyelesaikan kes-kes pra-tahun 2000 selewat-lewatnya di akhir bulan Jun 2004. Ini diikuti pula oleh resolusi mengenai perkara yang sama dari Pegawai Kehakiman pada 15 Disember 2003. Ini merupakan satu langkah yang berkesan kerana pada hari ini cuma tinggal 8,862 kes-kes pra-tahun 2000 di mahkamah seluruh negeri;
- (ii) meneliti dan menyemak undang-undang dan arahan amalan dan peraturan-peraturan bagi memastikan ia tidak menghalang perjalanan kes dengan lancar;
- (iii) bagi mempercepatkan proses perbicaraan, mahkamah sedang berusaha memperkenalkan Pentadbiran Mahkamah Bersepadu dengan izin, Integrated Court Management System. Ini akan melibatkan perhubungan secara elektronik mahkamah-mahkamah di Malaysia yang akan dilaksanakan dalam Projek Pengkomputeran Mahkamah yang dikenali e-kehakiman. Dan pelaksanaan ini akan dijalankan secara berperingkat bermula dengan 11 mahkamah di Putrajaya dan Kuala Lumpur dan diikuti dengan mahkamah-mahkamah dalam Malaysia dalam tempoh 3 tahun; dan

- (iv) Hakim, Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi dan pegawai-pegawai yang hendak bercuti hendaklah merancang cuti rehat masing-masing untuk mengelakkan penangguhan kes.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan strategi-strategi yang dinyatakan di atas menyumbangkan kepada penyelesaian kes-kes pada kadar yang memuaskan dan adalah efektif. Sekian, terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan ada beberapa strategi yang telah diperkenalkan. Saya ingat lagi pada enam tahun dahulu bahawa di antara strategi-strategi yang telah dikatakan adalah strategi dalam *computerization*. Apakah proses yang telah dibuat setakat hari ini. Setiap kali kerajaan ditanya kenapa tertunggahnya kes-kes tertunggak, itu adalah satu alasan yang sama juga. Saya rasa *computerization* lebih perlu kerana ia satu-satunya sistem yang boleh diterima pakai seperti di luar negara.

Seperti di Singapura sekarang di mana kalau kita mahu failkan dokumen-dokumen, kita tidak perlu pergi ke mahkamah. Kita boleh memfailkan dokumen dari pejabat kita secara *e-mail*. Adakah proses itu akan diimplementasikan dan adakah itu akan mengatasi masalah-masalah yang sedia ada mengenai tertunggaknya kes di seluruh negara memandangkan beberapa kes sekarang telah diberi tarikh bicara satu atau dua tahun lagi dari sekarang. Ini akan memudaratkan semua pihak.

Apakah '*justice delayed is justice denied and justice hurried is justice denied also*'? Dalam pra 2000 kes yang sekarang diimplementasikan di mana hakim-hakim memaksa peguam-peguam dan pihak-pihak terlibat menghabiskan kes dalam satu tempoh. Walaupun satu *mindset* yang bagus tetapi memaksa dengan cara tiba-tiba adalah satu perkara yang tidak boleh diterima. Jadi, apakah yang boleh dibuat dalam kekosongan jawatan ini? Macam di Ipoh, Hakim Mahkamah Tinggi sudah tidak ada dalam dua tahun. [*Disorak*] Lebih kurang dua tahun tidak ada Hakim Mahkamah Tinggi di Mahkamah 1, di Mahkamah 4 dan tidak ada hakim di Mahkamah Tinggi Teluk Intan seperti yang telah dijanjikan dahulu. Bilakah kekosongan ini akan *difill*, dengan izin?

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat. Ini jawapan mengenai pengkomputeran. Dengan izin, *computerization alone doesn't solve the problem* tetapi *computerization* ini adalah satu proses yang panjang dan juga satu proses yang kita

perlu buat dengan cara baik kerana apabila kita dapat, ada tender-tender yang *interested party*, dengan izin, hendak buat *computerization* untuk mahkamah ataupun e-kehakiman, kita tidak berpuas hati dengan cara atau program yang mereka beri.

Kalau kita ambil contoh dari negara-negara lain umpamanya Singapura, kes-kes tertunggak di Singapura atau sistem yang ada di Singapura ada perbezaannya. Kita ambil kira jumlah *population* di Singapura juga ia kurang daripada *population* UMNO di Malaysia ini. UMNO pun sudah sampai 3 juta, Singapura punya *population* pun 3 juta juga. Oleh sebab itu sistem yang digunakan dalam satu negara yang ada kes-kes yang sedikit sahaja tidak perlulah kita guna pakai di sini. Di Malaysia ini kes-kes yang tertunggak sudah sampai 425,000, lebih daripada penduduk Brunei. Oleh sebab itu sistem yang diguna pakai dalam negara-negara lain tidak boleh digunakan di sini.

Satu lagi berkaitan dengan isu-isu jawatan ini, kita cuba bina, bangunkan mahkamah-mahkamah dahulu. Kalau seperti dahulu di Ipoh kita ambil contoh, ada dua hakim sahaja. Sekarang kita sudah ada lima ruang atau tempat ataupun mahkamah untuk hakim. Tidak boleh ambil contoh itu sebagai tidak ada hakim. Kita sediakan tempat itu dahulu selepas itu apabila ada jawatan, tempat dah sedia, jawatan bila ada, hakim itu dia sudah ada mahkamahnya sendiri. Oleh sebab itulah di mahkamah lain-lain negeri pun kita dapati bangunan sudah ada tetapi jawatan belum diisikan kerana kita telah sediakan tempat sebelum kita ada jawatan.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Timbalan Menteri memberi penjelasan bahawa seolah-olah permasalahan kita ini tidaklah begitu ketara ataupun kronik tetapi kita sebagai pengamal undang-undang, kita mengetahui keadaan yang sebenarnya. Seperti yang disebut oleh Timbalan Menteri sendiri, kes-kes yang tertangguh di negara kita sehinggakan 425,000 itu membuktikan bahawa perkara ini adalah soal pentadbiran pengurusan kehakiman di negara kita ini perlu diperbaiki.

Dalam hal ini, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri sama ada kerajaan boleh mempertimbangkan ataupun sudi mempertimbangkan memberi keutamaan kepada hal undang-undang dan kehakiman. Dengan erti kata, kalau dahulu kita pernah ada seorang Peguam Negara yang duduk dalam Kabinet. Pada suatu masa dahulu kita ada Menteri Undang-undang tetapi kebelakangan ini kita hanya ada Menteri yang dipertanggungjawabkan dalam hal undang-undang. Kita tidak ada

priority ataupun pengkhususan sehinggakan pada suatu masa Dato' Ibrahim Ali pun jaga undang-undang.

Jadi, saya ingin bertanya sama ada untuk membantu kerajaan dalam memberi keutamaan dan menyelesaikan masalah-masalah rakyat kerana kes-kes ini yang melibatkan orang ramai, sudikah kerajaan melantik menteri khusus di antara menteri-menteri yang ada sekarang untuk menjaga undang-undang. Maksud saya menteri yang ada sekarang untuk diberi keutamaan kepada perkara yang saya sebutkan. Terima kasih.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat. Strategi yang digunakan sekarang ini bukanlah *exhaustive*, dengan izin. Kita ingin cuba dapat strategi-strategi lain. Kita faham masalah kes-kes ini satu masalah yang kronik. Bukan jawapan saya di mana Yang Berhormat kata seolah-olah nampak masalah ini bukan serius, masalah ini serius. Kita ambil perkara ini satu perkara yang amat serius dan juga kita faham ini perlu dibaiki dengan secepat mungkin. Tetapi bukan senang seperti yang kita kata ataupun macam hanya buat satu resolusi di mana-mana perhimpunan. Kita juga akan memberi keutamaan kepada masalah ini.

Berkaitan dengan pelantikan khusus satu menteri untuk dengan izin, *Minister of Law*, ini adalah satu dasar dan juga terpulang kepada Perdana Menteri apabila beliau buat jawatan-jawatan menteri atau kementerian, bolehlah Yang Berhormat membawa isu ini sebagai satu resolusi di Perhimpunan Agung UMNO akan datang di mana mungkin UMNO boleh bermulalah untuk mengadakan satu jawatan khasnya, khususnya ataupun seperti dahulu dalam tahun 1976 itu kita ada AG adalah seorang Menteri boleh duduk dalam Kabinet. Itulah saya boleh katakan.

Berkaitan dengan kes-kes walaupun dia kronik sangat, saya beri sedikit angka. Kalau kita ambil kira Mahkamah Persekutuan, kes sivil di Mahkamah Persekutuan adalah hanya 46 sahaja dan jenayah adalah 57. Kalau kita ambil kira Mahkamah Rayuan, kes sivil – 6,096 dan kes jenayah – 561. Selepas itu kalau kita kira mahkamah-mahkamah bawah, Mahkamah Rendah, Mahkamah Majistret barulah kita dapati kes-kes ini banyak sangat. Kes sivil di Mahkamah Majistret – 102,000 dan juga kes-kes jenayah – 176,000. Kita perlu mencari satu jalan di mana kita akan menyesuaikan kes-kes ini macam mana di peringkat Mahkamah Rendah dan kes-kes ini banyak sangat. Kita akan beri tumpuan dan kita akan berusaha untuk memperbaiki masalah ini dan kita akan memberi keutamaan. Terima kasih.

8. **Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]** minta Menteri Pelancongan menyatakan kemajuan pencapaian "*Malaysia My Second Home*" dan apakah cara-cara yang dikenal pasti bagi menggalakkan lebih ramai pelancong dan pelabur dari luar negara menyertai program ini.

Timbalan Menteri Pelancong [Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, semenjak Program "*Malaysia Rumah Keduaku*" dilancarkan secara rasmi pada 24 Jun 2002 penyertaan daripada warga negara asing telah meningkat dari setahun ke setahun. Program ini pada asalnya dikenali sebagai *Silver Hair Programme* dan kemudiannya diperluaskan skopnya untuk menjadi Program Malaysia Rumah Keduaku.

Berdasarkan kepada statistik Jabatan Imigresen Malaysia, jumlah permohonan yang telah diluluskan dari tahun 1996 hingga 2003 adalah seramai 3,064 peserta. Bagi Januari hingga April tahun ini sahaja, Jabatan Imigresen telah meluluskan sebanyak 668 permohonan program ini. Dari segi promosi *Tourism Malaysia* telah dan sedang melaksanakan pelbagai aktiviti promosi bagi menggalakkan lebih ramai warga negara asing menyertai program ini. Ini termasuk penyediaan laman *web* yang mengandungi maklumat-maklumat mengenai program ini; penyediaan *corporate video*, menyertai bersama Jabatan Imigresen Malaysia dalam aktiviti promosi yang dikendalikan oleh pihak swasta seperti pameran-pameran perdagangan dan pameran-pameran hartanah yang diadakan di negara-negara pasaran seperti United Kingdom, China, India, Jepun, Taiwan, Timur Tengah, Singapura dan Indonesia.

Insentif-insentif tertentu juga disediakan bagi menarik lebih ramai warga asing menyertai program ini seperti membawa seorang pembantu rumah; perolehan dua unit hartanah kediaman yang berharga RM150,000 ke atas dan mendapatkan pinjaman perumahan sebanyak 60% daripada kos rumah daripada institusi kewangan tempatan serta pengecualian bayaran duti import dan cukai jualan ke atas sebuah kereta yang diimport dari negara *domicile* terakhir atau pengecualian duti eksais dan cukai jualan ke atas pembelian sebuah kereta buatan tempatan.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita mengalu-alukan usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai Rumah Keduaku kepada rakyat-rakyat negara asing dan kita tahu syarat-syarat yang telah dikenakan walaupun kerajaan tidak memberikan jaminan kepada PR kepada mereka yang terlibat, sambutan nampaknya menarik. Cuma yang ingin saya tanyakan

soalan tambahan saya, bilakah agaknya program yang dikatakan *Malaysia My Second Home* ini dapat meniti di bibir ramai orang seperti Florida dikatakan sebagai *retirement state of America*, *Paris like city of love*, dengan izin, kerana kita lihat program kita ini masih belum dapat memenuhi cita rasa masyarakat antarabangsa untuk terlibat dengan lebih luas. Soalan saya, apakah yang akan dirangka oleh kerajaan untuk meneruskan program ini. Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, *Programme Silver Hair* ini terjemahan secara *literalnya* ialah Program Rambut Putih. Ramai di antara kita yang begitu keadaannya. Program ini untuk mereka yang berumur 50 tahun ke atas dan kita menggalakkan warga negara luar untuk duduk di sini dan diberikan kemudahan *multiple entry visa* ataupun visa masuk-keluar dengan tanpa had. Program ini telah menghasilkan RM559 juta kepada Malaysia dari segi *foreign income earning*, dengan izin. Walaupun ianya belum meniti dari bibir ke bibir sebagaimana di Florida disebut oleh Yang Berhormat bagi Muar tetapi kita telah dapat menarik sehingga April tahun ini sebanyak 3,732, tahun lepas sahaja kita dapat menarik 3,064. Ertinya, rancangan ini berjaya.

Di negeri China, orang China sahaja yang membeli rumah di Malaysia, duduk di sini seramai 819 orang. Orang Putih - 376, orang United Kingdom, ini semua *silver hair*. Ertinya, bukan yang tidak *silver hair* tidak boleh duduk, dengan syarat umurnya 50 tahun ke atas. Kalau Tampin dikata *blonde* pun layak juga tetapi kita kena tengok umurnya.

Begitu juga dari segi usaha-usaha menggalakkan, kita menerbitkan *brochures*, risalah-risalah dalam bahasa Inggeris, Mandarin, Arab, Prancis dan Indonesia. Yang amat menarik saya ingin tunjukkan *brochure* dalam bahasa Indonesia Tuan Yang di-Pertua, yang saya pun agak rasa seronok mendengarnya [*Sambil menunjuk brochure dan bercakap nada suara Indonesia*] – “Mesti sihat keterangan sihat dari rumah sakit yang berwenang.” Antaranya dia kata, “Ansuransi kesihatan yang masih berlaku di Malaysia.” [*Ketawa*] Ini antaranya! Ertinya, *brochure* ini dipersesuaikan dengan kehendak pasaran tempatan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup untuk Soal-Jawab.

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua, sembilan baru tak sampai.

Seorang Ahli: Dah habis dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis Yang Berhormat.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

**RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN
(PINDAAN) 2004**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Kanun Keseksaan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad]; dibaca kali yang pertama; akan diserahkan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas.

**RANG UNDANG-UNDANG KANUN TATACARA JENAYAH
(PINDAAN) 2004**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Kanun Tatacara Jenayah; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad]; dibaca kali yang pertama; akan diserahkan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2003) 2004****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL. 2) 2003****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan)(Bil.2) 2003 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[14 Julai 2004]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bagi Kementerian Kewangan diminta menyambung semula menjawab.

11.11 pagi

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung semula penggulungan saya.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana semalam Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada buat satu jawapan yang penting mengenai satu perkara yang penting ialah mengenai skandal jutawan Orang Asli di Lingui yang hidup dalam kemiskinan akibat penyelewengan wang pampasan dan juga kecuaihan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ialah dalam melindungi hak Orang Asli dalam kes tersebut dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dalam jawapan beliau ada kata di sini bahawa saya baca sebenarnya apa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada jawab.

"Tuan Yang di-Pertua, sejak kes tuntutan pampasan Orang Asli di Lingui bermula pada tahun 1998, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli tidak pernah dilibatkan sama dalam kes ini atas kehendak masyarakat Orang Asli yang terlibat iaitu 52 orang. Sebaliknya plaintif telah bertindak melantik peguam terbabit dan menolak sama sekali penglibatan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dalam membantu kes mereka, dakwaan yang mengatakan Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli

adalah turut menjadi salah seorang daripada pemegang amanah Tabung Amanah Pampasan tersebut adalah tidak benar.

Pemegang amanah pertama adalah peguam kes tersebut, manakala dua plaintif yang terlibat merupakan pemegang amanah kedua dan ketiga. Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli hanya dinamakan sebagai pemegang amanah kedua sekiranya pemegang amanah pertama berhenti atas alasan kematian atau sebagainya.”

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah tidak benar timbul bukan sahaja atas penjelasan tetapi supaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak diheret kepada Jawatankuasa Hak Keistimewaan oleh kerana mengeliru dan memesong Dewan yang mulia ini. Sebenarnya saya ada di sini satu *trust* mahkamah, satu perintah mahkamah di sini yang dengan jelasnya ada dibuat satu perisytiharan di mana Ketua Pengarah JHOEA dilantik sebagai seorang pemegang amanah. Di sini saya baca dua perenggan ini –

“1.3. – Adung bin Kuwau, (Batin), *community* in Kampung Pasir Asam, Pasir Intan and Abdul Rahman bin Abdullah, (Batin) *community* in Sayung Pinang, dua orang Batin, dan ketiga, Kanawagi a/l Subramaniam, Peguam, Advocate & Solicitor, *be and I have hereby appointed the first trustee who shall execute the deed of trust.*

Perenggan yang kedua, kemudian “*The Director General of Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia, Kuala Lumpur, for a time being shall be appointed the additional trustee of the trust* bukan sebagai alternatif apabila dua *trustee* Batin, mereka sudah meninggal dunia tetapi sebagai *additional trustee*, dan ini ada dibuat selepas satu pendengaran saman di mana wakil *state legal advisor*, Johor adalah juga yang menunjukkan bahawa kerajaan ada tahu menahu mengenai order ini untuk melindungi Orang Asli yang ada diberi satu *judgement* RM38 juta dan sekarang RM16 juta sudah hilang. Kenapa dan bagaimana Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli tidak tahu apabila ada satu *court judgement* semacam ini, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mungkin tidak diberi maklumat yang betul. Tetapi bukankah ini lagi satu bukti bahawa JHOEA sudah cuai, tidak bertanggungjawab, tidak mengikut *good governance* untuk melindungi hak-hak Orang Asli dalam perkara ini, dalam perkara skandal di mana Orang Asli seolah-olahnya jutawan tetapi hidup dalam kemiskinan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat daripada Ipoh Timur memang tepatlah bahawa ada kesilapan dari segi laporan sebenarnya dan saya telah mendapatkan salinan Perintah Mahkamah yang dibaca oleh Yang Berhormat daripada Ipoh Timur tadi memang tepatlah bahawa Adung bin Kuwau @ Abdul Rahman bin Abdullah dan juga Kanawagi, adalah sebagai *first trustees* dan *General Director* kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli adalah sebagai *additional trustee*. Ini memang disebut dalam Perintah Mahkamah, saya minta maaf di atas kesilapan laporan kelmarin.

Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang boleh mengakui dengan berani dan yang mengakui kesilapan tetapi apa yang lebih mustahak daripada itu ialah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen semalam ada kata bahawa Jabatan Hal Ehwal Orang Asli tidak pernah terlibat sama sekali dalam kes ini atas maklumat itu tidak pernah terlibat dalam kes ini. Bukankah ini tidak benar pun bahawa Jabatan Hal Ehwal Orang Asli patutnya sudah terlibat dan apakah rekod, prestasi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli untuk melindungi hak-hak Orang-orang Asli khususnya mengenai *judgement* RM38 juta yang sudah hilang yang bukan Orang Asli yang menjadi kaya-raya tapi seorang *tout* mendapat RM2.2 juta, peguam yang dapat lebih daripada RM10 juta. Bukankah ini satu skandal Orang Asli yang patut dapat untung tetapi bukan orang yang untung ialah *'tout'* dan peguam-peguam.

Apa tindakan yang dibuat oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang di tubuh untuk menjaga kepentingan Orang Asli kerana Orang Asli perlu membela dan di sini Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sudah gagal membela, adakah apa-apa konspirasi di sini saya tidak tahu. Bolehkah satu siasatan yang sedalamnya dibuat dalam perkara ini supaya skandal ini boleh sedalam-dalamnya dibongkar dan dibuat tindakan dan sesiapa dalam Jabatan Hal Ehwal Orang Asli kalau gagal ataupun cuai patutlah tindakan diambil terhadap mereka bukan sahaja *tout* dan peguam-peguam dan juga dapat untung tetapi kita mahu tahu apa peranan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dalam skandal ini?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, kalau ikut dalam Perintah Mahkamah yang disebut di sini dan juga perintah mahkamah yang saya bacakan tadi, perenggan kelima, *'defendant shall pay the said sum of RM22 million direct to the account of the trust upon ratification of the establishment'* Yang disebut

ialah RM22 juta Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini banyak kekeliruan berlaku. Saya bercadang supaya Jabatan Hal Ehwal Orang Asli mengadakan satu *chronology of event* dan saya harap dapat diterangkan dengan jelas satu persatu dan peringkat demi peringkat sehingga kita dapat tahu di mana kedudukan sebenarnya. Adakah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli cuai dalam perkara ini, sebenarnya dia akan memakan masa sedikit

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua:dan kita akan jalankan siasatan yang terperinci Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Timur bangun lagi Yang Berhormat .

Tuan Lim Kit Siang: Ya, jaminan ...Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa mengarahkan satu siasatan dibuat mengenai peranan atau kecuaihan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang sudah gagal untuk mempertahankan dan membelakan nasib Orang Asli khususnya mengenai bukan sahaja RM22 juta dalam *trust* tetapi RM16 juta, perenggan enam yang ada menyebut,

'The balance of the judgement inclusive of a crude interest other than the said sum of RM22 million and the crude interest thereon under paragraph 5 about shall be paid forthwith to the plaintiff solicitor Mr. Kana and Co. Kuala Lumpur to be distributed to the plaintiff after the deduction and payment of all legal fees cause consultation fees and expenses incurred for the purpose of and connection with the prosecution of this originating summons or subsequent and related preceding'

RM16 juta. Bagaimana peguam boleh kutip lebih daripada RM10 juta ringgit? Bukankan ini satu skandal saya harap *Bar Council* akan ambil tindakan. Lebih daripada RM10 juta dan 'tout' dapat RM2.2 juta. Apa skandal dan *outrage* ini? Bolehkah siasatan selepas dibuat mengenai peranan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli pun dikemukakan dalam Dewan ini ataupun sekurang-kurangnya bolehkah saya mendapat satu laporan mengenai *outcome* siasatan itu?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, yalah seperti yang disebut oleh Ipoh Timur tadi satu siasatan akan dibuat sama ada keputusannya - kita belum tahu sama ada ada skandal atau tidak dalam perkara ini? Kita akan kemukakan *finding* daripada siasatan itu.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, kelmarin...

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]...laporan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen....

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah satu

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Setiausaha Parlimen sudah janji dia hendak siasatan sebelum membuat keputusan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, okey.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya sambung lagi tentang kelmarin, tentang *breakdown*, yang ini yang diminta oleh saya ingat ahli Beluran tentang *breakdown* perbelanjaan pembangunan bagi Sabah dan Sarawak, saya sebut kelmarin secara *lump sum*, yang ini ada *breakdown* sedikit. Tahun 2001 peruntukan untuk Sabah, saya *round-up the figure* Tuan Yang di-Pertua, Sabah - RM2 billion, Sarawak – RM1 billion. Untuk 2002, Sabah –RM2.41 billion, Sarawak – RM1.4 billion, pada tahun 2003, Sabah- RM2.5 billion dan Sarawak – RM2.6 billion, pada tahun 2004 ada juga peruntukan RM2.9 billion bagi Sabah dan Sarawak – RM2.7 billion.

Berkenaan dengan tabung bekalan elektrik, kelmarin yang saya sebut tentang bekalan elektrik, sebenarnya tabung amanah adalah daripada Sumbangan IPP. Terdapat banyak IPP di Semenanjung maka tabung ini berjumlah RM4.4 juta sehingga tarikh ini dan telah dikeluarkan RM217.9 juta untuk Semenanjung. Bagi Sabah dan Sarawak, di Sabah hanya ada RM4 juta, sebab itu bekalan elektrik luar bandar di Sabah adalah daripada peruntukan kerajaan Tuan Yang di-Pertua.

Untuk program vendor di Sabah, saya bacakan maklumat ini. Peruntukan yang disediakan di bawah Program Vendor sepanjang Rancangan Malaysia Kelapan adalah sebanyak RM2 juta. Peruntukan ini digunakan bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti promosi dan kursus-kursus pengenalan bagi isu-isu berkaitan Program Vendor di seluruh negara. Di negeri Sabah khususnya Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah menganjurkan beberapa promosi contohnya pada tahun 2002 tindakan seminar bagi mereka yang berminat untuk menyertai Program Vendor. Walau bagaimanapun, setakat ini di Sabah belum ada syarikat yang terlibat dengan Program Vendor ini. Ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti keadaan syarikat Anchor di Sabah di mana kebanyakan syarikat-syarikat Anchor adalah di

Semenanjung. Jarak yang jauh di antara Sabah dan Semenanjung telah menyebabkan masalah pengangkutan dan logistik. Oleh itu Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi akan terus melaksanakan aktiviti-aktiviti promosi di negeri berkenaan seterusnya yang berkaitan dengan industri-industri tempatan seperti industri pembalakan.

Tuan Yang di-Pertua, ahli daripada Bentong membangkitkan tentang langkah-langkah agresif untuk meningkatkan pelancongan di negara ini. Terdapat 39 program promosi yang telah dan sedang diadakan di peringkat antarabangsa seperti Arabian Travel Mart ataupun Arabian Travel Market, Sales Mission to China, Sales Mission ke Russia dan UK. Selain itu terdapat 1,026 promosi di luar negara yang sedang dan akan dilaksanakan oleh pejabat-pejabat *Tourism Malaysia* di luar negara pada tahun 2004. Melaksanakan promosi taktikal untuk meningkatkan ketibaan pelancong yang berkualiti tinggi dan juga mempromosi Malaysia sebagai destinasi *Meeting, Incentive, Conference, Exhibition* (MICE) yang terunggul.

Mengenai Malaysia My Second Home, promosi Malaysia My Second Home sedang dipromosikan secara besar-besaran oleh pejabat-pejabat Tourism Malaysia di luar negara dan ada kerjasama dengan Jabatan Imigresen dan pameran-pameran perdagangan antarabangsa dan mereka sedang menyediakan video My Second Home untuk kegunaan promosi di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Mambong bertanya apakah sumbangan perbelanjaan kerajaan terhadap pertumbuhan KDNK bagi tempoh 2003 dan suku pertama 2004. Berhubung dengan perkara sumbangan perbelanjaan kerajaan terhadap pertumbuhan KDNK, ia adalah 2.1 mata peratusan daripada kadar pertumbuhan KDNK sebanyak 5.3% pada tahun 2003, rendah sedikit daripada 3.3 mata peratusan daripada kadar pertumbuhan KDNK sebanyak 4.1% pada tahun 2002. Bagi tahun 2004 ini sumbangan perbelanjaan kerajaan terhadap pertumbuhan KDNK dianggarkan akan berkurangan lagi selaras dengan langkah konsolidasi fiskal yang sedang dijalankan ke arah mencapai bajet berimbang dalam tempoh terdekat.

Untuk makluman, perkembangan ini turut mencerminkan peningkatan semula peranan sektor swasta dalam menerajui pertumbuhan ekonomi negara iaitu daripada sumbangan sebanyak 0.4 mata peratusan pada tahun 2002 pada sumbangan sebanyak 3.2 mata peratusan dan tahun 2003 dijangka akan meningkat lagi pada tahun 2004.

Ahli Yang Berhormat bagi Batu Pahat menyentuh mengenai dengan cukai jualan. Cukai jualan dikenakan dan dikutip daripada pelanggan syarikat semasa jualan dibuat. Pembayaran dibuat kepada Jabatan Kastam dalam tempoh bercukai iaitu dua bulan sekali. Jika syarikat dilesenkan, masalah bayaran cukai jualan tidak timbul kerana cukai boleh dikutip daripada pelanggan. Cukai jualan tidak dibayar daripada pendapatan ataupun keuntungan syarikat. Jika syarikat tidak dapat memungut bayaran daripada pelanggan, syarikat boleh menuntut pulang balik cukai daripada Jabatan Kastam selepas tempoh satu tahun dari tarikh cukai dibayar. Ini adalah di bawah peruntukan *back debt* di bawah Akta Cukai Jualan 1972.

Tuan Yang di-Pertua....

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Batu Pahat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalah yang ditimbulkan berkenaan dengan cukai jualan ini, ialah masalah pelarian ataupun masalah yang timbul oleh pengilang-pengilang ataupun pengusaha-pengusaha yang mana mereka apabila sampai ke peringkat untuk perkembangan ataupun mengembangkan perniagaan mereka, mereka mengelak daripada dikenakan cukai kerana cukai tersebut dibayar mengikut setiap *invois* yang dikeluarkan.

Jadi untuk mengelakkan daripada cukai, mereka dengan sendirinya menutup *business* tersebut dan membuka *business* yang baru atas nama yang baru ataupun dialihkan kepada kawan-kawan ataupun saudara mara. Saya tidak nafikan bahawa cukai yang dikenakan oleh pihak kastam merupakan cukai yang diagihkan kepada pengguna, 10% itu dikenakan kepada pihak pengguna ataupun pihak pembeli. Jadi saya hendak dapatkan penjelasan sama ada benda ini akan diteruskan kerana dengan sistem cukai jualan yang dikenakan, ia juga akan mengakibatkan perkembangan perniagaan tadi terbantut dan juga mengakibatkan bebanan kepada *end user* ataupun pihak pengguna.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, peraturan cukai jualan memang ada. Kalau berlaku penyelewengan dan ada laporan, tentulah tindakan akan dibuat ke atas mereka yang menyeleweng itu. Walau bagaimanapun jika ada kepincangan dalam Akta Cukai Jualan, maka akta ini boleh dipinda untuk menyesuaikan dalam keadaan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Beluran memohon kemudahan infrastruktur di kawasan pedalaman di Sabah...

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Batu Pahat bangun lagi Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Saya cuma berharap pihak MITI boleh mengkaji balik supaya benda ini diambil pertimbangan yang sewajarnya, supaya sebagaimana yang saya nyatakan tadi, syarikat-syarikat yang terbabit ataupun pengilang-pengilang yang terbabit dapat mengembangkan perniagaan mereka.

Sebagaimana yang saya nyatakan dalam perbahasan saya yang lepas bahawa untuk mendapat RM100 ribu dalam tempoh 12 bulan merupakan satu benda yang teramat sedikit, yang nilainya bila saya pecahkan lebih kurang RM8,332 sebulan sedangkan perniagaan ataupun pengilang itu yang melibatkan juga *machinery* dan sebagainya, saya rasa nilai yang sebegitu memang mudah didapati. Mereka mengelak daripada membayarnya dan mengelakkan daripada berkembang dan ia juga membantutkan perkembangan perniagaan dan ekonomi negara. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu adalah cadangan dan pandangan yang baik dan saya harap pihak yang berkenaan akan mengambil perhatian dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Beluran membangkitkan berkenaan dengan infrastruktur di kawasan pedalaman yang melibatkan persekolahan. Kementerian Pelajaran sentiasa prihatin dalam perkara ini dan pelbagai projek telah dan akan dilaksanakan seperti membina sekolah pusat yang lengkap dan dengan kemudahan asrama juga pendidikan asrama di sekolah-sekolah tertentu. Dalam hal ini, mengikut rekod yang ada, saya terbaca tadi *[Sambil menyemak kembali notanya]* memang sudah banyak projek asrama di Sabah. 99 buah sekolah asrama sedang beroperasi dan dua buah sekolah berasrama penuh telah siap. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan ada 34 buah projek asrama telah dirancang dan dalam pembinaan. Bermakna, tindakan-tindakan telah dibuat untuk menyelesaikan masalah kemudahan bagi anak-anak yang bersekolah di Sabah.

Yang Berhormat bagi Ampang membangkitkan berkenaan dengan Bukit Antarabangsa, juga berkaitan dengan sekolah. Kementerian melalui Jabatan

Perancangan Bandar dan Desa telah menetapkan dalam perancangan bahawa tapak sekolah perlu disediakan bagi kawasan yang mempunyai penduduk *threshold* yang mencukupi. Tapak yang dipilih perlulah bersesuaian dari segi lokasi dan keadaan fizikal. Maksudnya dalam hal ini, kawasan dipilih hendaklah yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Lembaga Akreditasi Negara (LAN), apakah kursus dan universiti yang telah diiktiraf oleh LAN? Ada sebanyak 21 universiti swasta telah diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi sebagaimana yang disyorkan oleh LAN. Ini termasuklah lima buah kampus cawangan Universiti Luar Negara yang telah ditubuhkan dan beroperasi di Malaysia. Kursus-kursus yang ditawarkan oleh universiti-universiti swasta ini adalah dalam bidang IT dan Pengkomputeran, Perubatan, Perniagaan dan Pentadbiran, Kejuruteraan, Pelancongan dan Hospitaliti.

Yang Berhormat bagi Jasin membangkitkan tentang mengapa syarikat menguruskan ladang tidak membantu sekolah-sekolah bantuan modal di estet. Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Pengelola Sekolah sama ada sekolah bantuan penuh dan bantuan modal berperanan mendapatkan bantuan-bantuan dan sumbangan bagi membantu sekolah-sekolah tersebut. Untuk memajukan sekolah-sekolah tersebut, kementerian sentiasa mengalu-alukan sumbangan dan bantuan dari syarikat-syarikat yang ingin memberi bantuan.

Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam membangkitkan berkenaan dengan sekolah-sekolah Cina.

Tuan Eric Enchin Majimbun: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ada yang bangun, Sepanggar.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya.

Tuan Eric Enchin Majimbun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tadi Yang Berhormat telah menyentuh mengenai pembangunan yang begitu besar bangunan sekolah-sekolah di Sabah. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat tetapi yang saya ingin tahu sedikit ialah kenapakah kita tidak ada keseimbangan pembangunan sekolah-sekolah ini, di mana kita dapati di bandar-bandar begitu canggih pembangunan sekolah, begitu besar bangunan sekolah sehingga sekolah menengah pun seolah-olah serupa dengan

universiti tetapi di desa-desa, di luar bandar, bangunan begitu teruk sekali. Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang terdapat banyak sekolah-sekolah yang semacam universiti bentuknya dengan kos yang begitu tinggi. Ia memang berlaku pada peringkat awal dua tiga tahun yang lepas di mana sekolah-sekolah dibina oleh *PMC (Project Management Companies)* maka sekolah-sekolah itu dibina begitu rupa sehingga memang cukup hebat dengan kos yang tinggi. Perkara ini telah diperbetulkan dan saya ingin memberitahu bahawa pada masa akan datang, semua projek kerajaan akan dijalankan dan diawasi oleh JKR. Saya yakin tidak akan berlaku lagi keadaan sedemikian di mana sekolah-sekolah dibina begitu hebat sekali. Malahan bagi pembangunan sekolah-sekolah di luar bandar saya yakin pada masa akan datang keadaan ini akan diperbetulkan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan persoalan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam mengenai mengapa kerajaan mengawal pembinaan sekolah-sekolah Cina sedangkan ada di antara sekolah-sekolah tersebut mempunyai kemampuan kewangan, Tuan Yang di-Pertua, keutamaan kerajaan ialah kepada pembinaan sekolah-sekolah yang memenuhi keperluan semua rakyat. Dalam konteks ini, sekolah-sekolah kebangsaan merupakan sekolah aliran perdana yang utama dan perlu diperkasakan untuk memupuk semangat perpaduan.

Mengenai penggunaan bahasa Mandarin di sekolah Cina, di bawah Akta Pendidikan 1996, di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina), bahasa Mandarin digunakan sebagai bahasa pengantar utama. Mengenai kemudahan yang terdapat di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina), sekolah SJKC termasuk dalam kategori sekolah kerajaan bantuan penuh yang mendapat bantuan sepenuhnya dari kerajaan. Ini termasuklah guru terlatih, geran per kapita, skim pinjaman buku teks dan sebagainya manakala bagi SJKC yang termasuk dalam kategori sekolah bantuan kerajaan bantuan modal, juga menerima bantuan yang sama melainkan dari segi pembangunan sekolah di mana sekolah perlulah membuat permohonan.

Berkenaan dengan SJKC dan SJKT di Johor Bahru masih kurang dan belum diatasi, Tuan Yang di-Pertua, dalam pembinaan sekolah-sekolah baru, kerajaan memberi keutamaan kepada sekolah-sekolah yang dapat memenuhi keperluan semua kaum. Seperti yang saya sebut tadi, dalam hal ini kementerian sedang berusaha untuk

memperkasakan sekolah kebangsaan untuk memupuk perpaduan dan tidak mengetepikan sekolah-sekolah jenis kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu mencadangkan supaya Kementerian Pelajaran menekankan kepada latihan terhadap peningkatan kreativiti pemikiran kritis dan inovatif bagi mencapai kemahiran pemikiran aras tinggi. Tuan Yang di-Pertua, dalam semakan semula kurikulum persekolahan, 60 peratus daripada elemen kurikulum tersebut ialah elemen pedagogi manakala 40 peratus adalah elemen pengetahuan. Antara yang diberi penekanan dalam elemen pedagogi ialah kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, pelbagai kecerdasan pembelajaran *mastery*, pembelajaran *contextual*, *learning how to learn* dan pembelajaran akses sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kota Melaka mencadangkan agar Akta Pendidikan 1996 berkaitan pendidikan wajib hendaklah merangkumi pendidikan prasekolah. Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan pendidikan wajib di peringkat rendah masih di peringkat awal pelaksanaan. Kementerian masih melihat sejauh mana keberkesannya dan jika menunjukkan petanda yang baik dan berkesan maka Kementerian Pelajaran akan memperkembangkannya kepada semua peringkat persekolahan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Rasah bertanyakan tentang pelan induk kampung-kampung baru. Tuan Yang di-Pertua, pelan induk kampung baru masih lagi di peringkat kajian. Bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada menyalurkan peruntukan bagi pembangunan kemudahan infrastruktur dan sosioekonomi di kampung baru setiap tahun. Ini termasuklah kerja-kerja menaik taraf serta menurap jalan-jalan di kampung-kampung baru. Pada tahun 2004 misalnya, sebanyak RM30 juta telah diperuntukkan bagi tujuan ini

Yang Berhormat bagi Ipoh Barat membangkitkan isu pemindahan stesen bas daripada Medan Kidd ke Medan Gopeng yang tidak sesuai. Tuan Yang di-Pertua, pemindahan stesen bas daripada Medan Kidd ke Medan Gopeng, Ipoh telah diputuskan dalam Mesyuarat Koordinasi antara Agensi Bandaraya Ipoh pada Februari 2004 yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar Ipoh dan dianggotai antara lainnya oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dan Jabatan Pengangkutan Jalan. Keputusan pemindahan tersebut dibuat setelah agensi-agensi yang terlibat menjalankan kajian yang mendalam.

Sebagaimana Yang Berhormat bagi Ipoh Barat sedia maklum bahawa kawasan Medan Kidd terletak di dalam bandar dan telah terlalu sesak dan akan diburukkan lagi jika bas-bas bertumpu di situ secara berterusan. Oleh itu sebagai perancangan jangka panjang ia perlu dipindahkan ke Medan Gopeng yang terletak berdekatan dengan lebuh raya dan memudahkan bas keluar masuk. Selain daripada itu, Medan Gopeng juga sesuai dari segi penggalakan pelancongan kerana telah mempunyai bangunan pelancongan *Silver Heritage*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kalabakan meminta ...

Tuan M. Kula Segaran: Yang Berhormat, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat bangun.

Tuan M. Kula Segaran: Bolehkah Yang Berhormat beritahu saya, adakah arahan ini telah dipersetujui oleh kementerian berkenaan oleh kerana saya difahamkan oleh kementerian tersebut mengenai pemindahan stesen bas dari Medan Kidd ke Medan Gopeng itu bukanlah satu di antara faktor yang disetujui dan juga pada awal-awalnya dikatakan bahawa stesen bas yang besar akan dibina di Jelapang iaitu dekat Plaza Tol Jelapang, iaitu *main highway*. Apakah terjadi kepada perkara tersebut?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma menjelaskan tentang isu-isu secara *general* atau secara dasar, *detailnya* Tuan Yang di-Pertua, bolehlah dibangkitkan dalam peringkat Jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kalabakan meminta semua rang undang-undang yang diluluskan di Dewan ini diperluaskan ke Sabah. Tuan Yang di-Pertua, jika undang-undang yang dibawa ke Parlimen merupakan perkara dalam Senarai Persekutuan memanglah semua undang-undang itu dijadikan terpakai di seluruh Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, bagi perkara dalam bidang kuasa bersama, persoalan sama ada undang-undang itu diperluaskan ke Sabah atau Sarawak bergantung kepada sama ada terdapat peruntukan khusus dalam Perlembagaan Persekutuan dan perkara itu di Sabah dan Sarawak selaras dengan peruntukan Perjanjian Malaysia. Oleh yang demikian mana-mana undang-undang yang melibatkan bidang kuasa bersama akan hanya diperluaskan di Sabah dan Sarawak dengan persetujuan kerajaan negeri yang berkenaan. Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat bangun.

Tuan M. Kula Segaran: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, semalam saya ada menghujahkan mengenai perkara *Batang Kali Massacre*, adakah isu itu akan dijawab secara dasar dan saya ada mencadangkan beberapa perkara yang perlu diambil oleh pihak polis dan kerajaan dan apakah yang telah terjadi kepada perkara tersebut.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, dalam senarai jawapan saya tidak berbangkit masalah yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kudat...

Tuan M. Kula Segaran: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran: Setiausaha Parlimen boleh beri laluan? Apa terjadi kepada apa yang saya katakan mengenai perkara-perkara yang saya bangkitkan, adakah ia akan dielakkan untuk dijawab atau tidak ada jawapan untuk perkara tersebut?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Setakat ini belum ada jawapan pada saya tentang perkara ini. Saya yakin pegawai akan membuat persediaan dan kalau tidak sempat, bolehlah diberi terus kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kudat menyentuh tentang kekurangan doktor dan pusat kesihatan di Sabah, terutamanya di kawasan pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, pengisian pegawai perubatan dan pegawai perubatan pakar diseluruh Sabah adalah dalam sekitar 60% sahaja. Maknanya banyak lagi jawatan yang kosong yang perlu diisi secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Labuan membangkitkan mengenai peratusan pegangan ekuiti Melayu bumiputera, bukan Melayu dan bukan bumiputera dan bumiputera bukan Islam setelah DEB dan Dasar Pembangunan Negara (DPN).

Tuan Yang di-Pertua, maklumat berkaitan pegangan ekuiti bumiputera tidak dipecahkan kepada Melayu dan bumiputera bukan Islam. Pegangan ekuiti bumiputera cuma dipecahkan kepada individu dan syarikat bumiputera, agensi amanah dan

institusi kerajaan. Data terkini dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan adalah seperti berikut. Saya ambil angka yang terdekat.

Pada tahun 2000 berbanding dengan tahun 2002, bagi individu dan syarikat bumiputera – 14.2%. Bagi tahun 2002, menurun sedikit – 14.1%. Institusi kerajaan bagi tahun 2000 – 3% dan bagi tahun 2002 – 3%. Agensi amanah – 1.7% dan tahun 2002 – 1.6%. Kalau ikut jumlah puratanya, Tuan Yang di-Pertua, jumlah pegangan bumiputera dari segi *economic cake* seluruh negara bagi tahun 2000 – 18.9% dan bagi tahun 2002 – 18.7%.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jasin mempersoalkan sama ada data berkaitan pemilikan ekuiti saham modal bumiputera sebanyak 18.7% dalam tahun 2002 adalah jumlah sebenar dimiliki oleh individu bumiputera. Seperti yang saya sebut tadi, adalah dimaklumkan bahawa angka 18.7% hak milik bumiputera tahun 2002 adalah termasuk pegangan agensi amanah dan institusi kerajaan. Angka sebenar bagi individu adalah sebanyak 18.1%.

Kerajaan telah dan akan melaksanakan pelbagai program secara berterusan bagi memastikan matlamat pegangan ekuiti bumiputera sekurang-kurangnya 30% menjelang tahun 2010 tercapai sepenuhnya. Ini termasuklah menggalakkan bumiputera memiliki kepentingan dalam sektor korporat melalui skim-skim amanah, pemilikan ekuiti melalui program penswastan, meningkatkan penyertaan di bidang keusahawanan dengan mengambil peluang pelbagai bantuan dan peluang yang disediakan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang membangkitkan pemberian bantuan oleh Pejabat Kebajikan Bachok oleh golongan yang tidak patut diberikan melalui sokongan wakil rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pemberian bantuan kebajikan adalah berasaskan kepada siasatan ke atas latar belakang kes sosioekonomi. Hanya kes yang berkelayakan sahaja akan diberi bantuan. Kelulusan bantuan dilakukan sepenuhnya oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat tanpa campur tangan daripada ahli politik. Sekiranya ada kes yang terlibat, yang tidak berkelayakan diberi bantuan, bolehlah dikemukakan maklumat kes berkenaan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat akan menjalankan siasatan segera.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur bangun.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Ini penjelasan dan hendak buat Peraturan Mesyuarat, dua-dua sekali. Saya semak tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen semalam dalam satu jawapan kepada saya mengenai Badan Pencegah Rasuah dan anugerah Tun kepada Ling Liong Sik, ada menjawab begitu, yang akan timbul bukan sahaja masalah kekeliruan kepada Dewan ini dan saya baca apa yang Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada jawab dalam satu perenggan sahaja.

“Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan aduan terhadap Tun Ling Liong Sik, siasatan kes ini melibatkan ramai saksi dan dokumen, maka ia perlu dijalankan dengan teliti. Walau bagaimanapun, siasatan ke atas kedua-dua aduan telah selesai pada tahun 1997 dan 2000” yang dibuat oleh saya, *“siasatan ke atas kedua-dua aduan telah selesai dan didapati tiada asas untuk membawa ke mahkamah. Oleh kerana itu BPR tiada halangan ke atas pencalonan Menteri Pengangkutan semasa itu untuk menerima apa-apa darjah kebesaran tersebut.”*

Nampaknya dalam dua hari, kita ada tiga versi mengenai masalah ini. Tiga versi yang berlainan. Di sini Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata bahawa mengenai kedua-dua aduan ini telah diselesaikan oleh BPR. Sebenarnya versi yang pertama ialah dalam jawapan kepada saya, jawapan bertulis daripada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri kepada saya di mana saya ada tanya mengenai perkembangan siasatan BPR ke atas laporan-laporan yang saya telah buat pada tahun 1997 dan 2003 terhadapnya dan sama ada wajar kerajaan mencadangkan supaya bekas Menteri Pengangkutan dianugerahkan gelaran Tun, sementara masih di bawah siasatan BPR.

Jawapannya ialah bahawa siasatan ke atas aduan yang pertama ialah 1997 telah ditutup pada bulan Julai 1999 setelah dirujuk kepada pihak Jabatan Peguam Negara. Manakala, siasatan ke atas aduan kedua telah selesai pada bulan April 2004 dan telah dirujuk kepada pihak Jabatan Peguam Negara untuk keputusan. Cadangan untuk menganugerahkan bintang kepada beliau telah dirujuk untuk tapisan keutuhan BPR dan pihak BPR tiada halangan anugerah gelaran Tun dipertimbangkan dalam urusan pengurniaan Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat Persekutuan pada 11 Mei 2004.

Kes pertama selesai, yang timbul masalah ialah kes kedua dirujuk kepada Peguam Negara pada bulan April 2004. Dirujuk kepada Peguam Negara, belum tahu apa keputusan, tetapi pada bulan Mei, BPR tidak ada halangan, kenapa? Itu versi yang kedua atau sebenarnya versi yang pertama.

Semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam surat khabar *Parliament Corridor* membetulkan jawapan beliau, versi yang ketiga. Beliau kata bahawa mungkin kamar Peguam Negara bantah oleh kerana mereka belum dapat apa-apa laporan daripada BPR dan laporan di sini *report not sent to AG's Chambers*. Dengan izin, "*Deputy Minister in the Prime Minister's Department yesterday clarified, M. Kayveas yesterday clarified his own answer – bukan saya – that a report lodged at the ACA and Lim Kit Siang in 2002 has not been submitted to Attorney General's Chambers as stated earlier. He said the second report lodged against former Transport Minister, Tun Ling Liong Sik was still the Legal Division of the ACA has yet to be submitted to the Attorney General's Chambers.*"

Kita ada tiga versi. Versi pertama bahawa kes kedua sudah dirujuk kepada AG's Chambers. Versi kedua, semalam Timbalan Menteri yang sendiri jawab itu kata, "Oh! Salah, belum dirujuk kepada Peguam Negara". Yang Berhormat Setiausaha Parlimen semalam, versi yang ketiga, kes itu sudah selesai semacam kes pertama.

Apa yang berlaku di sini? Tiga versi dalam dua hari, bagaimana boleh berlaku, apa kedudukan sebenarnya mengenai siasatan laporan saya mengenai korupsi terhadap Tun Ling Liong Sik dan bagaimana beliau boleh diberi atau perakuan 'Tun', diberi kepada beliau apabila siasatan belum selesai, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen terangkan perkara tiga versi dalam dua hari.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya ingat *this is all very confusing...*

Tuan Lim Kit Siang: Ya!

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Saya harap, saya akan dapatkan maklumat yang tepat daripada BPR sendiri dan bantangkan balikkah.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, harap penjelasan boleh dibuat dalam Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Bukit Gelugor bangun.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, kerana ada tiga versi. Ini bermakna sesuatu daripada tiga-tiga ini ada memesongkan Dewan ini. Adakah Tuan Yang di-Pertua, bersedia untuk menulis kepada ketiga-tiga pihak ini untuk memberi penjelasan seperti mana saya ada diarahkan oleh Tun Speaker, kerana ini jadi satu perkara yang serius apa yang saya buat di dalam Dewan ini adalah satu kesilapan yang saya mengaku luar dari Dewan ini..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup. Yang Berhormat..

Tuan R. Karpal Singh: Ya, adakah Tuan Yang di-Pertua bersedia untuk, menghantar satu surat ..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kita, kita Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah berjanji untuk melihat perkara itu dan beliau akan memberi jawapan..

Tuan R. Karpal Singh: Ini perjanjian lain. Tentu ada sesuatu kerana tiga versi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya faham.

Tuan R. Karpal Singh: Itu bermakna ada sesuatu yang memesongkan Dewan ini. Lebih daripada apa yang saya buat dalam Dewan ini, kesilapan, kesilapan yang mengakibatkan satu *Privileges Committee* untuk membuat siasatan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya belum boleh buat keputusan, sila duduk Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: ...dipengerusikan oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan cukup, kerana ini perkara serius.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ini, beliau telah berjanji dan untuk menyiasat melihat perkara ini kita tidak tahu lagi apa keputusan..

Tuan R. Karpal Singh: Bukan tidak Tuan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya melihat, saya akan melihat perkara ini.

Tuan R. Karpal Singh: *Prima facie*, ada satu kes ke atas seseorang, ada kesalahan yang dibuktikan, kerana ada tiga versi. Beliau boleh memberi penjelasan, penjelasan boleh diterima selepas ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Beri peluang beliau beri penjelasan, beliau akan melihat perkara ini. Sila duduk.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua tidak bersedia untuk buat apa-apa sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ini masih awal. Beliau telah berjanji untuk menyiasat perkara ini.

Tuan R. Karpal Singh: Apa yang terus terang, adalah tiga versi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terpulanglah.

Tuan R. Karpal Singh: Tiga versi untuk atas rekod.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Belum.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan belum. Sudah ada, ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Beliau minta untuk membuat penjelasan.

Tuan R. Karpal Singh: Selepas penjelasan itu, bolehkah diberi satu jaminan satu tindakan akan diambil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kita lihat bagaimana penjelasan beliau nanti.

Tuan R. Karpal Singh: Pulang kepada penjelasan, baik.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, baiklah saya ada sebut tadi kita akan membuat siasatan supaya kita akan mendapat penjelasan daripada BPR dan saya yakin, ketiga-tiga versi itu akan dijadikan satu sahajalah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Bukit Mertajam bercakap mengenai kempen antidadah, apa masalahnya sehingga sekarang masih lagi kita menghadapi masalah dadah. Di antara sebab-sebab ancaman najis dadah semakin menular adalah seperti berikut:

- (i) Globalisasi dan teknologi maklumat - Masalah pengedaran dadah antarabangsa yang bergerak secara meluas tanpa mengenal sempadan dan kadang kala lebih sophisticated dalam melaksanakan aktiviti mereka. Ini membolehkan sindiket antarabangsa memperolehi kemudahan dan kepakaran dalam memproses dadah. Selain itu kecanggihan sistem ICT yang maju dan moden memberikan kelebihan kepada mereka dalam

hal perhubungan tentang perkhidmatan *internet* dalam aktiviti mereka.

- (ii) Ancaman daripada dadah sintetik - Dadah ini merupakan dadah alternatif yang terbaik dan terkini dalam pasaran sekarang. Dadah jenis ini senang diproses berbanding dengan dadah tradisional dan kosnya yang murah dan jenisnya boleh dibuat dalam kuantiti yang banyak.
- (iii) Ancaman pemesanan pre..... - Bahan-bahan kimia pre... yang digunakan untuk memproses dadah adalah dibawa masuk secara sah untuk menghasilkan dadah dan ia telah dipesongkan penggunaannya untuk menghasilkan dadah.
- (iv) Penagih dadah berulang - Kes penagih dadah berulang merupakan 43% hingga 50% daripada jumlah penagih dadah yang dikesan setiap tahun. Peratus ini adalah tinggi yang tidak menunjukkan pengurangan disebabkan sistem pemulihan rawatan sedia ada kurang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Muar cadangkan meningkatkan penguatkuasaan bagi membendung jenayah di Malaysia. Kerajaan telah mengambil berbagai langkah positif dalam usaha untuk mengatasi masalah peningkatan kes jenayah. Di antara langkah-langkah tersebut adalah seperti mengenal pasti, memantau dan mengambil tindakan terutamanya terhadap kegiatan jenayah bersindiket yang menjurus kepada kes jenayah kekerasan dan pembunuhan. Ini termasuk pembanterasannya gengsterisme, mesin slot, cetak rompak, peminjam wang, penyeludupan senjata api, pelacuran dan lain-lain kegiatan sindiket.

Pihak PDRM juga meningkatkan rondaan bagi mencegah jenayah dengan memberikan tumpuan kepada kawasan-kawasan yang mempunyai indeks jenayah yang tinggi seperti di rumah kongsi pekerja asing, pusat-pusat hiburan dan sebagainya. Pencegahan kegiatan penyeludupan senjata api dan pendatang tanpa izin akan dipertingkatkan terutamanya di kawasan sempadan negara.

Pihak PDRM juga akan meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat dengan memperbanyakkan kempen dan ceramah bagi menanamkan kesedaran tentang pentingnya masyarakat untuk mengambil langkah-langkah menjaga

keselamatan diri, keluarga dan harta benda serta kesedaran supaya memberikan kerjasama kepada pihak berkuasa bagi membantu mencegah kegiatan jenayah.

Skim kejiranan dan rukun tetangga akan dilaksanakan di kawasan-kawasan yang sering berlaku jenayah. Di samping langkah-langkah tersebut pihak PDRM sedang dalam usaha untuk mendapatkan lebih ramai bilangan anggota bagi menampung keperluan yang sentiasa mendesak terutamanya dalam menjalankan rondaan di kawasan-kawasan yang pesat membangun seperti di Lembah Klang.

Di antara operasi-operasi yang dijalankan oleh PDRM bagi mencegah jenayah adalah seperti berikut:

Operasi Cobra iaitu operasi bagi mencegah kegiatan kenderaan.

Operasi Copperhead, operasi untuk mencegah kegiatan gengsterisme,

Operasi Viper, operasi mencegah kegiatan samun lori dan kilang.

Operasi Scorpion, operasi mencegah kegiatan penculikan.

Operasi Rattler, operasi mencegah kegiatan perjudian dan

Operasi Anaconda, operasi mencegah kegiatan pelacuran.

Pihak polis akan meningkatkan mutu siasatan bagi memastikan kes-kes jenayah dapat diselesaikan. Pihak PDRM sedang dan akan sentiasa menjalankan siasatan terhadap kes-kes jenayah dengan cekap dan berkesan. Pasukan PDRM juga telah melepasi..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Dengan izin.

Tuan Lim Kit Siang: Saya dengar Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada sebut mengenai beberapa operasi yang ada dijalankan oleh pihak polis untuk menentang atau membanteras jenayah semacam operasi copperhead dan kita tahu bahawa operasi copperhead dan lain-lain satu operasi bukan baru, sudah beberapa tahun dan nampaknya tidak berkesan untuk mengurangkan kadar jenayah dan sekarang apa yang kita mengalami ialah *double* kenaikan kedua-dua yang kadar jenayah dan ketakutan mengenai jenayah. 10 tahun, 20 tahun dahulu Perdana Menteri masa itu ada kata Kuala Lumpur lebih selamat daripada ibu kota negara-negara membangun semacam London dan New York. Nampaknya sekarang kita tidak boleh kata kita lebih selamat, mungkin kita lebih berbahaya apabila banding dengan New York dan London dari segi jenayah. Bagaimana kita akan boleh menyampaikan mesej

kepada dunia bahawa Kuala Lumpur lebih selamat daripada London dan New York dan semacam sekarang.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat tidak adillah, kalau kita katakan Kuala Lumpur lebih berbahaya daripada New York, London dan sebagainya kerana Kuala Lumpur dan seluruh negara adalah dalam keadaan yang lebih selamat berbanding dengan banyak negara-negara maju yang lain.

Memang operasi ini dimulakan dulu, sekarang diteruskan bermakna tindakan polis berterusan dan saya yakin mereka akan terus menggiatkan aktiviti mereka demi untuk menjaga keselamatan kita semua.

Tuan Yang di-Pertua,.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sebelum melanjutkan jawapan saya ingin tahu, banyak lagi ke?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tidak banyak lagi, sikit lagi, dalam 15 minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Pihak polis akan meningkatkan mutu siasatan bagi memastikan kes-kes jenayah dapat diselesaikan. Pihak PDRM sedang dan akan sentiasa menjalankan siasatan terhadap kes-kes jenayah dengan cekap dan berkesan. Pasukan PDRM juga telah melepasi dengan izin *benchmarking* tanda aras yang telah ditetapkan oleh Interpol, lagi dengan izin *solving rate*, kadar penyelesaian iaitu 20%. Kadar penyelesaian pasukan PDRM adalah 40% dan ini adalah satu pencapaian yang boleh dibanggakan.

Perlu diingatkan bahawa tindakan memerangi jenayah tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas bahu PDRM semata-mata. Masyarakat juga perlu memainkan peranan iaitu dengan mengambil langkah-langkah pencegahan, mengambil tindakan bagi menjaga keselamatan diri, keluarga dan harta benda dengan tidak teragak-agak. Namun perlu sentiasa berhati-hati semasa memberi pertolongan dan bantuan kepada mangsa jenayah. Memberikan kerjasama kepada pihak polis apabila berlakunya kes-kes jenayah. Oleh itu, kerjasama semua pihak diperlukan bagi membanteras kes-kes jenayah pada masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Barat, saya sudah mendapat maklumat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak balik kepada masalah jenayah tadi, undur sedikit ke belakang. Kita mendapati bahawa negara kita ini menghadapi masalah gejala sosial dan jenayah yang semakin hari semakin membimbangkan dan kita lihat jenayah ini datang dalam bentuk pakej.

Dahulu masalah along, datang pula masalah haruan makan anak, kemudian datang pula masalah rogol, kemudian rogol menjadi semakin ganas setelah dirogol dibunuh, selepas dibunuh dibakar. Berlaku pula masalah perlakuan-perlakuan jenayah yang sangat membimbangkan kita semua. Kes ragut baru-baru ini yang mengorbankan Allahyarham Rosli dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan tidak berhasrat untuk mencuba satu dua undang-undang yang sangat berkesan. Saya berikan contoh satu laporan yang saya dapat daripada Kedutaan Arab Saudi bahawa di negara Arab Saudi ini dalam tempoh masa tahun 1990 hingga tahun 2000 tidak sampai 10 kes kecurian yang berlaku di negara tersebut, aman. Kita yang menunaikan fardu haji, menunaikan umrah boleh melihat bahawa kedai-kedai di negara ini tidak perlu dimangga, tidak perlu dikunci dan ini membuktikan suatu *environment*, suatu suasana yang sangat menggembirakan kita semua.

Tidakkah kerajaan cuba kerana kita telah beri peluang hampir setengah abad kepada negara ini mempraktikkan undang-undang yang ada tapi nampaknya macam tidak berkesan. Jenayah datang dalam bentuk yang semakin membimbangkan. Saya bagi pandanganlah apa salahnya, *why not* cuba Kerajaan Malaysia bincang dengan Kerajaan Arab Saudi kes ragut sebagai contoh dan kes kecurian yang semakin membimbangkan, *why not?* Bincang dengan baik, gunakan segala kebijaksanaan supaya undang-undang ini boleh dilaksanakan di negara kita sebagai memberikan peluang kepada undang-undang yang baik ini untuk menyelamatkan keadaan. Sebagai satu pandangan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas pandangan itu. Saya yakin pihak PDRM kita sentiasa terbuka kepada

cadangan-cadangan dan mereka juga sentiasa berhubung dengan dunia luar tentang cara-cara untuk mengendalikan kes-kes jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, ini kes yang dibangkit tadi saya mendapat maklumat pembunuhan beramai-ramai 24 orang penoreh getah di Batang Kali pada tahun 1947 oleh *Scots Guardsman*. Apakah sebab penyiasatan tidak dikemas kini walaupun tiga laporan telah dibuat pada tahun '1993'. Adakah Suruhanjaya Penambahbaikan Polis akan mengumumkan bahawa penoreh-penoreh getah itu bukan komunis dan tidak bersalah.

Tuan Yang di-Pertua, siasatan polis yang dijalankan pada tarikh laporan dibuat pada 14 Julai 1993, hasil siasatan dikemukakan kepada Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor dan Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman. Seterusnya dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara pada 30 Disember 1997 diputuskan keputusan siasatan ditutup kerana tidak menunjukkan apa-apa bukti untuk mendakwa sesiapa. Suruhanjaya tidak menerima sebarang aduan mengenai perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kota Melaka.....

Tuan M. Kula Segaran: Penjelasan. Boleh saya tanya penjelasan kepada Setiausaha Parlimen. Adakah kerajaan sedar bahawa dalam dokumentari BBC pada tahun 1992, *inside story* di mana satu program yang dinamakan *In Cold Blood*. Pengakuan telah dibuat oleh *Scots Guard* yang memberi pengakuan kepada pihak BBC bahawa mereka terlibat dan mereka mengatakan mengaku kepada BBC bahawa mereka yang menembak mati 24 orang ini dengan sengaja kerana ketika pembunuhan ini pada tahun 1948, *Scots Guards* ini berumur 18 tahun sahaja. Mereka membuat penembakan yang sia-sia dan mengaku juga bahawa 24 orang ini tidak ada kaitan dengan pihak komunis, tidak melarikan diri dan tidak ada senapang.

Apakah sebab sekarang pada hari ini kita baru mendapat satu jawapan daripada Setiausaha Parlimen dan dari kerajaan bahawa satu keputusan yang aneh yang tidak boleh diterima oleh masyarakat umum bahawa kes ini telah ditutup. Adakah ini satu kesilapan telah berlaku dan satu *Royal Inquiry* akan dianjurkan atau siasatan yang bernas akan dibuat dalam perkara ini. Kalau tidak, kenapa tidak.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kita dan khasnya mahkamah tidak boleh mengambil sebarang tindakan hanya berdasarkan kepada laporan media-media lain, BBC dan sebagainya. Kita sudah membuat siasatan dan mendapati kes ini, seperti yang saya sebut tadilah tidak ada bukti untuk

menuduh sesiapa. Jadi keputusan itu memang tepat ditutup kes ini. Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Lim Kit Siang: Kes ini sungguhpun satu kes *historic*, 56 tahun dahulu, ini satu kes yang sangat penting dalam sejarah Malaysia kita. Sungguhpun Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata bahawa selepas siasatan yang ada dibuat berikutan dengan satu laporan polis dibuat pada tahun 1993, pada masa itu satu kempen diadakan yang diketuai oleh MCA supaya skandal ketidakadilan ini boleh dibetulkan dan kita di sini pada masa itu akan ingat tahun 1993 Ahli Parlimen Kota Melaka, Lim Guan Eng masa itu ada kemukakan satu usul untuk bahas perkara ini di Dewan yang mulia ini.

Sungguhpun keputusan yang dibuat oleh Peguam Negara bahawa kes itu ditutup oleh kerana tidak ada sesiapa boleh di dakwa. Isu di sini bukan ada orang atau tidak ada orang boleh didakwa tetapi sama ada apa yang berlaku pembunuhan Batang Kali atau *massacre* Batang Kali berlaku. Orang-orang yang tidak berdosa sudah menjadi mangsa dibunuh, disembelih dan bukankah satu *historic wrong* patut dibetulkan.

Itulah isu yang pokok. Apakah selepas siasatan yang ada dibuat oleh pihak polis dan masa itu Ketua Polis Negara, Tun Hanif Omar sendiri menasihatkan tiga orang *survivor*, seorang *survivor* daripada pembunuhan itu, dua orang yang saksi sekarang lebih daripada 70 tahun 80 tahun. Dua hari dahulu kita jumpa mereka, mereka buat laporan dan pihak polis ada menjalankan siasatan. Adakah kerajaan rela buat satu laporan terbuka mengenai bahawa apa yang berlaku ialah satu *massacre* 24 orang yang dibunuh, mereka *innocent*

Sama ada, ada orang boleh didakwa, tidak boleh didakwa, itu perkara yang berlainan, tetapi sama ada *historic wrong* boleh dibetulkan. Bukankah ini tanggungjawab kita? Satu *historic wrong* patut dibetulkan. Bukankah benar, daripada siasatan pihak polis, menunjukkan bahawa 24 orang itu bukan komunis, mereka penoreh getah, mereka bukan komunis. Adakah kerajaan sendiri rela untuk membetulkan rekod ini, dan tindakan diambil dengan Kerajaan United Kingdom supaya UK *Government* pun mengakui kesilapan yang besar, *historic injustice*.

Tiga generasi yang menjadi mangsa. Kalau dengar mereka, isu itu masih ngeri, *haunt by the nightmares*. Bukankah ini patut dibetulkan?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut tadi, kes ini adalah di tangan Peguam Negara dan Peguam Negara telah buat keputusan, kalau sekiranya Yang Berhormat masih lagi tidak puas hati, bolehlah merujuk balik perkara ini kepada Peguam Negara dan mendapat pandangan beliau.

Tuan Yang di-Pertua,....

Tuan Lim Kit Siang: Kita terima, kalau macam itu kita akan pergi jumpa Peguam Negara mengenai *massacre* Batang Kali.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Lepas ini saya tidak mahu beri laluan lagi, nanti sampai tengah hari, petang pun tidak selesai.

Yang Berhormat bagi Kota Melaka mohon hukuman kepada jenayah ragut lebih berat bagi memberikan mesej kepada penjenayah. Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini kes jenayah, kes-kes ragut telah didakwa di bawah Seksyen 379 Kanun Keseksaan – kesalahan mencuri, di mana hukumannya adalah penjara 7 tahun.

Walau bagaimanapun, pada masa ini pihak berkuasa telah mengklasifikasikan kesalahan ini di bawah Seksyen 390 Kanun Keseksaan, yang mengkategorikan kesalahan ini sebagai kesalahan merompak. Itu hukumannya adalah lebih berat, iaitu maksimum 20 tahun dan boleh dikenakan hukuman sebatan, sekiranya kesalahan tersebut mengakibatkan kecederaan.

Kementerian juga sedang mengkaji kemungkinan mengambil tindakan di bawah undang-undang pencegahan, di bawah Ordinan Darurat Tahun 1969, bagi penjenayah-penjenayah melakukan kesalahan ragut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang bercakap mengenai SMART projek – apakah langkah-langkah kecemasan yang akan diambil jika sekiranya berlaku keretakan dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya memantau dengan rapi segala impak negatif akibat pembinaan SMART Tunnel.

Sekiranya ada, apa yang dibangkitkan adalah benar, kerajaan ingin mendapatkan butiran terperinci untuk mengambil tindakan selanjutnya. Tindakan akan diambil berdasarkan keperluan yang timbul dari masa ke semasa berdasarkan pemantauan terperinci.

Kerajaan memang mengambil maklum kemungkinan kesan penggerudian kepada kawasan sekitar. Kaedah yang dipilih dalam pembinaan ini merupakan kaedah

dan teknologi yang terbaik dan kesannya adalah minimum. Kerajaan memang mengambil maklum masalah lalu lintas yang dihadapi di kawasan pembinaan. Projek SMART merupakan salah satu komponen dalam projek mengatasi masalah banjir di Kuala Lumpur. Pembangunan lain masih dalam peringkat pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli bagi Rantau Panjang membangkitkan isu projek jalan kampung di Kelantan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pelaksanaan projek jalan kampung di seluruh negara, termasuk jalan-jalan kampung yang dibina oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan (JPPK) adalah tertakluk kepada spesifikasi yang telah ditetapkan. Antaranya adalah seperti berikut:

- (i) ketebalan *crasher run* - 9 inci minimum;
- (ii) ketebalan *premix* – 2 hingga 3 inci; dan
- (iii) lebar jalan – 14 kaki maksimum.

Manakala dari segi kos sesuatu jalan, ia adalah mengikut jadual kadar harga yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Dari segi pelantikan kontraktor pelaksana, ia adalah mengikut kaedah perolehan seperti dalam SPP Bilangan 2/201, iaitu sama ada secara undian ataupun giliran, atau sebut harga dan juga secara tender, tertakluk kepada nilai dan kos sesuatu jalan.

Walau bagaimanapun, sekiranya Yang Berhormat ada bukti yang mengatakan bahawa jalan-jalan yang dibina oleh JPPK kosnya tinggi dan tidak menepati spesifikasi dan jadual kadar harga yang telah diluluskan, bolehlah mengemukakan bukti berkenaan kepada kementerian untuk dibuat kajian dan siasatan selanjutnya.

Selain daripada itu, mohon supaya Yang Berhormat dapat memberikan senarai jalan yang dibina oleh Kerajaan PAS yang dikatakan lebih murah dan berkualiti untuk dibuat perbandingan dengan jalan-jalan yang dilaksanakan oleh JPPK kepada kementerian ini.

Yang Berhormat bagi Rembau bercakap tentang perlunya wujud jawatankuasa peringkat daerah dan negeri untuk penjelasan pembasmian kemiskinan. Tuan Yang di-Pertua, berhubung perlunya wujud jawatankuasa peringkat daerah dan negeri, untuk penyelarasan pembasmian kemiskinan, sebenarnya telah ada mekanisme penyelarasan di peringkat daerah dan negeri bagi program Skim Pembangunan

Kesejahteraan Rakyat (SPKR) seperti yang dilaksanakan oleh Negeri Sembilan dan Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat kata tidak banyak lagi.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya hendak tahu berapa minit?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Saya cakap tadi 12 minit tetapi ada gangguan, saya minta sambung sedikit lagi. Dalam 5 minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tolonglah! Sebab kita sudah lewat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Berhubung perlunya wujud jawatankuasa tadi, di Sabah dan Sarawak memang ada jawatankuasa itu. Di Negeri Sembilan, Jawatankuasa SPKR negeri dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri. Bagi negeri lain perkara ini mungkin buat masa ini disarankan dalam mesyuarat negeri masing-masing.

Yang Berhormat bagi Sri Aman, cadangan peningkatan bentuk kerjasama Pegawai Daerah Sarawak dengan pegawai Kementerian Kemajuan Luar Bandar. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah memang sentiasa bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuk kerajaan negeri dan pejabat daerah untuk memastikan program/projek dinikmati oleh kumpulan sasar di luar bandar.

Oleh itu, bentuk kerjasama ini akan dipertingkatkan lagi pada masa-masa yang akan datang. Bentuk kerjasama adalah selaras dengan arahan no. 1, jentera penyelarasan pelaksanaan wawasan pembangunan negara, Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat bagi Kudat bangkitkan penyediaan kemudahan bekalan air dan elektrik di Pulau Bangi. Kementerian sedar masih terdapat pulau-pulau dan kawasan-kawasan pedalaman di negeri Sabah yang masih belum mendapat bekalan air dan elektrik. Dalam hal ini, memandangkan peruntukan yang terhad, kementerian sentiasa bekerjasama dengan kerajaan negeri dalam menentukan senarai projek mengikut keutamaan.

Sehingga kini sebanyak 9 projek bekalan elektrik secara solar bernilai RM84 juta telah dilaksanakan di Pulau Bangi. Bagi bekalan air pula, perkara ini sedang dalam perhatian kementerian.

Yang Berhormat bagi Gombak, langkah-langkah pencegahan penyakit, kerana kita masih dilanda penyakit seperti taun, malaria, wabak kepialu dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan seperti Majlis Bandaran dalam melaksanakan aktiviti penguatkuasaan dari masa ke semasa ke atas premis makanan.

Setengah pengendali makanan tidak mempunyai lesen menyebabkan pengendalian makanan yang tidak bersih. Latihan mengenai tatacara pengendalian makanan merupakan satu kaedah, di mana isu ini dapat ditangani. Pihak Kementerian Kesihatan juga mengeluarkan poster-poster berkenaan pendidikan mengenai kepentingan kebersihan pemakanan.

Hanya premis yang digredkan 'A' dikira paling bersih dan menuruti syarat-syarat yang ditentukan. Kebanyakan wabak penyakit keracunan makanan, melibatkan institusi-institusi, maka adalah perlu agar semua pihak mengambil bahagian di dalam mencegah masalah ini.

Yang Berhormat bagi Muar, berkenaan dengan sawah padi di Johor. Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga supaya bantuan diberi kepada kawasan yang boleh membawa hasil dan dengan itu adalah menjadi dasar untuk memberi bantuan kepada kawasan jelapang kerana kawasan jelapang mampu mengeluarkan padi lumayan dan mempunyai kemudahan-kemudahan yang sesuai untuk mencapai sasaran pengeluaran padi negara.

Di luar kawasan jelapang, pengeluaran padi adalah rendah dan tidak mempunyai kemudahan yang mencukupi untuk peningkatan pengeluaran padi. Dengan itu, kerajaan telah menetapkan dasar agar pembangunan tanah padi dikhususkan di kawasan jelapang, manakala di luar kawasan jelapang akan ditukarkan kepada tanaman-tanaman lain yang sesuai secara berperingkat.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja penggulungan saya, jika ada apa-apa lagi yang tertinggal saya berharap kementerian-kementerian berkenaan dapat mencatat dan menjalankan apa yang telah dibangkitkan. Sekian, terima kasih...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia enam bilion satu ratus tiga puluh empat juta lima ratus sembilan puluh empat ribu lima ratus dua puluh (RM6,134,594,520) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2003, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 2003 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 2004 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut, hendaklah disahkan.”

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua ([Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM18,988,403,497 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keuda, 2003 bagi Maksud-maksud Bekalan B.3, B.5, B.7, B.8, B.10, B.11, B.14, B.18, B.20, B.24, B.25, B.28, B.30, B.31, B.33, B.38, B. 40, B. 44 dan B.45 untuk kementerian-kementerian dan Jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM6,134,594,520 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bilangan 2) Tahun 2003 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.7, P.17, P.19, P.20, P.25, P.26, P.28, P.31, P.33, P.39, P.42 dan P.44 untuk Kementerian-kementerian dan Jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam Penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 2004 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2003 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2003 telah pun dibentangkan kelmarin. Di samping itu, penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan anggaran tambahan ini adalah juga diberi dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 15A Tahun 2004 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2003 dan Kertas Perintah 16A Tahun 2004 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2003. Oleh itu, saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

**Maksud B.3, B.5, B.7, B.8, B.10, B.11 [Jadual] –
Maksud P.7 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2003] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.3, B.5, B.7, B.8, B.10 dan B.11; dan Kepala Pembangunan P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Ipoh Timur. Selepas Ipoh Timur, Tanjong.

12.27 tgh.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya sebut mengenai BPR, peruntukan sudah diberi untuk BPR. Tadi saya ada sebut mengenai tiga versi kedudukan siasatan BPR terhadap bekas Presiden MCA Tan Sri Ling Liong Sik. Sekarang saya mahu tanya, nampaknya bukan sahaja dalam perkara ini ada versi-versi multi.....[Disampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya ingin maklumkan masa dihadkan 10 minit bagi setiap ahli berucap.

Tuan Lim Kit Siang: Okey. Patutnya korupsi tidak patut dihadkan. Kalau dihadkan, bagaimana boleh banteras korupsi? Korupsi akan bermaharajalela semacam sekarang ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya menjalankan tugas saya mengikut Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Saya tahu, saya tahu. Di sini, saya mahu timbulkan mengenai isu *high profile corruption case*. Isu *high profile corruption case* nampaknya ada pun dua, tiga versi yang pada 2 Jun, apabila Yang Berhormat Menteri di dalam Jabatan Perdana Menteri ada menjawab kepada ucapan saya, dia ada cuba untuk memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa ada 18 orang telah ditangkap. Ada 18 orang yang berjawatan tinggi. Tetapi, dua hari dahulu, jawapan kepada soalan saya menyatakan perkembangan terbaru 18 kes profil yang telah dihantar oleh BPR ke Kamar Peguam Negara telah selesai kerja penyiasatan dan jumlah menteri yang terlibat serta kedudukan terbaru setiap kes berkenaan, kita ada satu senarai. 11 orang sahaja. Nampaknya, 18 orang sudah kurang kepada 11 orang, itu yang pertama.

Yang kedua, apabila kita meneliti senarai ini, barulah sebenarnya empat orang selepas ucapan atau kenyataan yang ada dibuat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri masa itu yang buat satu pengumuman bahawa ada 18 kes *high profile* ialah selepas Eric Chia dan Kasitah Gaddam, kedua-dua orang ada ditangkap dan dibawa ke mahkamah. Selepas itu dia kata, ada 18 *high profile case*. Tetapi, mana itu? Ada empat kes sahaja. 7 kes, sebelum itu Eric Chia, Kasitah Gaddam, Ramli Mokhtar Pengarah Urusan Amanah Ikhtiar Malaysia, Datuk Ibarahim Mohd Noor, bekas Ketua Pegawai Telekom pada bulan Januari. Ahmad Zukni Johari PUNB pada bulan Ogos 2002. Annuar Mohd Noor, bekas CEO Malaysian Technology Development pada

bulan Disember 2003. Baharudin Ahmad, bekas Yang di-Pertua Kangar pada 9 Februari, sebelum kenyataan dibuat oleh menteri berkenaan.

Baru 18 kes, nampaknya sudah menjadi empat kes. Empat kes bukan *high profile*. Mana ada *high profile*? Kes Dato' Sharif Jajang bekas Exco Selangor bukan *high profile case* dan tiga kes Ahli Parlimen, Mohd Apandi Haji Mohamad bekas Ahli Yang Berhormat bagi Jeli, Ramli bin Ibrahim bekas Ahli Yang Berhormat bagi Kota Bharu.

Dua kes ini tidak boleh dikata sebagai *high profile*. Kenapa sudah hilang? Ini tidak menunjukkan bahawa ada keseriusan dalam usaha untuk membanteras korupsi dan saya harap bahawa kita boleh ada satu senarai yang terkini mengenai apa sudah terjadi 18 *high profile corruption case*? Selepas ucapan dua hari dahulu, saya tengok mengenai PIN, *National Integrity Plan*, saya tengok semua Ahli Parlimen di meja mereka adalah naskhah *National Integrity Pelan*, itu baik.

Tetapi kita diberitahu bahawa usaha akan dibuat supaya membuat taklimat kepada Ahli-ahli Parlimen. Itu bukan '*putting the cart before the horse*', Tuan Pengerusi. *National Integrity Plan* patut menjadi satu produk, satu buah, satu *fruit* selepas perbincangan Ahli-ahli Parlimen dan bukan ditetapkan selepas itu, kemudian itu untuk beri taklimat kepada Ahli-ahli Parlimen dan sebab itu *National Integrity Plan* tidak boleh mencapai satu tahap yang akan berjaya untuk menjadikan Malaysia sebagai '*tenth least corrupt nation*'.

Saya mahu tanya kenapa kita sangat bangga kata "Malaysia boleh" tetapi, mengenai isu-isu yang penting semacam Malaysia sebagai *least corrupt* antara 10 negara di dunia, kenapa sampai sekarang kita tidak berani untuk menjadikan itu sebagai satu matlamat, kita masih kata *corrupt* boleh menjadi ke-30. Itu adalah di dalam *National Integrity Plan*, tempat ke-30 walhal 9 tahun dahulu, tempat kita ialah 23. Sekarang kita harap dalam lima tahun kita akan dapat tempat ke-30.

Nampaknya kita sudah mundur dan saya harap bahawa dalam perkara ini, kita boleh mengadakan satu usaha yang serius. Saya pun sangat terperanjat mengenai satu jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bagi pihak Jabatan Perdana Menteri mengenai korupsi. Apabila menjawab isu yang saya timbulkan, kenapa tidak ada *open tender*, khasnya untuk memberi *award Selangor Northern Landfill* kepada Berjaya KUB di Bukit Tagar, jawapan beliau ialah dasar kerajaan ialah *open tender* untuk semua kontrak tetapi inilah kerajaan negeri. Adakah ini bererti satu *blank*

cheque untuk kerajaan negeri menjadi korup? Dasar *open tender*, dasar tidak *corruption*, tidak ada korupsi ialah di peringkat nasional sahaja. Tetapi di peringkat negeri boleh korup tidak apalah, tidak ada apa halangan, tidak ada apa *benchmark*. Sebab itu ada berlaku korupsi yang begitu serius di peringkat negeri.

Baru-baru ini, ada lapan orang yang berjalan kaki dari Kuala Lumpur ke Kuantan untuk meng*highlightkan*, untuk memprotes mengenai korupsi di Pahang. Menteri Besar Pahang Datuk Adnan mengenai *logging* yang ada diberi kepada UMNO dan yang melibatkan satu syarikat ialah syarikat Seruan Gemilang Makmur di mana ada 10,000.....

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Kinabatangan bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Sepuluh minit, apa mahu kacau? Tidak kacaulah. Sepuluh minit, tidak ada masa untuk dikacaukan. Di mana 10,000 ekar tanah untuk *logging* dan beberapa laporan polis sudah dibuat. Kenapa sampai sekarang ACA tidak buat apa-apa? Berapa bulan perkara ini sudah berjalan? Oleh kerana inilah *state*, *state* tidak apa, boleh korup, nasional sahaja isu dalam bidang kuasa badan berkenaan.

Semalam kita baca satu laporan di mana bekas Ketua Menteri negeri Melaka, Rahim Tamby Chik buat tuduhan yang serius, ada *money politics* dalam UMNO. Kalau ada *money politics* dalam UMNO, ada korupsi, itu bukan sahaja hal UMNO, ini hal ACA. Kenapa ACA tidak memulakan siasatan mengenai *money politics*, mengenai korupsi yang berjalan dalam UMNO, khasnya peringkat sekarang, UMNO *elections*. Siapa buat tuduhan? Bukan saya tetapi Rahim Tamby Chik, bekas Ketua Menteri Melaka, *shining star* suatu masa. Kenapa ACA diam?

Saya harap bahawa ACA akan membuka satu siasatan mengenai *election* korupsi, wang korupsi di dalam UMNO *elections*, benarkah tidak benar, saya tidak tahu. Dia kata bahawa, dia ada *diapproach* supaya bayar RM1,000 sekali undi. Mungkin kalau dia bayar pun, dia tidak dapat, saya tidak tahulah. Tetapi, ini menunjukkan bahawa budaya rasuah ini nampaknya sudah begitu mendalam dalam politik UMNO dan ini kita perlu bukan sahaja satu masalah UMNO dan satu masalah negara kita, dan saya harap ACA patutlah ada *quarterly report* kepada Parlimen ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Okey. Supaya kita boleh menjadi dengan matlamat *tenth least corrupt nation* dalam dunia dan bukan harap *30th place* sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tanjong.
12.36 tgh.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang Kepala B.10 – Jabatan Peguam Negara. Tuan Pengerusi, apabila Mahkamah Tinggi memberi keputusan pada bulan April tahun ini, bahawa mahkamah itu tidak mempunyai kuasa ataupun *jurisdiction* ke atas permohonan yang dikemukakan oleh Puan Samala Satayaselan untuk membatalkan penukaran agama dua orang anaknya kepada Islam oleh bapa mereka yang terlebih dahulu itu memeluk agama Islam, keputusan itu telah menutup segala jalan undang-undang kepada Puan Samala.

Beliau tidak dapat menuntut haknya di bawah Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan dan juga seksyen 5 Akta Hak Penjagaan Kanak-kanak. Walaupun kedua-dua fasal undang-undang ini memberi hak yang sama kepada setiap ibu atau bapa untuk memutuskan tentang agama bagi anak-anak *minor* mereka, sebagai seorang bukan agama Islam, beliau tidak mempunyai *locus standi* untuk diwakili dalam Mahkamah Syariah. Kes Samala bukanlah kes yang terpencil mengikut satu gabungan NGO bernama Artikel 11 di dalam suatu seminar umum mengenai *Right To Freedom Of Court, Conscience And Religion*, dengan izin, di Kuala Lumpur baru-baru ini. Sebenarnya, Tuan Pengerusi, saya sudah membangkitkan kes ini dan implikasinya pada persidangan Dewan Rakyat pada bulan Mei tahun ini tetapi pihak kerajaan tidak memberi jawapan langsung pada ketika itu.

Kes Samala telah mendapat perhatian pelbagai pihak termasuk pihak NGO, pucuk pimpinan agama-agama, peguam dan aktivis-aktivis hak asasi, kumpulan wanita dan sebagainya. Semenjak pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1988 yang memberi kebebasan yang lebih kepada sistem perundangan Syariah, kita mendapati kes-kes yang ada kaitan di antara agama dan juga isu keluarga dan kebebasan asasi telah dibawa kepada Mahkamah-mahkamah Sivil.

Dilema yang dihadapi oleh Mahkamah-mahkamah Sivil telah menginterpretasikan pindaan tersebut di atas, boleh dilihat dari segi keengganan para

hakim untuk memutuskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh agama Islam, khususnya dalam perkara seperti kebebasan agama, penukaran agama kanak-kanak, hak ibu dan bapa yang tidak beragama Islam apabila hak penjagaan kanak-kanak diberikan kepada pihak yang memeluk agama Islam oleh Mahkamah Syariah .

Keengganan ini telah menimbulkan masalah kepada orang-orang yang bukan beragama Islam, Tuan Pengerusi. Bagaimana kita dapat memupuk semangat kebebasan beragama, pada hakikatnya Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan telah memberi kebebasan beragama iaitu:

“Agama Islam ialah agama bagi Persekutuan tetapi agama-agama yang lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan”.

dan juga Perkara 11 ada menyatakan:

“Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat rujuk kepada mana satu Butiran?

Tuan Chow Kon Yeow: Jabatan Peguam Negara – undang-undang berkenaan dengan hak orang bukan Islam apabila menuntut tentang hak mereka.

Kedua-dua peruntukan Perlembagaan ini sebenarnya bertujuan untuk memupuk kesamarataan di antara kumpulan-kumpulan agama di negara ini dan bukan untuk membeza-bezakan mereka, akan tetapi kedua-dua peruntukan Perlembagaan ini tidak akan membawa makna sekiranya implikasi-implikasi tidak dapat dikuatkuasakan dalam proses membuat keputusan dasar dan juga dalam amalan kehidupan harian

Dalam kes Samala ini Hakim Yang Arif itu berkata dengan izin, *“It is for Parliament to provide the remedy”* atas soal penukaran agama anak-anaknya kerana walaupun Mahkamah Syariah adalah forum yang layak untuk menentukan status dua kanak-kanak itu, ianya tidak dapat mendengar permohonannya kerana beliau bukan seorang yang beragama Islam. Saya juga membangkitkan isu sekali lagi dalam Persidangan Dewan Rakyat pada kali ini melalui soalan lisan dengan tujuan menarik perhatian pihak kerajaan supaya Parlimen boleh menawarkan *remedy* itu tetapi jawapan daripada Perdana Menteri nampaknya tidak dapat menghayati kebimbangan rakyat yang bukan beragama Islam.

Kelmarin juga *Catholic Bishops Conference of Malaysia* juga mengeluarkan kenyataan untuk menyuarakan keprihatinan mereka ke atas isu ini. Isu pokok kes ini

ialah wujudnya percanggahan bidang kuasa antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Pendapat Hakim Yang Arif itu perlu diberi perhatian iaitu:-

“It is not for this Court to legislate and confer jurisdiction for Parliament to provide the remedy”, *dengan izin*.

Saya memohon pihak kerajaan untuk melalui Dewan Rakyat ini memberi *remedy* kepada masalah yang timbul khususnya selepas kes Samala. Pertamanya tentang peranan Mahkamah Sivil untuk mendengar kes-kes yang melibatkan soal agama Islam dan keduanya, bagaimana memastikan hak-hak yang dikurniakan kepada rakyat khususnya yang tidak beragama Islam oleh Perlembagaan Persekutuan tidak akan merosot.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, saya ingin menyeru pihak kerajaan dan Jabatan Peguam Negara untuk mengkaji kemungkinan untuk mengadakan *Law Reform* demi memastikan Perlembagaan Persekutuan mengenai hak dan kebebasan beragama ini tidak terhakis.

Tuan Pengerusi, saya ingin tahu apakah tindakan yang akan diambil oleh Parlimen ini untuk membetulkan satu keadaan di mana orang bukan beragama Islam perlu menerima keputusan Mahkamah Syariah walaupun sepatutnya Undang-undang Islam hanya beraplikasi kepada orang-orang yang beragama Islam sahaja tetapi orang yang sama itu tidak boleh menuntut keadilan di Mahkamah Syariah kerana mereka bukan beragama Islam.

Dengan ini saya berharap Jabatan Peguam Negara dan pihak kerajaan dapat memberi perhatian yang serius kepada isu yang saya bangkitkan. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tumpat.

12.44 tgh.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Maksud di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu Maksud B.10 dan Maksud B.11 tentang Peguam Negara dan Jabatan Peguam Negara. Saya ingin bertanya kepada pihak Jabatan Perdana Menteri sama ada mereka mengikuti Titah Ucapan oleh Seri Paduka Baginda Sultan Perak, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah di satu Upacara Perasmian Multaka Sultan Azlan Shah yang dianjurkan bersama dengan IKIM pada 10 Jun 2004 yang lalu, yang mana Baginda Sultan Perak menyebutkan bahawa satu daripada rukun terpenting yang diperlukan bagi memastikan keadilan

dapat dilaksanakan ialah wujudnya badan kehakiman yang bebas. Tiada undang-undang yang akan berkesan dalam memberikan keadilan melainkan mekanisme pelaksanaan berteraskan prosedur yang adil dan telus serta ditadbirkan oleh barisan hakim yang layak, bebas dan mengamalkan integriti yang tinggi. Kita juga mempunyai Pelan Integriti Nasional (PIN) dan sebagainya.

Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak Jabatan Perdana Menteri sama ada Titah Ucapan oleh Baginda Sultan Perak di program yang penting ini diambil kira dan seluruh ucapannya banyak menegur tentang keadaan kehakiman dan peri perlunya kehakiman kita dijadikan suatu yang mempunyai integriti, yang berfungsi untuk benar-benar menjamin kesejahteraan rakyat dan amalan kerajaan yang menghormati prinsip perundangan dapat dijamin.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin merujuk kepada Badan Pencegah Rasuah - Maksud B.11.

Saya ingin bertanya kepada pihak Badan Pencegah Rasuah sama ada mereka sedar dan apakah tindakan yang mereka sedang ambil dalam kes yang berkaitan dengan kes Lembaga Tabung Haji. Ada dua perkara yang kita difahamkan masih di dalam pertimbangan pejabat Peguam Negara dan Badan Pencegah Rasuah iaitu pertamanya tentang pembelian bangunan menara yang dipanggil Plaza Potential di Jalan Sultan Ismail dan Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur yang mana kita mempunyai laporan-laporan yang menunjukkan bahawa bangunan menara Plaza Potential ini dibeli dengan harga yang amat tinggi dan dibeli dengan harga yang tidak dipersetujui oleh anggota Lembaga Pengarah Tabung Haji sendiri. Harga yang dibeli oleh Tabung Haji akhirnya ialah sebanyak RM270 juta manakala Jabatan Penilaian memberikan bahawa harga yang munasabah ialah hanya sekitar RM150 juta sahaja.

Jadi, banyak maklumat yang kita tahu dan dimaklumkan bahawa prosedur dan proses membuat keputusan oleh Lembaga Tabung Haji dalam kes pembelian hartanah seperti pembelian Plaza Pontential daripada Maju Holdings ini banyak menimbulkan syak wasangka tentang bagaimana wang kerajaan, wang negara, wang anggota yang menjadi ahli kepada Lembaga Tabung Haji dipergunakan, dibazirkan dengan bentuk yang banyak menimbulkan persoalan rasuah di kalangan Pak Menteri dan Lembaga Pengarah yang terlibat itu dalam contoh seperti ini.

Satu lagi contoh berkenaan dengan tindakan Lembaga Tabung Haji ialah pembelian ekuiti dalam Syarikat Usahasama Bukit Chagar di Johor Bahru. Sekali lagi

harga yang dibayar oleh Lembaga Tabung Haji dengan harga yang sebenarnya dan dengan keadaan syarikat yang terlibat itu amat sekali berbeza. Dalam kes Bukit Chagar ini Lembaga Tabung Haji telah mengeluarkan pembelian sejumlah RM67 juta untuk 49% daripada Syarikat Pembangunan Bukit Chagar, sekali lagi dengan Maju Holdings dan mengikut laporan yang kita ada projek di Bukit Chagar itu tidak berjalan dan nilai *fourth sale value* keseluruhan tanah itu hanyalah RM19 juta sahaja hari ini. Daripada pelaburan RM67 juta nilai yang sebenar harta yang dibeli itu hari ini hanyalah RM19 juta.

Jadi, kita ingin mengetahui apakah Badan Pencegah Rasuah telah menyelidiki dan membuat keputusan untuk mengambil tindakan yang sepatutnya diambil terhadap orang-orang yang terlibat dalam Lembaga Tabung Haji dan orang-orang lain yang terlibat bersamanya dalam pembaziran dengan secara yang rasuah, harta rakyat melalui Lembaga Tabung Haji ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Johor Bahru.

12.50 ptg.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak merujuk kepada P.28 – Perbendaharaan iaitu Butiran 20000 – CIQ Johor Baru iaitu peruntukan tambahan sebanyak RM190,951,070 dikehendaki untuk pembayaran pengambilan balik tanah persendirian bagi melaksanakan Projek CIQ di Johor Bahru. Ini bersabit dengan Lot 546 Mukim Bandar Johor Bahru di mana dalam ucapan saya...

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Peraturan. Tuan Pengerusi, saya ingat Yang Berhormat bagi Johor Bahru telah menyentuh tentang kementerian yang lain dan bukan kementerian Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kita masih dalam JPM.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Bagan.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Terima kasih Yang Berhormat.

12.51 ptg.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Pengerusi. P.8 - Suruhanjaya Pilihan Raya. Tuan Pengerusi, pilihan raya kesebelas yang baru dilangsungkan ini adalah satu pilihan raya yang paling kecoh betul dan penuh dengan salah laku

pegawai-pegawai berkenaan. Ini menyebabkan berpuluh-puluh kes mahkamah membicarakan rayuan-rayuan pilihan raya yang telah dilangsungkan ini.

Tempoh hari kami membaca dalam surat khabar bahawa ada berita-berita menyiarkan mengenai pembekal-pembekal bahan pencetak membuat pengaduan bahawa mereka telah dihutang lebih kurang RM100 juta kerana mencetak bahan-bahan cetakan Barisan Nasional. Ini sahaja RM100 juta, sekiranya benar, maka ia adalah menyalahi Undang-undang Pilihan Raya kerana setiap Parlimen hanya dibenarkan untuk membelanjakan RM100,000 dan Dewan Undangan Negeri hanya boleh membelanjakan lebih kurang RM50,000.

Kalau sekiranya RM100 juta ini dibahagikan kepada 219 kerusi Parlimen dan di bawahnya ada tiga atau empat kerusi Dewan Undangan, maka jumlah ini masih melebihi perbelanjaan yang dihadkan. RM100 juta ini juga tidak termasuk bahan-bahan yang dicetak di dalam negeri kita ini atau oleh calon-calon persendirian ataupun perseorangan itu.

Saya ingin menanya kepada SPR mengapa ada ramai pengundi yang mana nama-nama mereka hilang dari senarai pengundi. Misalannya saya kata di kawasan saya ada seorang pengundi yang telah mencapai umur lebih kurang 61 tahun. Pada setiap musim pilihan raya, beliau dapat mengundi tetapi kali ini nama beliau telah digugurkan – telah hilang dari senarai pengundi. Namanya Teo Chong Tong. Namanya telah dihilangkan sama sekali dan tidak dapat dicari.

Ada juga terdapat butiran-butiran atau keterangan-keterangan IC yang salah dalam senarai pengundi-pengundi. Misalnya saya membangkitkan Lee Beng Teong, nombor ICnya yang baru ialah 690925-07-5305 dan IC lama - A1363000. Apabila beliau memasukkan – *key-in* dengan izin, komputer untuk menyemak namanya, dikeluarkan satu *printing* didapati bahawa ICnya yang baru serupa, IC lama pun serupa juga tetapi nama Ishak bin Yusof yang alamatnya di Gopeng, Perak. Sebenarnya orang ini, dia ada di Butterworth tetapi yang *print out* ini adalah nama Ishak bin Yusof. Jadi dia kehilangan kelayakan untuk mengundi. Tuan Yang di-Pertua, di mana salahnya yang ini?

Seorang lagi wanita Angaryorkani a/p Ramu, IC lama - A1441595. Apabila membuat semakan di komputer *print-out* ialah dengan nombor yang sama tetapi nama Johari bin Man. Lagi seorang hilang kelayakan untuk membuang undi. Jadi ini adalah sedikit nama yang saya dapat setelah didatangi pengadu berkenaan dengan

kehilangan kelayakan mereka mengundi. Jadi apakah tindakan yang boleh diambil supaya satu semakan menyeluruh boleh dijalankan di seluruh negara ini supaya orang-orang yang hilang nama atau butiran yang sama, boleh diperbetulkan dan dapat kelayakan untuk mengundi.

Maksud B.8 – Jabatan Perkhidmatan Awam. Ini ada RM170 juta untuk membiayai program tajaan pelajar-pelajar di dalam dan luar negeri pada tahun 2003. Tuan Pengerusi, saya mendapat satu pengaduan dari seorang pelajar nama Kam Chun Fai. Alamatnya ialah 26 Tingkat Indah 1, Taman Bukit Indah, Bukit Mertajam. Beliau telah membuat satu rayuan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam untuk membuat rayuan bagi mendapat biasiswa Program Ijazah Luar Negara Tahun 2004. Bidang pengajiannya ialah Bioteknologi di United Kingdom

Tuan Pengerusi, pemohon ini beliau mendapat kecemerlangan dalam persekolahannya baik di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah. Saya boleh membaca sedikit:

“Sepanjang 11 tahun di sekolah, biar sekolah rendah mahupun menengah, saya dengan konsisten telah mencapai keputusan cemerlang. Buktinya, saya tidak pernah tercicir dari kedudukan kedua terbaik di sekolah rendah dan sering mendapat antara kedudukan terbaik di sekolah menengah. Malah pernah mendapat tempat pertama dalam sesetengah tahun dan tidak pernah gagal naik ke pentas setiap tahun untuk mendapatkan trofi sama ada kerana kedudukan dalam aliran atau hadiah mata pelajaran. Malah saya telah mencapai dengan optimum apa yang diperlukan oleh sistem pendidikan di negara ini iaitu 5A dalam UPSR, 7A dalam PMR dan 10A1 dalam SPM termasuk English 119. Ini menunjukkan saya telah mencapai 100% dalam peperiksaan.

“Saya berharap kecemerlangan dalam pendidikan ini dapat dipertimbangkan, malah saya telah diberi kepercayaan oleh pihak sekolah bagi mewakili sekolah dalam pelbagai kuiz dan pertandingan dalam bidang akademik sama ada di peringkat sekolah, daerah, negeri ataupun kebangsaan. Contohnya Kuiz Sains Alam Semula Jadi Peringkat Negeri, Kuiz Kimia Kebangsaan Malaysia 2003, Kuiz Fizik Kebangsaan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bagan, boleh gulung.

Tuan Lim Hock Seng: Ya.

“... Malaysia 2003 dan lain-lain lagi.”

Bapanya juga seorang *civil servant*, ibunya juga seorang *nurse* dengan izin, - jururawat. Kedua-dua ibu bapa mereka berkhidmat kepada kerajaan tetapi dengan keputusan yang cemerlang ini, beliau dinafikan bagi mendapat biasiswa. Jadi saya berharaplah rayuan beliau bertarikh 6 Jun 2004 ini yang baru-baru ini dihantar dapat dipertimbangkan oleh kerajaan demi untuk mendidik seorang yang pandai, seorang yang bakal mempelajari Bioteknologi yang beliau pilih di United Kingdom. Sekian sahaja.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri boleh jawab pada petang ini.

Tuan Lim Hock Seng: Eh, lagi ada. Dia ada. *[Menunjuk ke arah Yang Berhormat bagi Rantau Panjang]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang ini pun terpulang kepada Speaker. Saya cakap cukuplah lima.

Seorang Ahli: Oh, tidak cukup.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehkah Yang Berhormat Menteri jawab nanti pukul 2.30 petang sebab kita sudah lewat Yang Berhormat. Kita sebenarnya peruntukan untuk peringkat Dasar dan Jawatankuasa - 3 hari. Kita sudah lewat dengan 1 hari. Lepas ini ada kementerian lain pula.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi Yang Berhormat tidak bangun. Jadi saya sudah buat keputusan. Tidak apalah. Ini...

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Masih bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah. Dewan bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat. Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng: Dewan bersidang dalam Jawatankuasa Yang Berhormat Menteri boleh menjawab.

2.32 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Pengerusi, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada tiga Ahli Yang Berhormat yang menyertai perbahasan berkaitan dengan Anggaran Perbelanjaan Tambahan bagi Jabatan Perdana Menteri iaitu B.3, B.5, B.7, B.8, B.10 dan B.11. Yang sebenarnya SPR tidak termasuk dalam tambahan ini, maka itu saya tidak akan menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan yang berkaitan dengan SPR, kerana yang diminta tambahan dalam Dewan ini ialah untuk tujuh ataupun enam jabatan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, ada tiga perkara pokok yang dibangkitkan, yang pertama berkaitan dengan biasiswa kepada seorang pelajar bernama Encik Tam Chun Fai, yang keduanya berkaitan dengan isu kes Sharmala, yang ketiga isu-isu berkaitan dengan Badan Pencegah Rasuah. Jadi, saya ingin mengambil kesempatan untuk menjawab ketiga isu yang dibangkitkan.

Tuan Pengerusi, yang pertama pelajar Tam Chun Fai, beliau memang seorang pelajar yang cemerlang mendapat 9A1 dalam peperiksaan SPM baru-baru ini. Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat ada 6,500 pelajar yang mendapat semua 'A' dalam peperiksaan SPM, satu angka yang amat besar. Daripada 6,500 ini cuma 1,300 sahaja yang mendapat tawaran. Ini bermakna kira-kira 5,200 yang ditolak termasuklah Tam Chun Fai ini. Kita tidak menafikan beliau seorang pelajar yang cemerlang dan kerajaan telah memutuskan untuk menghantar kira-kira 1,300 ataupun menerima permohonan daripada 1,300 orang pelajar bagi mengikuti kursus persediaan untuk belajar di luar negara, kira-kira separuh daripada mereka adalah dalam bidang perubatan.

Jadi, Tuan Pengerusi dengan bilangan pelajar-pelajar cemerlang yang begitu ramai kerajaan tidak mampu hendak memberikan biasiswa kepada semua yang memohon, tambahan lagi pencapaian akademik bukanlah satu-satunya asas yang digunakan untuk menimbang sama ada seorang pelajar itu layak ataupun tidak menerima tajaan di bawah JPA, ada lagi beberapa perkara yang perlu dipenuhi termasuklah kegiatan ko-kurikulum, subjek dalam pilihan kursus, bilangan tempat, latar belakang keluarga. Jadi, kita berharap pelajar berkenaan tidak berputus asa dan terus belajar kerana dalam negara pun universiti kita gemilang, terbilang. Saya yakin pelajar ini dapat mengekalkan prestasinya dengan baik dan dapat terus mencapai kejayaan apabila beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Tuan Pengerusi, isu yang kedua ialah berkaitan dengan kes Sharmala. Kerajaan sedar pada masa ini wujud percanggahan bidang kuasa antara mahkamah sivil dengan mahkamah syariah dan oleh kerana itulah, maka kerajaan pada masa ini sedang mengkaji mengenai pertindihan bidang kuasa ini. Berkenaan dengan pihak yang tidak memeluk agama Islam yang berkahwin di bawah akta tertentu ini, termasuklah hak penjagaan anak.

Jadi, saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kerajaan memang prihatin kepada kes Sharmala ini yang melibatkan dua orang anak, seorang berumur tiga setengah tahun seorang lelaki dan seorang lagi satu tahun setengah dan memang Puan Sharmala tidak ada *locus standi* dalam undang-undang yang ada pada hari ini, kerana beliau tidak boleh membawa kes ini ke Mahkamah Syariah. Jadi, ada pertindihan kuasa dan perkara ini sedang ditangani oleh kerajaan dan kerajaan sudah membuat kajian tentang perkara ini, mudah-mudahan satu keputusan akan dapat kita capai setelah kerajaan menyiasat. Jadi, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang kajian masih lagi berjalan. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Dato' Menteri. Saya cukup tertarik apabila pihak Menteri menjawab mengatakan kerajaan sedang mengkaji untuk menyesuaikan kaedah untuk menyelesaikan masalah Sharmala ini yang bercanggah di antara mahkamah sivil dan mahkamah syariah. Apakah pihak kerajaan merasai dengan adanya satu moto baru yang digunakan oleh kerajaan sekarang ini, iaitu Islam Hadhari ini boleh mencari satu

kaedah yang tidak menggunakan kaedah Islam yang sejati, yang digunakan umat Islam selama ini.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Islam itu satu sahaja, Islam satu, Islam syumul dan Islam Hadhari ini merupakan pendekatan yang digunakan oleh Kerajaan Barisan Nasional untuk memakmurkan dan memajukan negara pada tahap lebih tinggi lagi. Jadi, kita menggunakan kaedah Islam Hadhari dalam setiap perkara yang kita lakukan. Dalam kes ini yang dibangkitkan ialah kes Puan Sharmala, ini saya sebutkan tadi kajian masih lagi dilakukan. Tadi ada disebutkan tentang Perlembagaan Perkara 3 dan Perkara 11. Ini semua perkara yang jelas dalam Perlembagaan dan ada lagi isu-isu yang tertakluk di bawah mahkamah syariah. Jadi, kita akan mengkaji, saya tidak boleh memberi kata putus tentang apakah keputusan yang akan dibuat oleh kerajaan dan kajian masih berjalan. Jadi, saya tidak mahulah pergi lebih lanjut dalam perkara ini.

Jadi, Tuan Pengerusi, itu isu yang kedua, sudah selesai, yang pertama berkaitan pelajar saudara Tan Chun Fai, yang kedua berkaitan dengan Puan Sharmala. Akhir sekali Tuan Pengerusi kes-kes rasuah termasuklah berkaitan dengan Peguam Negara dan Badan Pencegah Rasuah, yang mana bagi Peguam Negara, RM5.25 juta dipohonkan tambahan dan bagi Badan Pencegah Rasuah RM3.378 juta tambahan dipohonkan.

Saya ingin menekankan di sini bahawa Kerajaan Barisan Nasional mempunyai komitmen yang tinggi untuk menghapuskan gejala rasuah dalam negara kita. Tidak ada mana-mana pihak yang harus mempertikaikan komitmen tinggi ini. Bagi kerajaan tidak ada kes besar, tidak ada kes kecil, kes tetap kes. Dahulu ada yang mengatakan bahawa kerajaan tidak mengambil tindakan terhadap jerung umpamanya, cuma ikan bilis sahaja, ini dakwaan oleh pembangkang. Jadi, saya ingin mengatakan bahawa kerajaan *committed* dan serius, seperti sedia maklum Akta Badan Pencegah Rasuah sudah pun dipinda memberikan BPR kuasa yang lebih dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun menekankan banyak kali tentang komitmen kerajaan untuk menghapuskan gejala rasuah termasuklah untuk memperbaiki kedudukan Malaysia dalam aspek *Index Transparency International*.

Sekarang ini Malaysia menduduki kedudukan 37 daripada 133 buah negara dan kita mempunyai komitmen yang tinggi untuk memperbaiki keadaan ini dan langkah-langkah yang kita ambil telah pun meyakinkan rakyat. Itu sebabnya rakyat

mengundi Barisan Nasional baru-baru ini. Rakyat sudah yakin dengan langkah ini dan yang diambil oleh kerajaan akan memberikan mandat yang besar kepada Perdana Menteri dan Barisan Nasional, maka tidak ada siapa yang harus mempertikaikan komitmen kerajaan untuk membanteras rasuah dalam negara kita dan beberapa tindakan telah pun diambil.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang: Ketua Pembangkang di Kelantan, Dewan Undangan Negeri di Kelantan ada berkata, bahawa tidak ada sesiapa yang harus dipertikaikan, komitmen yang tinggi kerajaan untuk menghapuskan rasuah. Beliau pernah menjadi Menteri di Kabinet bekas Perdana Menteri. Adakah komitmen yang tinggi ini bukan sahaja kerajaan ini, tetapi kerajaan yang lama pun selama 22 tahun atau sebahagian pentadbiran beliau itu, atau ini dia sahaja sebut pentadbiran yang baru. Oleh sebab itulah kita menggunakan perkataan yang begitu am, tetapi yang konkrit, yang kita tahu ialah apa usaha yang ada diambil dalam lapan bulan ini untuk menghapuskan rasuah, tidak kira apa peringkat dan juga apa usaha dan 18 kes *high profile corruption case*, kenapa sudah hilang?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Yang Berhormat Ipoh Timur pun tahu dan saya yakin dalam tempoh 8 bulan ini banyak tindakan telah pun diambil termasuklah pendakwaan terhadap beberapa individu tertentu. Ini merupakan komitmen Barisan Nasional, bukan baru - dahulu dan sekarang Barisan Nasional tetap membanteras rasuah. Cuma pada hari ini dari segi penekanannya diberi penekanan oleh Perdana Menteri sehingga ada beberapa orang yang telah pun dibawa ke mahkamah. Yang Berhormat bagi Ipoh Timur ada membangkitkan beberapa isu yang spesifik 18 hilang dan lain-lainlah.

Saya hendak bermula dengan kes Yang Amat Berbahagia Tun Lee Liong Sik. Tadi, dibangkitkan tentang tiga visi. Sebagai penjelasan seseorang itu sebelum diberikan mana-mana darjah kebesaran akan disemak dan ditapis oleh beberapa pihak termasuklah BPR. Dan apabila seorang itu diberi anugerah, maka pada ketika itu kerajaan berpuas hati bahawa seseorang itu telah pun melepasi halangan-halangan yang ditetapkan oleh kerajaan. Pada masa depan kita tidak tahu apa yang akan berlaku, tetapi kerajaan telah membuat keputusan bahawa sesiapa juga yang disabitkan di dalam kes-kes mahkamah, yang mereka diberikan anugerah dan jika ada rayuan mereka gagal dalam rayuan tersebut, maka Kerajaan Pusat telah pun

mencadangkan kepada semua pihak yang berkenaan supaya anugerah tersebut ditarik balik daripada mereka.

Jadi, dalam kes Yang Amat Berbahagia Tun Lee Liong Sik ini kes yang pertama sudah pun selesai, tidak ada yang melibatkan anak beliau, tidak ada kes, kes 2002 yang melibatkan di mana saya difahamkan Datuk Soh Chee Wen, kes ini juga didapati di dalam siasatan, setakat ini yang dibuat tidak melibatkan secara langsung Tun Lee Liong Sik, maka itulah sebabnya kenapa beliau telah didapati sesuai untuk diberikan anugerah 'Tun', memandangkan perkhidmatan beliau yang cemerlang kepada negara.

Jadi, dalam kes ini, kes *high profile* ini pada masa ini itulah keadaannya, iaitu bagi kes pertama sudah tidak berbangkit lagi. Kes kedua tidak terlibat secara langsung, tidak melibatkan diri beliau, maka itu telah diberikan perlepasan untuk menerima anugerah tersebut.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai kes kedua, laporan kedua yang dibuat, bagaimana Yang Berhormat Menteri boleh kata bahawa kes ini tidak melibatkan Tun Ling Liong Sik secara langsung. Oleh kerana kes ini ialah bahawa sama ada *interview* yang dibuat oleh Soh Chee Wen benar bahawa dia ada dipujuk oleh Tun Ling Liong Sik supaya tidak *implicate* Tun Ling Liong Sik dalam semua urusan berniaga beliau. Ertinya, ialah sungguhpun ada *business connection* tetapi untuk tidak buat satu kenyataan yang benar supaya tidak *implicate*kan. Ini secara langsung melibatkan Tun Ling Liong Sik selain daripada kes ini ditutup bahawa tidak benar. Tetapi kes ini belum ditutup.

Ada tiga versi yang berbeza. Satu ialah dirujuk kepada Peguam Negara. Kedua, tidak dirujuk kepada Peguam Negara. Ketiga, semua selesai. Saya tidak tahu apa keadaan tahap siasatan kes ini tetapi kes ini ada libat Tun Ling Liong Sik secara langsung. Bagaimana boleh kata tidak terlibat, itulah *the vary case itself*.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Pengerusi, saya tidak mahu berdebat secara panjang lebar dengan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dalam perkara ini kerana kita tidak cukup masa dan saya tidak mahu bagi laluan kepada beliau atas kes ini. Yang saya hendak tegaskan bahawa kes 1997 telah selesai. Kes 2002 memang siasatan lagi berjalan tetapi tidak melibatkan Tun, itu sebabnya beliau telah pun dianugerahkan 'Tun' bagi menghargai sumbangan besar Tun kepada negara.

Tuan Pengerusi, saya pergi kepada isu kedua yang dibangkitkan.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Mustapa bin Mohamed: Cukup, terakhir, *last one*.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu minta terakhir.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tak payah *jacklah*.

Tuan Lim Kit Siang: Terakhir. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa laporan kedua itu dibuat oleh saya. Saya tahu sama ada kes itu, laporan itu ialah penglibatan Liong Sik atau tidak. Bagaimana boleh kata tidak libat. Kes ini dilapor oleh saya sendiri. Selain daripada ACA tutup kes itu, kes itu ada libat tetapi kata tidak terlibat. Apa *outcome* siasatan, itu perkara yang lain, tetapi tidak boleh kata tidak libat secara langsung oleh kerana itulah laporan saya, dan Yang Berhormat ada mengeliru dan memesongkan Dewan yang mulia ini apabila kata begitu.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Pengerusi, yang saya tahu Ketua Pembangkang memang dia buat laporan. Tetapi yang pertamanya, beliau bukan Ketua Pengarah BPR, tidak ada kuasa. Yang keduanya, dia bukan hakim. Apakah hak beliau untuk membuat penghakiman dalam kes ini? Ahli Yang Berhormat seorang warga negara, wakil rakyat berhak buat laporan, tetapi yang menyiasat ini bukan Ipoh Timor. Yang menyiasat ialah BPR, Jabatan Peguam Negara, yang membuat keputusan ialah mahkamah. Ini Yang Berhormat hendak buat hukum ini satu perkara yang luar biasa bagi Ketua Pembangkang. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: [*Menyampuk*]

Dato' Mustapa bin Mohamed: Cukuplah, dekat pukul 3.00 dah. Tadi kata *last*. Ini cakap tak betul, macam mana. Jangan tipu Dewan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu jelaskan. Perkara ini bukan saya buat satu *judgement*. Saya tidak buat satu *judgement* tetapi untuk memberitahu Yang Berhormat Menteri dalam Dewan ini apa perkara yang saya laporkan kepada ACA ialah mengenai penglibatan Liong Sik dalam *interview* Soh Chee Wen itu. Benar atau tidak benar itu hal yang lain. Saya tidak buat apa keputusan atau *judgement*. Itu silap, itu tidak adil. Tetapi kata bahawa laporan itu tidak melibatkan Liong Sik secara langsung. Itu tidak benar, sebab itu saya mahu perbetulkan.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Pengerusi, saya pergi kepada isu yang kedua. Isu kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Santubong.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Sila.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Minta maaf Yang Berhormat Menteri. Saya ini dengarlah Yang Berhormat bagi Ipoh Timor cerita ini. Nampaknya kalau laporan ataupun *report* yang dibuat oleh pihak pembangkang ataupun Ipoh Timor mestilah kes itu dianggap telah dijadikan satu kesalahan, bukan persepsi ataupun fikiran dia sahaja. Dia ada buat *report* mesti dituduh, ditangkap dan bawa ke jel, tak payah mahkamah lagi, tak payah dituduh lagi. Jadi, macam buat undang-undang, kalau dia buat laporan oleh Ketua Pembangkang mestilah orang itu masuk jel terus. Jadi, pilihan ataupun penyelidikan yang dibuat oleh kerajaan itu tidak dipakai langsung. Yang Berhormat, tak payahlah buat macam ini. Tak payah layanlah orang macam ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah saya cakap begitu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Duduk, duduk, duduk! Tak apa, duduk Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Memang you tidak cakap macam itu tetapi *that is what you mean, you see*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, cukup!

Tuan Lim Kit Siang: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ehhh....pandai-pandai sahajalah.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Pengerusi, saya beredar kepada perkara kedua iaitu perkara yang dibangkitkan oleh Tumpat berkaitan dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Dua perkara dibangkitkan, yang pertamanya, Plaza di Jalan Sultan Ismail. Yang keduanya, ialah pembelian ekuiti dalam Bukit Chagar di Johor. Mengikut dakwaan beliau penilaian (*valuation*) oleh pihak berkenaan adalah lebih rendah daripada harga yang dibayar oleh Tabung Haji.

Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat, untuk makluman beliau, mengikut semakan dengan BPR perkara ini tidak dilaporkan kepada BPR, oleh itu tidak ada siasatan berkaitan perkara ini dan saya tidak dapat memberi ulasan lanjut kerana ini satu dakwaan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Tumpat yang mana mengikut beliau

penilaian yang dibuat adalah lebih rendah tetapi harga bayaran adalah lebih tinggi daripada penilaian tersebut, tetapi mengikut semakan tidak ada laporan dibuat oleh mana-mana pihak yang berkuasa dan kerajaan.

Seterusnya, perkara ketiga berkaitan BPR yang dibangkitkan, sama ada Yang Berhormat tidak tahu tentang isu pembalakan di Pahang yang melibatkan 10,000 ekar. Saya ingin memaklumkan bahawa kes ini masih lagi dalam siasatan BPR dan mengikut Akta Pencegahan Rasuah 1997, Seksyen 1 (4) memang kita tidak boleh mendedahkan hasil siasatan yang sedang berlangsung. Jadi, Ahli Yang Berhormat kena bersabar tentang perkara ini. Tindakan sedang diambil oleh pihak BPR menyiasat aduan yang telah dibuat oleh pihak berkenaan.

Perkara ketiga yang dibangkitkan tentang BPR ialah dakwaan Tan Sri Rahim Tamby Chik menyatakan bahawa ada politik wang dalam UMNO. Saya ingin memaklumkan bahawa setakat ini pihak BPR belum lagi menerima sebarang aduan daripada Yang Berbahagia Tan Sri Rahim Tamby Chik, tetapi saya ingin memaklumkan bahawa pihak BPR mengambil perhatian berat ke atas dakwaan yang dibuat oleh Tan Sri Rahim dan UMNO tidak sekali-kali membenarkan ahli-ahlinya terlibat dalam politik wang. Kita bertekad untuk mempunyai komitmen yang tinggi untuk membanteras politik wang, bukan sahaja BPR akan menyiasat perkara ini tetapi dari segi partinya di bawah Jawatankuasa Pengurusan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Lembaga Disiplin UMNO, kita mengambil berat tentang perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Larut bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin mendapat penjelasan sama ada pihak-pihak pembangkang terlibat dalam menaja mana-mana calon yang terlibat dalam pemilihan parti kerana mereka pun juga kadangkala tidak senang duduk melihat sesetengah calon yang dipilih oleh orang ramai di kalangan ahli parti, mungkin mereka mengambil kesempatan sama ada perkara ini berlaku atau tidak, minta sedikit penjelasan kepada Yang Berhormat.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Pengerusi, saya tidak ada maklumat tentang perkara ini, tetapi kita tidak boleh menolak apa juga kemungkinan, pelbagai kemungkinan boleh berlaku. Yang terlibat dalam perkara ini dalam dakwaannya bukan

sahaja dalam UMNO tetapi kita tahu juga parti lain pun ada juga dakwaan tentang politik wang berlaku.

Tuan Pengerusi, mengenai 18 dan lain-lain ini yang dibangkitkan hilang, mana ada hilang, kes ada, adalah, ya. Bilangan itu bagi saya tidak relevan, yang penting kerajaan mempunyai komitmen yang tinggi untuk membanteras rasuah dan kerajaan akan tegas dalam perkara ini dan sudah pun terbukti melalui tindakan dan pendakwaan yang telah pun dibuat, ini adalah bukti yang jelas dan tidak harus diungkit-ungkit Perkara 18 hilang dan lain-lain. Saya harap selepas ini Ketua Pembangkang tidak lagi bercakap tentang 18 ini dan kita pandang ke hadapan, kerajaan akan tegas dalam melaksanakan peraturan undang-undang dan sesiapa jua yang bersalah akan dibawa ke muka pengadilan, itu jaminan kerajaan.

Tuan Pengerusi, saya...

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kinabatangan bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Isu yang dibangkit oleh pembangkang Yang Berhormat Menteri, boleh dikira setiap ada persidangan Dewan isu rasuah *high profile* ini tidak putus-putus dibangkitkan. Saya tidak tahu sesi akan datang mungkin dia bangkit juga isu yang sama ini dan kita melihat daripada ucapan Ketua Pembangkang dan rakan-rakan apabila mereka menuduh orang itu rasuah mereka meminta kerajaan mengambil tindakan dan tanpa ada usul periksa yang ditangkap itu dia kata *low profile* punya *figure* bukan *high profile*. Saya tidak tahu cuba kita minta kerajaan minta kepada Ketua Pembangkang, siapa yang *high profile corruption*? Jadi mungkin pembangkang ada maklumat daripada kerajaan untuk kita sama-sama lihat siapa mereka dan kita ambil pertimbangan, apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Pengerusi, *high profile*kah, *low profile*kah, biliskah, jerungkah, undang-undang tidak ada bezanya, semuanya akan ambil tindakan dan sebenarnya pihak pembangkang harus memberi pujian kepada kerajaan kerana telah banyak mengambil tindakan terhadap pihak-pihak yang berkenaan dan komitmen yang tinggi dengan program-program termasuklah Program Integriti Nasional, program-program yang dilaksanakan BPR, pendakwaan dan penguatkuasaan undang-undang. Ini semua merupakan tindakan yang telah diambil

oleh kerajaan, bukti jelas tentang komitmen Kerajaan Barisan Nasional untuk memenuhi hasrat rakyat bagi memastikan Malaysia ini bukan sahaja bersih tetapi juga kelihatan bersih oleh semua pihak supaya kita dapat membangunkan ekonomi negara dengan lebih pesat lagi di masa akan datang.

Jadi Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada empat Ahli Yang Berhormat Ipoh Timur, Tumpat, Bagan dan Tanjong yang telah mengambil bahagian dan saya rasa, saya telah menjawab semua persoalan kecuali mengenai SPR kerana SPR tidak terlibat dalam perbelanjaan tambahan yang dipohonkan dalam Dewan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM994,900 untuk Maksud B.3; RM3,100,000 untuk Maksud B.5; RM26,000,000 untuk Maksud B. 7; RM170,000,000 untuk Maksud B.8; RM5,250,880 untuk Maksud B.10 dan RM3,378,900 untuk Maksud B.11 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM994,900 untuk Maksud B.3; RM3,100,000 untuk Maksud B.5; RM26,000,000 untuk Maksud B. 7; RM170,000,000 untuk Maksud B.8; RM5,250,880; untuk Maksud B.10 dan RM3,378,900 untuk Maksud B.11 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM30 untuk Maksud P.7 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2003 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM30 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2003.

**Maksud B.25 [Jadual]-
Maksud P.25 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2003]-**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima permohonan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri

yang juga Menteri Pertahanan untuk beliau memohon supaya beliau dapat menjawab bagi Kementerian Pertahanan dan beliau memohon supaya kementerian ini didahulukan.

Jadi, dalam hubungan ini, saya meminta persefahaman dan kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat kerana ada sebab-sebab yang tertentu.

Dengan ini Kepala Bekalan B.25 dan Kepala Pembangunan P.25 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas. Ya, Bagan.

2.59 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini mereka belum lagi memahami cara-cara untuk membahaskan peringkat Jawatankuasa, sebab itulah mereka kurang mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Lim Hock Seng: Sekiranya tidak, mengapa sejumlah wang sebesar ini tidak ada orang hendak mengambil berat dengan perbahasan ini?

B.25 - Kementerian Pertahanan sejumlah RM47,695,744 diperuntukkan untuk membiayai bayaran perbekalan, peralatan, aktiviti keselamatan dan penyenggaraan kapal Tentera Laut Diraja Malaysia.

Tuan Pengerusi, tempoh hari kami ada membaca dalam surat khabar bahawa ada sebuah kapal Tentera Laut Diraja Malaysia di mana meriam di atas kapal Tentera Laut Diraja ini meletup. Jadi apa sebab dia boleh menjadi meletup? Adakah kerana ia tidak di senggara dengan baik?

Saya juga merujuk kepada P.25 jumlah besar telah diperuntukkan untuk memberi kelengkapan-kelengkapan tetapi kelengkapan-kelengkapan ini semua Ahli-ahli Yang Berhormat bukan semua faham tentang peralatan-peralatan ini khususnya *armoured car*kah, itu *transportation*kah, *floating bridge*kah, semua ini bukan semua orang faham dan helikopter *Super Links* juga ada di sini kapal selam *Scorpions* pun ada di sini. Saya minta Yang Berhormat Menteri Pertahanan supaya memberi sedikit penjelasan mengenai dengan B.25 iaitu kelengkapan-kelengkapan yang telah dibeli oleh Kementerian Pertahanan. Sekian sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Santubong.

3.02 ptg

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya merujuk kepada Maksud B.25 Butiran 00100 - Tentera Darat ini dikatakan peruntukan tambahan sebanyak RM233,478,400 adalah dikehendaki untuk membiayai Projek Pembinaan Angkatan Tentera Darat dan pembinaan seperti Projek Pembinaan Kompleks PLGPT. Projek Pembinaan 51 RAD, Projek Pembinaan Kompleks GGK Mersing dan Projek Infra TD. Minta maaflah ini macam Greek pun boleh faham. Sebenarnya *the art of communication*, dengan izin ialah memberi maklumat kepada orang dan orang lain boleh mengetahui apa benda itu.

Jadi saya mintalah penjelasan apa benda yang disebut, macam-macam *abbreviation* ini. Dan saya ingin juga bertanya oleh kerana pembinaan angkatan tentera darat, kempen kementerian untuk menarik masyarakat Malaysia terutama sekali etnik bukan Melayu, etnik selain daripada peribumi ataupun bumiputera di Sarawak memasuki Angkatan Tentera Malaysia dan bagaimana kejayaan peringkat ini kerana perkara ini telah kita bangkitkan pada sesi-sesi yang lepas dan selama itu kita tidak mendengar maklum balas balik daripada pihak kementerian.

Jadi amat besar hati kami kalau dapat diberi makluman yang terkini berhubung dengan penarikan kepada pihak-pihak warga negara Malaysia yang *able-bodied* dan boleh memasuki angkatan tentera sama ada darat, laut dan udara ini. Bagaimana *responds* peringkat ini dan kalau ini tidak memuaskan apa lagi kah tindakan pelan kerajaan untuk menarik mereka ini dan apakah kemudhan *in term of human development advancement of human development* dalam tentera ini, kerana dalam tentera ini kita mempunyai, ada *short term service* dan *long term servicenya*.

Jadi pihak yang *long term service* sampai ke peringkat umur dan selepas itu bolehlah mereka bersara dan mendapat pulangan daripada pihak kerajaan. Tetapi pihak yang dalam *short term service* ini, mereka mungkin akan ditamatkan perkhidmatannya dalam satu peringkat. Maknanya masih lagi *very marketable*, dengan izin dan apakah *human development* untuk peribadi mereka ini kalau lepas daripada angkatan tentera. Kita tidak boleh melihat Yang Amat Berhormat, di peringkat pegawai sahaja. Kita perlu melihat program untuk mereka yang di peringkat bawahan, daripada peringkat *private* hinggalah peringkat mungkin *regimental sarjan mejar* yang mungkin tidak berpeluang masuk kolej, universiti dan sebagainya. Apakah perancangan kementerian?

Setelah empat tahun, saya sekali lagi bertanya semula, program pegawai yang *short term service officers* ini yang telah mendapat latihan-latihan yang tertentu. Masihkah latihan-latihan secara amali ini diberi kepada syarikat-syarikat contohnya di luar sebelum mereka *retire* iaitu *orientation* sebelum *retirement* ataupun *termination of service*, dengan izin dibuat dan bagaimana penerimaan syarikat-syarikat luaran itu pada masa sekarang? Bagaimana mereka bekerjasama dengan pihak kerajaan atau kementerian berhubung dengan *placement*, dengan izin orang yang telah mendapat latihan-latihan yang tertentu kerana pada masa dahulu amat sedih sekali kita mendengar mereka ini telah berkhidmat dengan cemerlang dalam angkatan tentera selepas itu keluar mendapat *orientation* dan latihan yang tertentu, tetapi oleh kerana umur mereka dianggap bukan lagi *marketable age* untuk pekerja yang tertentu dengan mendapatkan upahan yang tertentu.

Kalau orang yang umurnya 35 tahun ataupun 40 tahun umpamanya berhenti daripada tentera, mungkin gajinya dianggap jauh lebih tinggi daripada budak-budak lepasan dari sekolah. Jadinya *placement of work* mereka ini perlulah ke tempat yang bersesuaian dengan kebolehan mereka. Dalam masa yang sama, walaupun mereka ini mempunyai latar belakang, latihan dan kemahiran yang begitu tinggi dalam sesuatu bidang umpamanya dalam bidang-bidang elektronik, radio dan sebagainya. Mereka ini memang mahir dalam tentera tetapi apabila mereka hendak keluar, masuk dalam sesuatu industri tertentu, mereka menerima dengan izin, *cold shoulder* daripada pihak-pihak industri. Jadi kita menerima maklum balas ini sebagai orang yang dekat dengan pihak lepasan tentera, saya juga bekas polis.

Pihak tentera ini selalu menceritakan kepada saya mengenai kelemahan dalam syarikat-syarikat yang tidak mahu menyokong tindakan kerajaan. Kalau sedemikian, apakah tindakan susulan oleh pihak kementerian agar lepasan yang mempunyai kemahiran tertentu, mempunyai kepakaran yang tertentu boleh dimasukkan dalam sesuatu syarikat dan apakah peruntukan yang disediakan oleh pihak syarikat supaya mereka ini tidaklah keluar dengan tidak mendapat satu pekerjaan pun. Oleh kerana malangnya pihak-pihak ini tidak mempunyai satu pengalaman dalam segi *business* dan sebagainya, mungkin peratusan yang berjaya itu amatlah kecil sekali. Sekurang-kurangnya kalau di peringkat pekerjaan mereka boleh diberi dan *business* tidak menentu pun boleh juga mencari cara-cara alternatif.

Tuan Pengerusi, yang kedua ialah persoalan tentang bank ataupun dana-dana yang diwujudkan oleh pihak kerajaan dan kementerian. Saya cukup yakin, begitu kaya sekali. Tetapi persoalannya, berapa banyakkah kekayaan ini tercuri ke bawah, boleh sampai ke pihak-pihak dan anggota-anggota yang telah bersara daripada tentera ini. Umpamanya kita mempunyai bank, kita mempunyai *trust company* dan bermacam-macam lagi, begitu besar sekali dari sumber kewangannya. Tetapi malangnya yang mendapat keuntungan daripada bank ini ialah dua, tiga orang jeneral yang menjadi pengerusi, jadi *board of directors*, itu sahaja yang dapat. Yang lain di bawah itu, malangnya kalau hendak menjual goreng pisang tetapi kalau kenal dengan bank ini, kita mempunyai bank yang besar dan duit yang banyak sekali, tetapi keuntungan kepada mereka ini tidak dapat. Namun pemberian dan sokongan kerajaan dari apa segi sekalipun, bagaimana mereka menjadi besar begitu, dahulu ialah hasilnya daripada sokongan kerajaan dengan harapan dia akan sampai ke peringkat akar umbi tentera yang telah bersara daripada ketenteraan ini. Jadi, amat besar sekali maknanya kepada pihak-pihak ini.

Tuan Pengerusi, saya berharap kementerian boleh mencari satu skim macam mana pihak mereka ini, mungkin boleh menjual *share*, diberi peluang untuk membeli *share*. Kalau membeli *share*, macam mana? Memang bank ini tidak boleh memberi *loan* atau *share* dia sendiri, memang tidak boleh dari segi undang-undang tetapi macam mana pihak ini boleh memberi *share* kepada semua pesara tentera ini, pegawai ataupun *private* tetapi dengan pinjaman daripada bank-bank komersial yang lain boleh disarankan dan dirundingkan oleh pihak kementerian untuk memberi bantuan dengan *share*, *certificate* dan sebagainya boleh disimpan dipihak bank yang telah memberi pinjaman untuk dibayar secara bulanan oleh pihak ini.

Dengan keadaan yang sedemikian, dapatlah hasil daripada bonus, dividen dan sebagainya dapat juga diperolehi oleh pihak-pihak yang kecil-kecilan yang beribu-ribu ini, yang mungkin mereka rasa tidak mendapat sokongan ataupun hasil daripada apa yang dikehendaki oleh pihak kerajaan. Maknanya kerajaan mempunyai program yang cantik, kementerian mempunyai program yang elok, tetapi tidak sampai kepada *target group* yang sepatutnya *enjoy the same thing*, yang *general* di atas itu – *enjoy*.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya juga menyentuh dalam Butiran (Projek) 003000 perkara yang sama kerana ia merangkum dalam persoalan yang sama. Selaras dengan itu saya juga ingin bertanya dari segi peratusan peminat dan

masyarakat yang bukan bumiputera, bukan Melayu memasuki tentera darat, laut dan udara ini. Macam mana pecahannya? Mana satu bidang yang diminati oleh mereka ini? Bagaimana kita boleh mengambil peluang supaya servis ini kita beri lebih banyak lagi peratusan dan sebagainya supaya mereka boleh *join*, mana satu servis yang mereka mahu. Macam mana promosi kita ke seluruh negara terutama sekali di kalangan anak-anak sekolah.

Kalau dahulu pernah pihak *navy* menjemput anak-anak sekolah lepas itu buat pertunjukan, dijemput pegawai *navy* pergi ke sekolah-sekolah, pegawai tentera pergi ke sekolah-sekolah, bawa *tank* dan macam-macam lagi. Kalau kapal perang datang, dijemput anak-anak sekolah datang tengok kapal perang.

Dahulu saya pernah hendak jadi tentera laut juga bila tengok kapal perang besar-besar, meriam tidak pernah ditembak. Yang pernah saya tengok ialah *short gun* sahaja di rumah kepunyaan abah saya. Bila tengok kapal perang dan senapang yang begitu besar, teringin juga hendak tembak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Boleh gulung. Jadi, Tuan Pengerusi saya berharap sangat supaya ketenteraan ini *percentage* ataupun *distribution* orangnya sama ada Melayu atau bukan Melayu, bumiputera dan bukan bumiputera memasuki perkhidmatan ini dan boleh mendapat galakan dan mendapat peratusan yang lebih menyenangkan pandangan kita, kerana kita bimbang *reflectionnya* mungkin mengatakan, bahawa kita tidak menumpu dan tidak mahu mereka ini masuk tetapi dalam masa yang sama sebenarnya orang itu belum tertarik hati dan macam mana caranya kita hendak menariknya.

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Pengerusi, permohonan Kementerian Pertahanan dalam anggaran perbelanjaan pembangunan agak besar iaitu sebanyak RM1.6 bilion daripada jumlah RM6.1 bilion, yang terbesar sekali sebenarnya, lebih kurang 25 peratus. Saya menyokong cadangan bahawa untuk permohonan semacam ini tentulah kompleks dan berbagai-bagai. Harap di masa hadapan butiran-butiran yang lebih lengkap boleh diberi supaya Ahli-ahli Parlimen boleh faham dan ikuti dalam perbincangan mengenai cadangan-cadangan permohonan ini.

Satu perkara yang saya ingin timbulkan di sini ialah bagaimana, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberitahu Dewan ini bahawa, dengan *emphasis* yang baru diberikan kepada *National Integrity Plan*, bagaimanakah pembelian *hardware* pertahanan yang ada di hadapan kita yang melibatkan peruntukan sebanyak RM523 juta untuk *battle tanks*, *armoured comfit system* dan lain-lain – RM731 juta untuk helikopter *Fennec*, kepada *PV Super Lynx* dan lain-lain. Bagaimanakah dasar baru atau pendekatan baru untuk integriti, keutuhan negara mempengaruhi *procurement policy military hardware* khasnya supaya ada lebih *transparency*, *accountability* dan khasnya ada *open tender* dan tidak ada, dengan izin, *below-the-counter deal*.

Ini sangat mustahak oleh sebab Kementerian Pertahanan selalunya dari segi *procurement* melibatkan pembelian bernilai satu angka yang begitu besar supaya Kementerian Pertahanan boleh menjadi satu teladan untuk kementerian-kementerian yang lain, khasnya mengenai *procurement* dan *government tender policy* dan saya harap kita boleh lihat sama ada permohonan di hadapan kita ... satu, dua, tiga, empat perkara [*Menyemak Buku Belanjawan di hadapannya*] semua akan dibeli (*procured*) dengan satu sistem yang baru di mana *emphasis* ialah *greater transparency*, *accountability* dan *integrity*. Sekian, terima kasih.

3.18 ptg.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mendapatkan beberapa penjelasan daripada kerajaan, khasnya Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan perkara peruntukan tambahan ini.

Pertama, saya juga mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana menyedari betapa pentingnya pertahanan negara dipertingkatkan di mana kita melihat sejumlah RM1.6 bilion digunakan bagi maksud membina Angkatan Tentera dengan pembinaan beberapa kompleks seperti pusat latihan dan juga membiayai kelengkapan Angkatan Tentera Darat, membiayai projek-projek pembinaan Angkatan Tentera Laut dan juga pembelian peralatan Tentera Laut.

Sesungguhnya peruntukan ini amat diperlukan bagi memastikan pihak Tentera Laut dan Darat dapat mengawal perairan dan juga pertahanan di darat bagi memastikan keselamatan negara. Apa yang saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri ialah selepas pembelian peralatan ini adakah persediaan yang rapi dibuat bagi memastikan *personnel* kedua-dua cabang Angkatan

Tentera ini mempunyai kemahiran yang mencukupi untuk menggunakan peralatan tentera yang canggih ini dan seterusnya memastikan pembelian peralatan itu mempunyai alat ganti yang cukup kerana pada masa-masa lalu sering kita dengar selepas beberapa tahun alat-alat kelengkapan tentera itu dibeli didapati ada masalah dari segi mendapatkan alat-alat ganti.

Selain daripada itu juga, perkara ketiga yang saya hendak mendapat penjelasan pihak kementerian ialah berkenaan dengan setakat manakah peralatan kita ini setanding dengan peralatan yang terdapat atau digunakan oleh pihak tentera negara jiran kita, sama ada di sebelah selatan ataupun Indonesia khususnya Singapura dan Indonesia, supaya bukan kita hendak berperang dengan mereka tetapi sekurang-kurangnya peralatan kita itu setanding. Jika terjadi sesuatu kita tidak terasa bahawa kita mempunyai peralatan yang *inferior* ataupun yang lebih rendah mutunya.

Jadi ini perkara-perkara yang saya ingin mendapat penjelasan dari pihak kementerian bagi memastikan penggunaan RM1.6 bilion itu memang diperlukan dan seterusnya dapat memenuhi kehendak pertahanan negara yang sebenarnya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

3.21 ptg.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih. Saya ingin mengambil bahagian sedikit berkenaan dengan Kepala 00400 dan juga Kepala 00300.

Apa yang saya hendak sebutkan di sini ialah apabila sahaja kita menyebut yang kita hendak membeli satu helikopter ataupun dua, tiga helikopter yang baru, khususnya helikopter jenis *Super Lynx* dan helikopter jenis *Fennec*, bila rakyat melihat sahaja helikopter yang digunakan oleh tentera, mereka jadi fobia - nampak-nampak bila lagi nak jatuh helikopter ini. Ini adalah pandangan rakyat.

Apabila kita menggunakan helikopter baru nanti, sama ada jenis *Super Lynx* dan *Fennec* ini, kita mesti meyakinkan dahulu kepada rakyat. Sekurang-kurangnya kalau boleh pihak kementerian ini khususnya Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri, hendaklah membuat pertunjukan bagi rakyat menyaksikan bila dapat helikopter baru, dengan melawat, pergi tunjuk di Kelantan, Terengganu dan negeri-negeri lain – buat

pertunjukan sedikit, buat pameran sedikit dan dengan itu mudah-mudahan rakyat merasa lebih yakin, apatah lagi *pilot* itu sendiri akan lebih yakin lagi. Ini adalah perlu kerana seperti yang saya sebutkan tadi, sudah menjadi fobia kepada rakyat. Bila ada helikopter tentera, mereka sudah tidak yakin lagi kerana sentiasa jatuh setiap tahun.

Perkara kedua yang saya hendak sebut, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak kementerian kerana meluluskan begitu banyak peruntukan untuk membeli peluru khususnya peluru jenis 25 mm dan juga 155 mm, dan peluru yang digunakan oleh senjata M-16, saya rasa kena beli lebih banyak peluru jenis ini. Saya berterima kasih kepada pihak tentera, biasanya apabila ada perlawanan, Persatuan Penembak mana sekalipun, biasanya pihak tentera dia memberi percuma peluru untuk digunakan bagi latihan menembak. Kalau tidak ada pihak tentera memberi kemudahan penggunaan meminjamkan senjata M-16 dan peluru-peluru ini, barangkali tidak hidup Persatuan-persatuan Menembak di seluruh Malaysia ini.

Saya cakap ini kerana saya sendiri juga pernah menggunakan M-16 yang diberikan oleh pihak tentera bagi latihan sebelum kita masuk pertandingan menembak ini. Jadi kalau boleh, beli banyak lagi dan bagi peluang kepada rakyat yang ingin menggunakan sama ada untuk pertandingan atau untuk latihan-latihannya. Barangkali tentera sendiri telah mencukupi apa yang ada selama ini.

Kalau kita lihat di sini kita hendak membeli *battle tanks*. Ini juga satu perkara yang perlu saya ingatkan di sini, kalau tidak silap saya dalam sejarah Malaysia ini ada satu masa dulu kita telah membeli *tank* ini dengan cara mendapatkan harga yang lebih murah. Kita beli secara berasingan pada satu masa dulu yang mana menjadi heboh dalam akhbar-akhbar di mana tidak sesuai bila kita *modify – tank* kita beli di lain negara dan kemudian senjatanya kita beli dari lain negara dan dipasang padanya. Kemudian kita potong untuk dipendekkan bagi disesuaikan dengan keperluan kita menyebabkan kita tidak boleh menggunakannya pada satu masa dulu.

Saya masih ingat lagi perkara ini waktu saya kecil-kecil dahulu tetapi siapa yang menjadi menteri waktu itu saya tidak tahu tetapi ia berlaku dahulu dan saya harap sekarang ini kita jangan lagi cari peralatan yang murah. Sepatutnya biarlah peralatan itu mahal tetapi memberi puas hati kepada kita.

Saya rasa rakyat pun tidak marah kalau kita beli perkara-perkara berkaitan senjata ini yang mahal tetapi rakyat rasa puas hati dan meyakinkan rakyat.

Lain-lain kementerian barangkali hendak cari barang yang murah kerana takut rakyat marah, tetapi kementerian ini saya rasa tidak ada seorang pun yang marah kerana pertahanan ini merupakan satu perkara yang perlu dipikul bersama dan perlu difikirkan bersama oleh rakyat. Kalau pertahanan kita bolos, sudah tentulah yang kenanya kepada semua rakyat, bukan sahaja tentera yang mengalami kekalahan, tetapi rakyat juga akan merasai malu bila tentera kita menghadapi satu keadaan yang tidak selesa ataupun kekalahan dalam sesuatu peperangan.

Saya harap kepada pihak kementerian ini supaya apa yang saya sebutkan ini diambil perhatian sedikit, mudah-mudahan rakyat yang begitu lama menunggu untuk melihat barisan tentera kita dan kelengkapan-kelengkapannya mempunyai kelengkapan yang moden dan yang boleh diyakini oleh rakyat semua. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sabak Bernam.

3.26 ptg.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya bangun untuk menyokong permohonan tambahan peruntukan bagi B.25 ini.

Saya mungkin hendak bercakap dalam bentuk yang berbeza dari segi Kementerian Pertahanan ini. Yang pertama, saya mohon menyokong kerana segala peruntukan untuk pembelian peralatan ini pastinya akan digunakan untuk membeli alat-alat yang paling baik buat masa kini dan ini akan memberikan keyakinan kepada rakyat dalam konteks keselamatan negara dan kita akan menjadi lebih yakin bahawa kedaulatan dan kewibawaan negara kita ini akan lebih terjamin.

Yang saya hendak bawa di sini ialah tentang musuh nombor satu kita yang kita iktiraf pada hari ini sebagai dadah. Kalau dilihat dalam konteks biasa, musuh nombor satu negara ini kewajarannya dihadapkan kepada bala tentera kita, tetapi di sini tidak. Dalam konteks di sini kita tahu bahawa perbekalan dadah ini sebenarnya dari darat, udara dan laut.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, kita kena tumpukan kepada Butiran yang ada.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Saya hendak ke situ. Saya hendak ke situ, Tuan Pengerusi, sebab saya hendak menegaskan tentang kepentingannya apabila peralatan canggih ini dipersetujui ataupun kita sokong bagi Kementerian

Pertahanan kita, ia harus juga dimanfaatkan atau digunakan untuk mengawal persekitaran laut kita daripada perbekalan dadah yang sebenarnya sehingga kini kita masih gagal mengawalinya.

Terima kasih, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tangga Batu.

3.28 ptg.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, kerana mengizinkan saya melibatkan diri di dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa dan saya ingin merujuk kepada Maksud B.25, Butiran Projek 00100 – Tentera Darat (Pembinaan) dan juga 00300 – Tentera Laut (Pembinaan).

Tuan Pengerusi, seperti mana yang kita sedia maklum hari ini kalau kita dapat lihat bahawa sedikit sebanyak kemalangan yang berlaku di peringkat tentera udara, laut dan darat telah menjejaskan imej pertahanan negara kita dan kita tahu setakat ini kewibawaan pertahanan negara kita belum diuji oleh musuh-musuh kita walaupun rakan kita sebentar tadi berkata dadah adalah musuh nombor satu.

Sehubungan dengan itu, Tuan Pengerusi, ingin saya nyatakan hasrat Kementerian Pertahanan untuk menjadikan angkatan tentera kita sebagai angkatan tentera yang terancang di mana kita dapati untuk kita menghadapi arus pembangunan dan pemodenan angkatan tentera sejagat ini, Angkatan Tentera Malaysia ataupun angkatan tentera kita telah merangka beberapa program yang menjurus kepada pembentukan *k-soldiers* ataupun askar-askar yang berpengetahuan.

Tuan Pengerusi, untuk ini saya dapat lihat bahawa untuk membawa askar-askar kita ini kepada arus berpengetahuan dan dihormati dan disegani oleh lawan-lawan kita, kita perlu mempunyai institut ataupun organisasi yang mendidik askar kita ini kepada konsep pertahanan yang begitu canggih dan tinggi di mana ilmu ini sebenarnya perlu melebihi daripada negara-negara lain.

Tuan Pengerusi, untuk itu apa yang ingin saya nyatakan sebagai wakil kepada kawasan Tangga Batu di mana Tangga Batu mempunyai dua kem utama di negara kita iaitu Kem Sungai Udang dan juga Kem Terendak. Kem-kem ini amat terkenal di peringkat antarabangsa tidak kurang daripada ratusan pegawai-pegawai tentera kanan daripada negara-negara luar yang telah melawat dan mengunjungi Parlimen Tangga Batu ini.

Tuan Pengerusi, bagi tujuan Kementerian Pertahanan untuk melahirkan *k-soldiers* ini, saya ingin menyarankan Kementerian Pertahanan melihat kembali tentang pembinaan universiti tentera dan pembinaan universiti tentera ini akan menjurus kepada melahirkan anggota-anggota tentera yang boleh berfikir secara proaktif dan yang boleh berfikir secara *preemptive*, bagaimana kita boleh meletakkan kedudukan anggota tentera kita di satu kedudukan yang boleh dihormati oleh rakan dan disegani oleh lawan.

Tuan Pengerusi, untuk itu kalaulah perkara ini berlaku, saya juga ingin menyarankan supaya ianya berlaku di kawasan Tangga Batu iaitu di kawasan Sungai Udang dan kawasan Terendak ini.

Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Pendang.

3.31 ptg.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Pertahanan. Saya ada bertanya dengan abang ipar saya, dia ini dulu sebagai *pilot* tentera udara dan sekarang menjadi Pengetua Sekolah Latihan Penerbangan Tentera di Kepala Batas dan juga di Kuantan. Tinggal beberapa orang lagi sahabat-sahabat dia yang sama-sama jadi *pilot* dulu, dia kata tinggal dia dan ada seorang lagi, tinggal dua orang, yang lain semua sudah jatuh sebelum berperang.

Jadi, maknanya masalah yang saya hendak timbulkan pada hari ini adalah sekolah latihan penerbangan yang ada di Kepala Batas, setiap hari saya nampak kapal terbang yang lalu di atas rumah saya itu, dalam hati saya takut sama ada ia akan jatuh di atas rumah saya ataupun di atas kebun getah saya. *[Ketawa]* Sebab baru-baru ini, dua atau tiga tahun lepas, ia telah jatuh di dalam bendang dan tuan punya bendang itu tidak dapat mengerjakan sawah dia sampai, kalau tidak silap saya, tujuh tahun iaitu di Tokai.

Kemudian, tahun lepas malangnya seorang pelatih juga telah jatuh di Kedah juga iaitu dekat dengan UUM dan tuan punya kebun getah itu kata sudah beberapa tahun dia tidak dapat menoreh pokok getah itu, dia pun tidak tahulah. Maknanya telah memusnahkan harta benda dan juga nyawa pelatih yang kita telah latih yang telah menjadi seorang *pilot* dan kita harap mereka inilah yang akan mempertahankan negara kita.

Apabila saya bertanya kepada abang ipar saya tadi, apakah masalah yang sering muncul apabila mereka ini sendiri memandu ataupun menjadi *pilot* kapal terbang tersebut. Dia kata mereka ini terlalu *excited* apabila dapat pandu dengan seorang diri. Maknanya bila tidak ada *co-pilot*, tidak ada pembantu di sebelah, tidak ada jurulatih di sebelah, dia terlalu *excited*, itulah kemungkinan menyebabkan mereka ini – orang kata kalau kita bawa kereta, ada kereta lain ganggu, tetapi kapal terbang tidak ada apa yang ganggu. Saya tidak tahu apa yang mengganggu dia menyebabkan kapal terbang itu terjatuh kerana didapati teknikal lain tidak ada masalah terhadap kapal terbang tersebut.

Inilah saya harap kepada Kementerian Pertahanan supaya kita lebih memberi perhatian yang khusus terhadap *pilot-pilot* yang telah kita latih dan telah menghabiskan begitu banyak wang terhadap latihan dan juga peralatan yang telah digunakan, tidak tahulah kalau satu *Pilatus* itu satu berapa harganya. Maknanya kalau sekiranya *manpower* yang kita latih itu hilang, ini akan mengganggu pertahanan negara kita.

Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Selepas Yang Berhormat bagi Ketereh, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri boleh menjawab. Yang Berhormat, sila.

3.34 ptg.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Saya ingin berkongsi sedikit pengalaman saya kerana saya bernasib baik mendapat pendidikan awal di Maktab Tentera Diraja selama beberapa tahun, cuma tidak sempat masuk tentera, kemudian dapat pula belajar ilmu hidrografi di Kanada yang juga bersama-sama dengan pasukan tentera laut.

Pertamanya, saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana melihat perkara ini adalah sangat penting iaitu Maksud B.25 untuk Butiran 00100 sehingga 00400. Pengalaman terakhir yang saya alami ialah pada bulan puasa yang lepas, saya bersama-sama dengan pasukan lima renjer yang ditempatkan di kawasan saya di Ketereh, bertugas di sempadan Malaysia-Singapura untuk membuat satu operasi khas menawan PATI.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: PATI ini sebenarnya ringkasan kepada pendatang asing tanpa izin. Dalam kesempatan selama beberapa hari bermalam bersama dengan pasukan tentera, saya dapati bahawa perbandingan peralatan tentera kita dengan tentera Singapura adalah terlalu jauh. Kita mempunyai peralatan yang sangat *inferior*, saya berjalan daripada Telok Rumania sehingga ke bawah jambatan baru antara Malaysia-Singapura, didapati pasukan kita yang duduk di sana hanya dilengkapi dengan GPMG dan hanya satu *binocular* dan tidak ada pun satu *goggle* siang malam yang boleh nampak *night vision*. Setiap kali kita berada di tebing sebelah Malaysia, dalam waktu yang sama tentera Singapura akan serta-merta naik dua helikopter dan seolah-olah mencabar kehadiran kita berada di sebelah sini.

Bila saya bertanya dengan anggota kita, apakah ini sahaja persenjataan yang ada? Maka jawapan mereka, memanglah sebab cara kita, tentera kita diuruskan ialah menggunakan *rules of engagement* kita, sesuai dengan keadaan. Kita bukan hendak berperang dengan Singapura, kita hanya mengawal sempadan *and observe...* tetapi apa yang saya ingin tekankan dan minta Yang Amat Berhormat ambil perhatian di sini ialah, *the inferiority* dengan izin, dalam mempunyai senjata ini kadang-kadang memberi semangat atau moral kepada tentera kita selain daripada tempat duduk yang hanya,.... kecuali di Teluk Rumania yang mempunyai tempat tinggal yang memang sudah canggih dan ditempatkan dalam keadaan yang baik, yang lainnya hanya merupakan tempat-tempat dalam kabin, tepi sungai, berbanding dengan di sebelah sana adalah jauh bezanya.

Saya juga diberitahu bahawa Singapura hanya akan mengambil masa lima minit untuk pasang *pontoon bridge* untuk *cross the coast way* dan untuk mendarat pada bila-bila masa, dan kita tidak mempunyai keupayaan untuk satu jam atau dua jam yang pertama mempertahankan bumi kita yang bertuah ini, kerana pasukan kita yang di sana adalah ditempatkan bukan untuk mengawal sempadan tetapi hanya *observatory* atau untuk *observation* sahaja. Jadi saya bila melihat senjata-senjata yang dibeli dalam senarai ini, saya merasa gembira kerana saya yakin ianya memberi semangat yang baru kepada pasukan kita, terutama bila tengok ada lagi helikopter baru dan yang terakhir ialah kapal selam. Kita sebuah negara yang kecil tetapi mempunyai perairan yang sangat besar.

Sebagai seorang *hydrographer* saya tahu tanpa persenjataan yang lengkap, perairan kita, *maritime* kita tidak mungkin dapat dikawal dan kalau boleh saya

menyokong supaya peruntukan ini ditambah lagi, supaya kekuatan tentera kita ini boleh menyebabkan orang gerun dengan kita, kerana dalam Al-Quran juga disebut [*membaca sepotong ayat suci Al-Quran*] yang bermaksud, "*Hendaklah kamu memperlengkapkan diri kamu supaya musuh-musuh gerun kepada kamu dan itu adalah merupakan tugas utama kita*". Terima kasih.

3.37 ptg.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Amat Berhormat .

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Diucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Kementerian Pertahanan untuk memohon peruntukan tambahan di bawah Kepala B.25 dan P.25.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan telah menyentuh berkenaan dengan senjata meriam di atas sebuah kapal TLDM yang telah meletup baru-baru ini

Saya boleh memberi penjelasan, tetapi peruntukan tambahan ini tidak menyentuh sebenarnya soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkenaan. Berkenaan dengan kelengkapan-kelengkapan yang lain, memang benar bahawa bidang pertahanan ini merupakan bidang yang khusus dan memerlukan sedikit sebanyak pendedahan untuk memahami kelengkapan-kelengkapan yang akan diperolehi oleh Kementerian Pertahanan. Dari segi keupayaannya dan dari segi kelengkapan itu, maknanya cara mana ia akan digunakan berbanding dengan kelengkapan-kelengkapan yang lain. Oleh itu dalam masa yang singkat ini tidak mungkin saya dapat menghuraikan keupayaan setiap satu jenis peralatan tambahan yang akan diperolehi oleh Kementerian Pertahanan, cuma saya boleh menyatakan bahawa peralatan-peralatan yang kita akan miliki setelah kita mendapat pembiayaan melalui peruntukan tambahan ini merupakan antara yang tercanggih di dunia.

Umpamanya pesawat Helikopter *Super Lynx* yang disebut tadi, merupakan pesawat helikopter yang boleh menembak peluru berpandu dari udara sasarannya kepada kapal atas permukaan laut dengan jarak 40, 50 kilometer. Kapal selam yang kita akan perolehi sebagai satu lagi contoh merupakan yang paling canggih di dunia, walaupun kita akan memiliki dua buah sahaja. Walhal negara Singapura, negara yang lebih kecil, keadaan yang kecil juga akan mempunyai empat buah kapal selam. Namun dengan dua buah kapal selam ini, ia merupakan satu penambahan dari segi

keupayaan TLDM yang amat ketara dan kapal selam kita akan mempunyai kemampuan untuk menembak di bawah permukaan laut peluru berpandu pada jarak 60 kilometer.

Inilah antara contoh-contoh di mana usaha kerajaan untuk menambahkan keupayaan Angkatan Tentera Malaysia supaya menjadi sebuah angkatan yang lebih *credible* dan lebih digeruni. Namun proses untuk mencapai kepada tahap yang disebutkan tadi merupakan satu perjalanan yang agak jauh, akan makan masa dan juga perbelanjaan yang besar. Yang menjadi masalah bagi kita ialah bagaimana kita hendak mengimbangi pembangunan negara dan keperluan pertahanan. Jika kita belanja terlalu banyak untuk pertahanan negara, kita akan terpaksa mengurangkan peruntukan untuk pembangunan sosioekonomi. Ini adalah realiti yang terpaksa diuruskan dengan sebaik mungkin oleh kerajaan. Namun Kementerian Pertahanan rasa puas hati bahawa peruntukan tambahan dapat disediakan oleh kerajaan dari masa ke masa walaupun tidak memenuhi sepenuhnya apa yang dikehendaki oleh Kementerian Pertahanan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Santubong telah bertanya tentang maksud Projek PLGPT, projek ini merupakan kompleks, pembinaan kompleks Pusat Latihan Gabungan Pasukan Tempur di Gemas dan projek ini bernilai RM418 juta, semua sekali dan ini merupakan salah satu daripada pusat latihan yang canggih dan akan memberi kemampuan yang lebih untuk pembangunan Pasukan Tentera Darat kita. Begitulah juga untuk pembinaan 51 Rejimen Artillery Diraja di Gemas, untuk makluman Ahli Yang Berhormat projek ini adalah projek untuk membina sebuah kem, bagi menampung sistem persenjataan yang paling strategik yang ada pemilikan kita, yakni yang dikatakan *Multiple Launch Rocket System* dengan izin, yang merupakan persenjataan yang mempunyai kemampuan yang cukup tinggi. Sebab itulah kita perlu menjaga cara mana kita menyelenggarakan persenjataan ini supaya ia dapat digunakan dengan sebaik mungkin.

Ahli Yang Berhormat dari Santubong, telah bertanya tentang pembangunan anggota-anggota kita dan juga apa yang mereka akan lakukan selepas mereka tamat perkhidmatan. Saya suka menyatakan bahawa perkara ini sentiasa diberi perhatian berat oleh Kementerian Pertahanan, di mana sebahagian peratusan dari segi keanggotaan kita terutama sekali di peringkat para pegawai yang memiliki ijazah semakin meningkat peratusnya dan bagi mereka yang tidak mempunyai ijazah

sarjana muda, mereka digalakkan untuk memperolehi kelulusan ijazah waktu mereka berkhidmat dalam Angkatan Tentera Malaysia ini.

Ini salah satu daripada cara di mana kita akan dapat membuat persediaan supaya dengan kelulusan akademik ini mereka akan dapat tawaran yang lebih baik waktu mereka berhenti daripada angkatan tentera. Bukan semua yang masuk angkatan tentera berminat untuk berkhidmat sampailah mereka bersara. Sebab itulah kita memberi pilihan ada dengan izin Tuan Pengerusi, *short term commission* supaya mereka yang hendak khidmat satu ketika untuk mendapat pengalaman dan untuk menyumbang kepada negara boleh berbuat demikian. Kalau kita tidak ada *short term services commission* barangkali mereka tidak akan memasuki ATM sama sekali.

Tentang latihan-latihan yang kita lakukan pihak PERHEBAT telah di arah untuk mengkaji semula segala jenis latihan yang disediakan oleh PERHEBAT dalam tempoh peralihan enam bulan itu lebih kurang, supaya latihan-latihan yang mereka sediakan itu lebih memberi persediaan untuk mereka bekerja selepas mereka berhenti. Saya sedar bahawa peratusan anggota tentera yang berjaya dalam bidang perniagaan masih kecil lagi kerana mereka tidak mempunyai orientasi yang sesuai untuk berjaya dalam bidang perniagaan. Cuba kita bayangkan 21 tahun mereka dalam angkatan tentera bagaimana sikap pemikiran mereka, cara budaya mereka dalam tentera, tiba-tiba mereka terpaksa membuat penyesuaian untuk berniaga dan sudah tentulah peratusan yang berjaya itu tidak seperti mana yang kita harapkan.

Walau bagaimanapun, kita sedia untuk mencari jalan dan salah satu daripada jalan ialah untuk menandatangani MOU dengan beberapa syarikat swasta supaya mereka dapat pekerjaan dengan syarikat-syarikat swasta dan juga di bawah kumpulan LTAT, peluang-peluang dalam LTAT kita beri kepada bekas tentera dari segi peluang perniagaan dan juga tender-tender Kementerian Pertahanan sekiranya mereka ini terdiri daripada bekas tentera dan harga mereka kompetitif, lembaga tender sentiasa memberi pertimbangan kepada mereka dari segi pembahagian tender di bawah Kementerian Pertahanan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Santubong.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Memang amat elok sekali program. Tetapi Yang Amat Berhormat saya ingin bertanya, sama ada apabila kontraktor yang besar-besar mendapat projek yang beratus juta umpamanya, dikehendaki sebagai wajib memberi subkontrak kepada anggota-anggota tentera yang

mempunyai *license* yang tertentu diberi semasa mereka telah habis perkhidmatan. Terima kasih.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, memang ada umpamanya di bawah program *Patrol Vehicle* kita. Kita telah meminta pihak berkenaan iaitu PSC NBSB di Lumut untuk membangunkan apa yang dikatakan *vendor development scheme* di mana sebahagian besar daripada syarikat-syarikat kecil yang menjadi pembekal kepada peralatan-peralatan yang diperlukan dan juga kerja-kerja penyelenggaraan terdiri daripada bekas tentera.

Jadi kita berharap bahawa pada masa akan datang juga bawah program *procurement* dengan izin yang lain pun kita akan memikirkan peluang-peluang untuk di bawah program *Vendor Development Scheme* ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timur telah bangkit tentang *procurement* polisi Kementerian Pertahanan selaras dengan *National Integrity Plan*. Sukacita saya maklumkan bahawa kerajaan telah menetapkan sebagai satu dasar bahawa segala perolehan akan dibuat melalui tender terbuka ataupun *open tender*.

Jadi Kementerian Pertahanan akan mengamalkan dasar ini sama ada untuk pembelian tempatan ataupun pembelian dari luar negeri dalam bentuk *open international tender*. Namun demikian ada juga kalanya atas kepentingan *National Security* dengan izin, ada juga perolehan yang terpaksa dibuat secara penentuan oleh kerajaan. Ini adalah pertimbangan-pertimbangan yang terpaksa dibuat kerana ada sebab-sebab tertentu, di mana kalau kita buat secara tender terbuka segala maklumat boleh diperolehi oleh pihak yang lain. Tuan Pengerusi.....

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Amat Berhormat beritahu berapa kali sampai sekarang boleh berlaku *deviation* daripada dasar baru ini mengenai *open tender* oleh kerana sebab-sebab tertentu dasar itu kita boleh ikuti.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Kita cuba hadkan bilangannya Tuan Pengerusi, walaupun kita tidak mengamalkan tender terbuka tetapi proses dalaman untuk menentukan bahawa peralatan yang kita perolehi itu yang terbaik dan paling sesuai tetap kita jalankan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Parit telah tanya tentang persediaan dari alat ganti dan sebagainya memang ini satu daripada perkara yang kita beri perhatian kerana dalam pembelian-pembelian kita tetapkan juga bahawa peralatan ini akan disokong dengan sistem penyelenggaraan yang sebaik mungkin.

Ahli Yang Berhormat bagi Rantau Panjang telah bangkit tentang helikopter. Sebenarnya helikopter kita ini telah memberi perkhidmatan yang baik dan kadang-kadang keadaan itu berlaku bukan kerana kecuaiannya tetapi kerana keadaan mendesak operasi terpaksa dijalankan dalam keadaan umpamanya cuaca buruk, tetapi operasi tetap dijalankan. Kadang-kadang kemalangan berlaku. Dalam tentera keadaannya berbeza dengan keadaan untuk perkhidmatan awam. Kadang-kadang operasi waktu malam, waktu cuaca buruk, dalam kawasan yang agak mencabar terpaksa dilakukan oleh kita dan kadang-kadang kemalangan boleh berlaku dan tahap kemalangan kita tidaklah lebih buruk daripada angkatan-angkatan tentera yang lain.

Kalau kita baca dalam media akhbar, kemalangan berlaku dalam angkatan tentera yang lain dan ini saya harap tidaklah merupakan satu perkara yang digemburakan sangat kerana kalau kita sendiri tidak ada keyakinan pada ATM, kita sebenarnya melemahkan semangat juang anggota-anggota tentera kita yang sentiasa sanggup berkorban dan membuat apa sahaja untuk kepentingan negara.

Ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu telah menyatakan sokongan kepada usaha kita dan kita pada masa sekarang ini belum ada lagi hendak buat universiti tentera tetapi ATMA sudah ada, di mana kemasukan di peringkat universiti, sebenarnya ATMA itu sebuah universiti, akademi tentera Malaysia itu mengeluarkan bakal-bakal pegawai yang mempunyai sarjana muda. Jadi maknanya di peringkat universiti sudah ada dalam ATM cuma kita hendak tingkatkan dan perbesarkan lagi pada masa yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat bagi Pendang membangkitkan tentang kapal terbang Pilatus yang dikatakan selalu jatuh. Memang berlaku kemalangan tetapi kemalangan ini adalah dalam lingkungan peraturan yang boleh dikatakan tidak luar daripada norma antarabangsa dalam latihan juruterbang-juruterbang pesawat tempur. Bila kita melatih juruterbang pesawat tempur, kita terpaksa meminta mereka membuat dengan izin Tuan Pengerusi, *aerobatic* dan *low level flying* dan ini yang mendatangkan risiko yang lebih kepada mereka.

Kalau penerbangan awam untuk melatih juruterbang MAS umpamanya, mereka tidak perlu membuat aerobatik, mereka tidak perlu membuat *low level flying*, sebab itu kita tidak selalu dengar ada kemalangan. Tetapi kemalangan ini selalu berlaku bila mereka melakukan *low level flying*, umpamanya. Bila *low level flying*, kadang-kadang 50 kaki daripada bawah paras tanah dan pada paras yang rendah itu mereka terdedah

kepada risiko yang lebih. Ini tidak dapat kita elakkan. Ini suatu keperluan dalam latihan, juruterbang jet tempur kita yang terpaksa kita lakukan. Sekali lagi saya hendak nyatakan, Tuan Pengerusi, memang tidak di luar norma antarabangsa, dari segi prestasi juruterbang-juruterbang kita.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi.....

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Amat Berhormat bagi Pendang bangun.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Yang Berhormat bagi Pendang, okey.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan terima kasih Tuan Pengerusi. Berhubung dengan persoalan yang saya timbulkan iaitu tentang *human, excited*, dia terlalu *excited*, apabila dia dapat, macam orang baru dapat *steering* kereta, dia sendiri *excited*. Maknanya, dari segi latihan memang okey, apabila dia pandu sendiri kapal terbang itu, selalunya itu yang menjadi masalah. Adakah pihak kementerian akan memberi perhatian yang lebih terhadap perkara ini?

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Boleh dikatakan semua kemalangan berlaku kerana faktor kemanusiaan, *human factor*. Saya hendak kata kerana dia *over excited* itu susahlah, sebab bila dia sudah meninggal, kita tidak tahu sama ada dia *over excited* sebelum dia meninggal atau tidak.

Tetapi ini kerana mereka tidak mengikut *check-list* yang kita telah arahkan. Kalau kita hendak jadi seorang *pilot* yang selamat, kita ikut *check-list*. Kalau kita ikut *check-list* kita, insya-Allah kita akan terselamat, tetapi bila kita tidak ikut *check-list* kerana kita fikir kita terlalu yakin ataupun kita.... boleh jadi *over excited*, kita tidak tahulah, salah satu daripada faktor, tetapi puncanya tidak ikut *check-list*. Bila tidak ikut *check-list*, selalunya kemalangan boleh berlaku dalam keadaan tersebut.

Tuan Pengerusi, soal angkatan tentera kita tidak mempunyai kelengkapan berbanding dengan negara Singapura. Usaha yang kita lakukan sekarang ini sebenarnya akan merapatkan lagi *parity*, kemampuan dengan negara jiran kita. Walaupun kita tidaklah akan membuat perbandingan seolah-olah musuh bakal akan tempur kita ialah Kerajaan Singapura, kalau kita ada *mindset* seperti itu, kita tidak jadilah membuat kerjasama yang lebih erat dengan negara Singapura.

Tetapi percayalah bahawa pembangunan ATM akan tetap diteruskan dan kita mempunyai kemampuan yang lebih lagi apabila senarai peralatan yang ada dalam peruntukan tambahan ini akan dimiliki oleh negara kita dalam sedikit masa lagi.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih sekali lagi dan segala pandangan itu adalah amat beruntung untuk Kementerian Pertahanan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM174,532,700 untuk Maksud B.25 di bawah Kementerian Pertahanan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM174,532,700 untuk Maksud B.25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,609,458,920 untuk Maksud P.25 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2003 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,609,458,920 untuk Maksud P.25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2003.

Maksud B.14 [Jadual] –

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.14 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

4.59 ptg.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk melibatkan diri di dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah maksud bekalan B.14.

Tuan Pengerusi, lebih kurang dua minggu yang lepas kita dapat melihat di dalam muka depan akhbar *News Straits Times*, iaitu menunjukkan satu keadaan yang di luar kawalan berlaku betul-betul di belakang Putrajaya, pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Di mana kita dapat lihat sampah-sampah yang menjijikkan dan kotor berapungan di dalam tasik di belakang pusat pentadbiran Putrajaya. Sesungguhnya

gambaran ini telah menunjukkan suatu keadaan yang tidak teratur dan tidak teratur yang boleh menjejaskan imej pentadbiran, imej kerajaan negara kita.

Tuan Pengerusi, apa yang ingin saya perkatakan di sini ialah kalau kita lihat dari segi keadaan yang tidak teratur dan tidak teratur ini, kita akan menjurus kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang bertanggungjawab kepada pihak berkuasa tempatan seperti majlis-majlis daerah, pihak berkuasa tempatan, majlis perbandaran dan juga majlis-majlis bandar raya.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Apabila keadaan ini berlaku, kita akan mengatakan bahawa pelaksana kepada dasar ini sebenarnya adalah pihak majlis-majlis daerah dan majlis-majlis perbandaran. Kita dapat lihat bahawa hari ini budaya kerja yang diamalkan rata-rata di peringkat majlis daerah dan majlis perbandaran adalah lebih kepada *reactive* ataupun *responsive*. Jika ada aduan, jika ada rungutan daripada pembayar-pembayar cukai maka tindakan akan dengan segera diambil seperti yang berlaku di tasik, di belakang Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Apabila rungutan ataupun aduan dibangkitkan oleh akhbar, maka dengan segera diambil tindakan oleh pihak perbadanan dan ia telah menjadi seolah-olah seperti kupu-kupu atau rama-rama yang keluar daripada kepompong.

Tuan Pengerusi, marilah kita sama-sama melihat keadaan ini, senario ini, di manakah kesilapannya. Kalau kita lihat hari ini, 141 pihak berkuasa tempatan di mana 80% daripada pihak berkuasa ini adalah merupakan majlis-majlis daerah. Majlis-majlis daerah ini kalau kita dapat lihat, Ketua Jabatannya adalah Yang Dipertua Majlis Daerah dan Yang Dipertua Majlis Daerah ini adalah juga merupakan Pegawai Daerah dan Tanah pada daerah-daerah berkaitan.

Kalau kita lihat tugas dan peranan serta tanggungjawab pegawai-pegawai daerah ini telah melebihi beban tugas, telah melebihi daripada kesanggupan seorang pegawai untuk mentadbir dan mengurus daerah. Jadi, saya ingin menyarankan kepada pihak kementerian supaya melihat perkara ini dengan terperinci, dengan mewujudkan suatu jawatan iaitu jawatan Tuan Yang di-Pertua, khusus untuk melihat, khusus untuk mengurus dan mentadbir majlis-majlis daerah supaya perkhidmatan

ataupun hasil kerja yang disediakan kepada pembayar-pembayar cukai ataupun rakyat menepati kehendak dan aspirasi masyarakat.

Tuan Pengerusi, kita juga dapat lihat bahawa untuk memberikan kesan yang lebih kepada pengurusan dan pentadbiran majlis daerah tempatan ini, pihak kementerian telah pun menganjurkan supaya pengurusan sisa pepejal ini diswastakan. Apa yang dapat kita lihat hari ini 100% daripada pengurusan sisa pepejal ini telah pun diswastakan di peringkat daerah-daerah. Adakah pengurusan ini telah pun memberikan kesan yang positif ataupun kesan yang baik kepada masyarakat? Sama-sama kita lihat pada hari ini.

Kesan yang pertama, apabila pihak swasta menguruskan sisa pepejal ini rungutan dan aduan daripada pihak pelanggan ataupun pihak yang membayar cukai akan disalurkan melalui majlis-majlis daerah. Pentadbiran majlis daerah akan mengatakan bahawa, *“Oh! Pengurusan sisa pepejal ini bukan lagi di bawah pengurusan kami. Ia akan diuruskan oleh pihak swasta”*. Jadi, ini sekali gus akan memberikan kesan yang negatif kepada sistem pentadbiran dan pengurusan kerajaan apabila cuba menuding jari kepada pihak yang lain. Saya menyarankan kepada pihak kementerian supaya melihat perkara ini dengan lebih khusus dan ia tidak akan menjadi satu yang boleh menjejaskan imej kerajaan kita.

Tuan Pengerusi, kita juga lihat ada beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian yang khusus oleh pihak kementerian, iaitu program kitar semula. Kita dianjurkan untuk mengasingkan barang-barang kaca, plastik dan kertas di peringkat asas, iaitu apabila kita membuang sampah kita perlu memasukkan dalam kotak biru, oren dan hijau untuk menentukan sama ada ia plastik, kaca ataupun kertas.

Tetapi kita sama-sama juga lihat apabila lori mengangkut sampah tersebut dan datang untuk mengangkut sampah-sampah itu, tidak ada pun warna biru, hijau dan kuning. Jadi, ini menunjukkan tidak ada kesinambungan daripada usaha-usaha yang telah dihasratkan, yang telah disarankan oleh pihak kementerian untuk kita berfikir sebelum membuang. Jadi, sama-samalah kita melihat perkara ini dengan lebih khusus supaya pihak kerajaan tidak dikatakan sebagai melakukan kerja ataupun buat kerja tanpa berfikir.

Tuan Pengerusi, seperkara lagi yang saya ingin bangkitkan di peringkat Jawatankuasa ini ialah kenapakah pihak Majlis-majlis Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan ini merasa seolah-olah mereka ini berada di suatu keadaan yang tidak

boleh disentuh atau dengan lain perkataan iaitu mereka merasakan seolah-olah mereka berada di satu tempat yang kita panggil *complacent*, bersenang hati tidak boleh disentuh dan mungkin apa yang mereka lakukan tidak akan mendatangkan akibat kepada mereka. Mungkin ianya kerana sistem pentadbiran ataupun pengurusan tidak membenarkan mereka dipindahkan di antara satu jabatan kepada jabatan yang lain. Mereka akan merasa selesa dan merasakan seolah-olah kalau membuat salah pun tidak mengapa, sekurang-kurang, paling lebih kena marah dengan ketua jabatan.

Jadi, saya menyarankan kepada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya membolehkan pertukaran pegawai-pegawai di peringkat PBT bukan sahaja di dalam sesebuah negeri, tetapi di seluruh negara sebagai contoh daripada Majlis Daerah Alor Gajah kepada Majlis Daerah Seremban ataupun Majlis Daerah Kuala Pilah dan sebagainya. Jika ini berlaku maka pegawai-pegawai akan cuba sedaya upaya untuk menunjukkan keupayaan mereka dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik, kepada pelanggan dan pembayar cukai.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya pohon menyokong belanjawan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bagan.

4.07 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Maksud B.14 sejumlah RM68 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan program kebersihan bagi membendung dan mengawal serta menghindar dari merebaknya penyakit berjangkit.

Tuan Pengerusi, tempoh hari kami di sini telah mendengar ramai wakil rakyat dari Sabah dan Sarawak mengadu bahawa infrastruktur di kedua-dua negeri ini sangat *backward*, dengan izin. Adalah benar bahawa di tempat-tempat bukan sahaja di Sabah dan Sarawak bahkan di Pulau Pinang juga masih ada tandas yang dibina di atas laut atau sungai. Kalau di Pulau Pinang berdekatan dengan Feri Pulau Pinang, kita nampak ada beberapa batang jambatan-jambatan di mana ada penduduk-penduduk membina rumah mereka sejak dari zaman British lagi sehingga sekarang. Tetapi tandas-tandas mereka ini terus dicurah ke dalam laut sahaja dan di Sabah juga kita lihat ada banyak rumah-rumah setinggan dibina di atas paras laut. Dimanakah perginya najis-najis rumah-rumah yang dibina di atas laut itu?

Di Sarawak juga di sepanjang sungai-sungai juga terdapat tandas-tandas di tepi-tepi sungai dan air-air inilah telah dicemarkan oleh najis-najis yang dibuangkan.

Dua, tiga bulan dahulu ada sekumpulan Orang Asli, mereka beramai-ramai telah mengalami sakit perut dan juga ada yang membawa maut dan mereka telah dihantar ke hospital untuk dirawat. Akhirnya dikatakan semua orang ini kerana air yang mereka minum itu telah tercemar. Dengan peruntukan sejumlah RM68 juta ini adakah Yang Berhormat Menteri akan menggunakan sejumlah besar ini untuk membantu penduduk-penduduk di sepanjang sungai, penduduk-penduduk di tepi laut untuk membina sistem najis yang sempurna supaya mereka tidak membuang najis terus ke dalam laut sahaja.

Bukan sahaja ia akan mencemarkan air minuman tetapi hidupan laut juga terus terjejas dan apabila manusia memakan hidupan laut, mereka juga akan dijangkiti oleh pelbagai penyakit.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini di negara jiran kita iaitu Thailand, Vietnam dan China juga wujud lagi *bird flu* selepas burung dan negara kita ini bernasib baik kerana telah terlepas dari penyakit berjangkit ini. Tetapi ini kali kedua saya bertanya kepada kementerian apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah penyakit ini menjangkiti haiwan-haiwan negara kita ini. Kerana di bawah reban-reban ayam, ladang-ladang di negara kita ini adalah dikawal oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan khasnya.

Pada masa sekarang ladang-ladang atau ladang penternak ayam khasnya dan itik ada menggunakan *confine farming* iaitu mereka memelihara ayam-ayam dalam satu reban yang secara tertutup, dan bahkan ada memasang alat hawa dingin dan *exhaust fan* dan sebagainya. Ini mungkin boleh mencegah burung-burung yang boleh terbang kerana dikatakan virus-virus ini kebanyakannya dibawa oleh burung-burung yang boleh terbang dan burung-burung inilah yang membawa penyakit. Justeru itu sekiranya *confined farming* boleh digalakkan di negara kita ini maka kemungkinan besar burung-burung yang boleh terbang yang boleh membawa kuman-kuman penyakit ini boleh dielakkan.

Tuan Pengerusi, hari ini kita membaca dalam surat khabar bahawa SARS sekali lagi telah menyerang Hong Kong dan beberapa orang dirawat di hospital, menunjukkan tanda-tanda SARS. SARS ini juga satu penyakit yang memang akan membawa risiko yang sangat berat kepada ekonomi negara. Saya juga berharap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan boleh mengambil berat berkenaan dengan SARS dengan bekerjasama dengan pihak Kementerian Kesihatan dan juga Kementerian Pengangkutan dalam hal ini.

Aedes juga satu penyakit yang selalunya dikompelin atau diadukan oleh penduduk-penduduk setempat. Mereka mengadu kepada pihak berkuasa bahawa longkang-longkang dan parit-parit di sekitar kawasan kediaman mereka ini penuh dengan jentik-jentik dan saya berharap juga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan boleh menjalankan kerja-kerja pembersihan dan juga menyembur ubat-ubatan supaya jentik-jentik, nyamuk-nyamuk jenis aedes atau nyamuk-nyamuk jenis biasa boleh dihapuskan sama sekali demi untuk menjaga kesihatan dan kesejahteraan rakyat. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Santubong.

4.14 ptg.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kalau kita lihat peruntukan ini adalah sedikit, tidak banyak, kalau tambah banyak sedikit lebih bagus. Dato' Menteri saya cukup yakin Yang Berhormat boleh menyarankan kepada pihak kerajaan di bawah Maksud B. 14 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, cuba minta banyak sedikit sumber kewangan, kerana kita lihat bahawa masih banyak masalah kementerian untuk mengatasi masalah-masalah bandar kebanyakannya. Kalau kita lihat di sini ialah program untuk kebersihan bagi membendung, mengawal dan menghindar dari merebaknya penyakit berjangkit yang telah disebut oleh Yang Berhormat daripada mana tadi, yang baru bercakap tadi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagan.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Bagan, banyak perkara yang sebenarnya saya hendak sentuhkan berhubung dengan *bird flu*, SARS, denggi dan sebagainya. Jadi, saya hendak tahu macam mana kedudukan Malaysia sekarang mengikut negeri, mengikut bandar yang tertentu berhubung penyakit denggi ini khususnya. *Bird flu* saya ingat tidak adalah, berhubung dengan sakit denggi jikalau dapat Menteri beri data maklumat mengikut jumlah berlakunya insiden penyakit denggi ini di bandar-bandar, Kuala Lumpur berapa?, Johor berapa?, Johor Bahru berapa? Kuching berapa? KK berapa dan sebagainya.

Jadi, daripada itu kita boleh menggunakan ini sebagai satu maklumat khusus untuk mengenal pasti bandar-bandar yang telah dipelihara dengan baik dan penglibatan masyarakat keseluruhannya. Kerana masalah denggi Yang Berhormat

Tuan Pengerusi, adalah bukan masalah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan pegawai-pegawai kerajaan sahaja. Pegawai kerajaan boleh mengambil tindakan membersihkan longkang ataupun *flush* longkang, memberi tindakan-tindakan yang tertentu tetapi orang punya rumah itu sendiri janganlah menakung air ataupun membiarkan orang yang boleh menakung air di mana jentik-jentik nyamuk denggi ini boleh membiak dan akhirnya mengeluarkan banyak nyamuk.

Jadi, nampaknya kalau kita lihat daripada rekod, melalui surat khabar kemungkinan juga surat khabar ini hanya mengambil maklumat yang kita selalu dengar berdekatan dengan mereka tetapi maklumat khusus untuk dari satu negeri ke satu negeri kita tidak pernah mendengar. Baru-baru ini kita mendengar sebuah sekolah terkena sakit dan ada pada ketika itu mengatakan mungkin ini satu jangkitan *bird flu* tetapi maklumat yang akhir, terkini kita dengar ini adalah bukan tetapi oleh sebab-sebab yang lain.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya mohon kepada pihak kerajaan supaya orang jangan panik, kerana kita dahulu pernah berlaku satu perkara semasa SARS dahulu dan pada ketika itu perhubungan yang mula-mulanya pada hari minggu yang pertama, yang mana kerajaan tidak mengambil tindakan yang khusus untuk memberi maklumat yang baik kepada masyarakat, hingga melibatkan Ahli-ahli Parlimen itu sendiri meminta dan mendesak pihak Jabatan Kesihatan supaya mengadakan perhubungan awam yang lebih terperinci lagi untuk memberi maklumat kepada masyarakat umum berhubung dengan penyakit-penyakit yang berjangkit, yang begitu menggerunkan keadaannya.

Selepas itu baru Kementerian Kesihatan mengadakan *press conference* setiap hari, dua kali sehari dan dibuat sendiri oleh Timbalan *Director General*, dengan izin pada ketika itu dan yang memberi maklumat kepada masyarakat umum. Jadi, setiap perkara yang berlaku dimintalah kita memberikan maklumat. Dan begitu juga kalau penyakit-penyakit berjangkit lain macam denggi, *bird flu* dan macam berlakunya kemalangan di sekolah yang saya sebut, saya lupa pula di mana sekolah itu.

Tidak ada maklumat yang khusus daripada pihak kerajaan mengatakan apa itu dan penjelasan supaya masyarakat umum mengetahui maklumat adalah amat penting sekali kepada masyarakat umum kerana ingin mengetahui apakah implikasi perkara yang kita dengar. Yang kedua, Tuan Pengerusi RM68,440,000 memang tidak banyak kalau hendak diberi daripada satu tempat ke satu tempat. Pada satu ketika dahulu kita

pernah dimaklumkan di Dewan yang mulia ini, bahawa apabila peruntukan didapati daripada pihak kerajaan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang bertanggungjawab kepada semua kerajaan-kerajaan tempatan itu mengagihkan sumber kewangan ini kesemua negeri di seluruh Malaysia.

Saya sebut seluruh Malaysia ini maknanya termasuklah Sarawak dan Sabah. Jadi, pada ketika ini macam mana keadaan ini, ataupun seterusnya pada masa yang akan datang, pengagihan kepada negeri-negeri yang di *Borneo* itu, Sarawak dan Sabah, adakah peruntukan dan berapakah pengagihan diberi kepada Sarawak dan berapakah diberikan kepada Sabah.

Dalam kita membuat satu-satu pengagihan daripada sumber-sumber kewangan kerajaan, kita mesti mengambil perhatian sebagaimana Kerajaan Pusat itu sendiri mengambil perhatian bahawa Sarawak itu sama besarnya dengan Semenanjung Malaysia, dan Sabah kalau dibandingkan dengan Sarawak maknanya hampir 2/3 daripada muka bumi Malaysia.

Jadi, pengagihan sumber daripada pihak kementerian dan jabatan-jabatan mesti mengambil kira, jangan melihat daripada apa yang dilihat di bawah Perlembagaan, tetapi mesti dilihat daripada kenyataan sebenar, iaitu muka bumi yang begitu besar dan kampung yang terpencil ataupun berciciran di mana-mana tempat. Misalnya, Tuan Pengerusi, pada masa saya mewakili Batang Lupar dahulu, daerah kecil Sebuyau tiap-tiap tahun hanya menerima RM50,000 untuk jalan. Jadi, selama 30 tahun lebih kita merdeka, jalan itu tidak pernah dibina. Sampai orang di kampung Sebuyau dia kata, "Jangan sebut lagilah soal pembangunan kampung kami". Dia kata, "Kau tengoklah bukit itu – bukit *granite* yang Tuhan buat di Sebuyau telah membuat semua jalan, lapangan terbang di Sarawak, tetapi jalan yang ada dekat dengan bukit itu tidak pun dia orang hendak buat - masa hujan dia becak masa panas dia berdebu".

Jadi, saya bertanya dengan majlis, majlis kata RM50,000 setahun macam mana hendak bagi. Itulah, RM50,000 itu hanya cukup untuk menembok sedikit apa yang orang Sarawak kata "lupak-lupak" ataupun *potholes* yang berlaku di atas jalan itu.

Alhamdulillah Kementerian Pembangunan Luar Bandar melihat perkara ini dan setahun selepas itu saya memohon diberi oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk menurap jalan itu sehingga sekarang ini.- Alhamdulillah, jalan itu sudah diturap dan sempurna sekali.

Jadi, dalam keadaan ini Tuan Pengerusi, kalau membuat pengagihan di Sarawak dan di Sabah mestilah berlainan daripada pengagihan di Melaka, Perlis, tempat-tempat yang kecil dan sebagainya.

Saya bertanyalah kepada Yang Berhormat Menteri bagaimana peruntukan 68 yang diminta dan Parlimen meluluskan ini - perbelanjaannya, pengagihan macam mana?

Dua sahaja, pendek Tuan Pengerusi iaitu soalan tandas. Tandas ini adalah satu aset dan ia juga menjadi bebanan, kalau ia kotor ia boleh mendatangkan penyakit berjangkit juga ini. Jadi, bagaimana keadaan tandas seluruh negara? Kadang-kadang di sini kalau kita masuk ke dalam kedai kopi, tempat makanan dan sebagainya, kalau masuk ke tandas dahulu sebelum makan memang tidak jadi makan selepas itu. Hanya kita boleh makan dahulu mungkin kita meluahkan di tandas.

Di dunia ketigalah, saya gunakan terminologi itu banyak mengabaikan kebersihan-kebersihan tandas ini. Jadi, bagaimana tindakan kementerian supaya tempat makan, tandas, kebersihannya – bukan makanan yang cantik atau sedap-sedap sahaja. Kadang-kadang kalau kita pergi ke gerai, masya Allah, kalau hendak makan setakat satu periuk pun kita *wallop*, satu periuk pun boleh habis tetapi masalahnya kebersihan dekat longkang gerai di mana bersepah yang mana ..siapakah yang sebut pagi tadi – budaya orang kita ini memanglah sungai untuk kita membuang, longkang dan parit untuk kita membuang lebihan makanan dan sebagainya, semuanya di longgok di situ dengan harapan kerajaan yang akan membersihkan, kerajaan yang akan membuang semua ini. Apakah pendekatan kerajaan sebenarnya? Apa yang sepatutnya dibuat supaya membuat kesedaran ini bahawa tugas dan tanggungjawab ini, membudayakan soalan ini mungkin pergi ke sekolah beritahu.

Tuan Pengerusi: Ya, gulunglah itu.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya akur dengan arahan Tuan Pengerusi dan saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ulu Langat lepas itu Menteri jawab.

16.24 ptg.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya berdiri untuk terlibat dalam perbincangan berkenaan dengan Maksud B.14 bagi

tujuan perbelanjaan Program Kebersihan bagi membendung, mengawal dan menghindar penyakit merebak dan berjangkit.

Tuan Pengerusi, semenjak penswastan pungutan sisa pepejal dilaksanakan oleh pihak-pihak berkuasa tempatan terutama sekali di majlis-majlis perbandaran, kos yang terus meningkat bagi menanggung perbelanjaan mengendalikan pungutan sisa pepejal ini begitu mendesak seluruh pihak berkuasa tempatan terutama sekali kepada majlis-majlis perbandaran yang mempunyai pendapatan yang agak kecil bergantung kepada pegangan di kawasan berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan satu perkara yang sangat merunsingkan terutama sekali yang berlaku di Majlis Perbandaran Kajang, di mana hampir keseluruhan daripada hasil yang dikutip oleh majlis ini terpaksa digunakan bagi membayar kontraktor pembersihan ini dan akibatnya segala tanggungjawab bagi tujuan melaksanakan Program Kebersihan bagi mengawal penyakit berjangkit tidak dapat dilaksanakan terutama sekali bagi mengawal penyakit-penyakit berjangkit yang diakibatkan oleh nyamuk aedes ini.

Tuan Pengerusi, rekod telah menunjukkan bahawa setiap bulan Majlis Perbandaran Kajang terpaksa membayar kepada Alam Flora di antara RM1.2 hingga RM1.3 juta sementara pendapatan majlis ini hanyalah lebih kurang RM1.5 juta bagi sebulan. Ini menunjukkan bahawa beban yang ditanggung oleh majlis ini sangat berat. Oleh itu saya memohon pihak kementerian yang berkenaan supaya meninjau apakah ada ruang atau peluang pihak kementerian bagi berkongsi bebanan kewangan ini dan kalau tidak dapat dilaksanakan ianya akan mengakibatkan semua projek pembangunan terutama sekali untuk tujuan kebersihan tidak akan dapat dilaksanakan.

Perkara kedua yang saya ingin sentuh ialah berkenaan dengan penyelenggaraan bilik air, tandas di tempat-tempat peranginan di samping di medan-medan selera yang diselenggarakan oleh pihak berkuasa tempatan. Pengalaman menunjukkan bahawa tandas dan bilik mandi atau bilik air di tempat-tempat peranginan di kawasan-kawasan majlis perbandaran tidak diselenggarakan dengan baik dan ini akan mendatangkan kesan yang buruk bukan sahaja mengakibatkan penyakit berjangkit mudah merebak, malah ia akan menyebabkan pencemaran alam yang akan menyebabkan kesan pelancongan yang akan menjadi bertambah buruk di kawasan atau di tempat berkenaan.

Tuan Pengerusi saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi : Tidak apa saya beri peluang Serdang lagi.

4.27 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih, saya pendek sahaja untuk menyentuh tentang peruntukan yang akan diluluskan sebanyak RM68 juta bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Saya hanya bertanya RM68 juta akan disalurkan kepada pihak berkuasa tempatan untuk menjalankan Program Pembersihan, siapa yang akan memantau saluran peruntukan ini kepada pihak berkuasa tempatan itu? Kadang-kadang kita difahamkan banyak peruntukan disampaikan daripada Kerajaan Pusat kepada kementerian ini, tetapi wakil rakyat atau Ahli Parlimen tidak tahu, tidak dapat makluman, kita tidak tahu bagaimana program itu dijalankan.

Jadi, ini satu masalah penting supaya peruntukan daripada kementerian yang disalurkan terus kepada pihak berkuasa tempatan itu sepatutnya dimaklumkan di mana Program Pembersihan dijalankan.

Saya bersetujulah dengan yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Santubong bahawa penyakit denggi begitu serius, ia berulang semula setiap tahun. Sehingga kini di dalam surat khabar menyatakan bahawa beberapa nyawa terkorban oleh kerana penyakit denggi yang sering berlaku di merata tempat. Ini adalah satu sungutan rakyat disebabkan kekotoran tidak dipungut dan tidak dibersihkan dengan sepenuhnya. Walaupun saya tidak bersetuju sepenuhnya tetapi ada rasa tanggungjawab kepada rakyat bersama. Alam Flora yang diberikan tugas untuk membersihkan sampah sarap ini tidak sempurna.

Sebagaimana yang dikatakan tadi itu banyak masalah berlaku di Majlis Perbandaran Kajang. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Hulu Langat, bahawa kekurangan peruntukan majlis itu yang menjadi punca masalah. Bantuan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memberi bayaran kepada Alam Flora memang saya dapati bahawa ada berlaku, tetapi kerja-kerja pembersihan di sekitar kawasannya masih belum sempurna lagi. Ini menjadi masalah apabila pihak media telah menyiarkannya setiap kali. Jadi, ini adalah satu daripada masalahnya. Walaupun bersetuju peruntukan diberi tetapi cara mana untuk memantau supaya pembersihan benar-benar dapat dijalankan dengan sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

4.30 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

[Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Maksud B.14 untuk tambahan sebanyak RM68,440,000 untuk menampung perbelanjaan bagi melaksanakan Program Kebersihan bagi membendung, mengawal dan menghindar dari merebaknya penyakit berjangkit.

Ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu telah menyentuh berkenaan dengan masalah pengurusan sisa pepejal dan pada masa ini Tuan Pengerusi, pengurusan sisa pepejal belum lagi diswastakan dengan sepenuhnya. Kerajaan sedang melaksanakan pengambilalihan secara interim pengurusan sisa pepejal iaitu di mana pihak syarikat mengambil alih perkhidmatan daripada pihak berkuasa tempatan. Semasa pelaksanaan interim, pihak berkuasa tempatan masih lagi bertanggungjawab terhadap isu pengurusan sisa pepejal dan kerja pembersihan di daerah masing-masing.

Apabila penswastakan dilaksanakan dengan sepenuhnya kelak, kerajaan akan mengambil perhatian mengenai bagaimana mengawal selia perkhidmatan ...

Dato' Yap Pian Hon: *[Bangun] [Mengetuk pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Yang Berhormat bagi Serdang bangun.

Dato' Yap Pian Hon: Minta penjelasan. Bilakah penswastakan kepada syarikat-syarikat tertentu seperti Alam Flora ini akan dilaksanakan? Kita tunggu sepanjang masa, beberapa tahun ini masih berlaku demikian. Yang Berhormat katakan akan dilaksanakan kelak. Bila? Satu keputusan, satu tarikh yang tertentu supaya rakyat akan faham. Bilakah penswastakan itu akan dibuat?

Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang telah dinyatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, masa kita menjalankan pelaksanaan ini, memang ada wujud pelbagai jenis masalah dan kementerian sedang mengkaji segala masalah ini. Selepas kita telah mengenal pasti sepenuhnya bagaimana hendak mengatasi segala masalah ini, masa itu penswastakan akan dilaksanakan dengan sepenuhnya dan kerajaan akan menetapkan bahawa peranan kerajaan di dalam mengawal selia perkhidmatan ini di bawah pihak berkuasa tempatan.

Yang Berhormat bagi Tangga Batu juga telah menyentuh berkenaan dengan jawatan Tuan Yang di-Pertua di majlis-majlis daerah yang sekarang telah ditanggung

oleh Pegawai Daerah dan Yang Berhormat telah mencadangkan bahawa satu jawatan yang khas diwujudkan sebagai Yang di-Pertua di majlis-majlis daerah. Memang perkara ini ada di dalam kajian kementerian dan ini kena dibincangkan dengan pihak kerajaan negeri untuk mendapat pandangan daripada pihak kerajaan negeri sebelum cadangan ini boleh dilaksanakan.

Berkenaan dengan Program Kitar Semula yang telah dilaksanakan oleh kementerian, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Program Kitar Semula baru dilaksanakan pada akhir tahun 2000 dan pada peringkat awalnya, kementerian telah menyediakan kemudahan infrastruktur asas seperti tong kitar semula, pusat pengumpulan di samping kempen-kempen kesedaran melalui media massa.

Pada akhir tahun lalu dan pada awal tahun ini, kementerian telah membuat perolehan lori kitar semula sebanyak 51 unit untuk diberi kepada pihak berkuasa tempatan yang terlibat. Lori-lori ini akan diedarkan kepada PBT dan lori-lori ini akan dicat dengan tiga warna kitar semula iaitu hijau, biru dan coklat untuk memastikan tujuan awal kitar semula itu boleh dicapai.

Ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu juga telah menyentuh berkenaan dengan pegawai-pegawai yang bertugas di majlis-majlis daerah yang tidak boleh ditukar ke tempat-tempat lain kerana kedudukan mereka yang istimewa. Memang seperti yang dimaklumi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak berkuasa tempatan adalah di bawah Akta Kerajaan Tempatan dan pegawai-pegawai yang bertugas di situ ialah di bawah tanggungjawab PBT sendiri.

Walaupun demikian, pihak kementerian pada masa sekarang mengadakan perbincangan di antara PBT, kementerian dan kerajaan-kerajaan negeri untuk mewujudkan satu cara di mana pegawai-pegawai sekurang-kurangnya boleh ditukarkan di dalam satu negeri. So, pegawai-pegawai yang tidak membuat kerja mereka dengan sempurna, boleh ditukarkan ke tempat-tempat lain.

Ahli Yang Berhormat bagi Bagan telah membangkitkan masalah berkenaan dengan tandas-tandas yang telah dibina di atas sungai dan di atas laut dan rumah-rumah setinggan. Masalah ini adalah berkenaan penempatan mereka di dalam rumah-rumah dan tempat-tempat kediaman yang sesuai. Saya difahami bahawa kerajaan-kerajaan negeri telah menjalankan program untuk mengatasi masalah ini dan di pihak kementerian, kementerian telah memberi bantuan di dalam membina perumahan melalui program-program perumahan supaya penduduk-penduduk yang terlibat di

dalam masalah macam ini boleh dipindah ke tempat-tempat yang sesuai untuk mengatasi masalah-masalah ini.

Pencemaran air bukanlah di bawah kementerian kita, so saya tidak akan menjawab soalan berkenaan perkara ini.

Berkenaan dengan penyakit-penyakit jangkitan dan cara-cara untuk mencegahnya, tugas-tugas ini kebanyakannya di bawah Kementerian Kesihatan. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada masa sekarang daripada hal penjagaan penyakit cuma menumpu kepada penjagaan penyakit denggi. Untuk penyakit denggi, apa yang dibuat oleh kementerian pada masa sekarang ialah untuk menyediakan peruntukan kepada PBT untuk membuat pembelian bahan kimia dan peralatan dalam kawalan vektor serta menjalankan tender pembelian peralatan dan kenderaan untuk diagihkan kepada PBT bagi menjalankan aktiviti penjagaan dan kawalan penyakit demam denggi.

Selain dari itu, kementerian pula menyalurkan maklumat mengenai situasi semasa penyakit demam denggi serta *dengue alert* kepada PBT. Kementerian juga menjalankan kempen pencegahan denggi dan kempen kebersihan. Antara kempen yang telah dijalankan ialah Kempen Bersih dan Indah, Kempen Pendidikan dan Kesedaran Bebas Denggi, menjadi Pengerusi bersama dengan Kementerian Kesihatan dalam Kempen Anti Nyamuk dan Kempen Kebersihan Nasional.

Di dalam tugas ini, kementerian dibantu dengan kepakaran daripada Bahagian Epidemiologi daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dan dengan bantuan dan nasihat yang diperolehi daripada Kementerian Kesihatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui pihak berkuasa tempatan melaksanakan program untuk mencegah penyakit denggi.

Tuan Lim Hock Seng: [Bangun]

Dr. S. Subramaniam: Ahli Yang Berhormat bagi Santubong telah

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Bagan bangun. Bagan.

Dr. S. Subramaniam: Oh, Bagan. Okey.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menanya kepada Setiausaha Parlimen bahawa pihak kerajaan tempatan dikatakan hanya mengawal penyakit denggi sahaja. Pada ingatan saya beberapa tahun dahulu apabila

Japanese Encephalitis (JE) atau Nipah Virus ada berlaku di negara kita, masa itu pihak kerajaan tempatan khususnya di kawasan Butterworth (BSB) ada juga terlibat dalam pembasmian babi-babi di kandang-kandang. Jadi, bagaimana Yang Berhormat kata kerajaan tempatan tidak terlibat dengan kawalan penyakit-penyakit lain.

Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat. Pada masa penyakit JE, kementerian telah menghantar wakil untuk bertugas di Bilik Gerakan JE di Kementerian Kesihatan dan telah menjalankan kempen kebersihan di peringkat PBT dan meningkatkan aktiviti menguatkuasakan dalam kawalan nyamuk di kawasan-kawasan itu. Tetapi pada masa sekarang tiada lagi kes JE dilaporkan, so JKT tidak lagi menjalankan program kawalan denggi. Jadi, itu ialah satu program yang telah dilaksanakan pada masa itu sahaja. Tetapi apa yang saya maksudkan tadi ialah berkenaan dengan penyakit denggi, itu ialah satu program yang berterusan sepanjang tahun di semua tempat untuk mengurangkan nyamuk Aedes yang menjadi *vector* untuk merebaknya penyakit denggi.

Ahli Yang Berhormat bagi Santubong, selain daripada masalah yang telah pun sentuh berkenaan dengan penyakit denggi dan telah minta supaya kita mengedar maklumat yang betul supaya rakyat tidak panik apabila sesuatu jenis *epidemic* telah diumumkan di mana-mana tempat. Itu memang dibuat oleh Kementerian Kesihatan dengan pembantuan Kementerian Kesihatan, kita pun telah terlibat di dalam kempen SARS pada masa SARS telah jadi satu masalah dan bila-bila ada jenis penyakit berjangkit yang wujud di mana bantuan daripada pihak berkuasa tempatan perlu, masa itu kementerian dan PBT

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kuala Terengganu bangun.

Tuan Razali bin Ismail: Tuan Pengerusi, saya hendak tahu Yang Berhormat, setakat manakah dalam setiap mesyuarat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) itu menjadikan Local Agenda 21 (LA21) itu sebagai satu agenda yang sentiasa dibincangkan dalam konteks pembangunan yang mapan dari segi salirannya, kitar semula, kejiranan, Rukun Tetangga, bandar selamat sebagai satu agenda yang terus menerus dibincangkan dan dibangkitkan dalam Mesyuarat-mesyuarat PBT. Setakat manakah ini ianya berterusan. Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat. Program Local Agenda 21 yang terlibat pembahagian daripada pihak PBT, pihak swasta dan rakyat untuk

memastikan kebersihan dan kemajuan di kawasan itu telah diwujudkan dan digalakkan oleh kementerian melalui seminar, program dan latihan yang telah diberi kepada pegawai-pegawai daripada PBT. Pada mulanya lima pihak berkuasa tempatan sahaja yang terlibat, selepas itu dia diluaskan untuk pihak berkuasa tempatan yang lain dan ini adalah satu projek yang masih diteruskan dan dari masa ke semasa kementerian dan pegawai-pegawai daripada kementerian telah pergi ke majlis-majlis daerah dan pihak-pihak berkuasa tempatan yang lain untuk memberi latihan kepada pegawai-pegawai di sana supaya mereka akan menjalankan program di bawah LA21 sebagai berterusan untuk mencapai matlamat yang telah dihuraikan di dalam LA21 itu.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan peruntukan yang telah diberi oleh kementerian kepada Sabah dan Sarawak, walaupun pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memberi peruntukan kepada PBT, tetapi ini tidaklah cukup untuk menjalankan segala program di bawah PBT, khasnya kementerian tidak memberi apa-apa peruntukan kepada pihak berkuasa tempatan yang telah mendapat pendapatan tahunan yang lebih daripada RM100 juta. Peruntukan cuma dibagi kepada pihak berkuasa tempatan yang mendapat pendapatan yang kurang daripada RM100 juta. Itu pun tidaklah untuk program-program yang sepenuhnya kerana peruntukan yang diberi oleh kerajaan kepada kementerian tidak mencukupi untuk menampung segala program yang telah dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan di tempat masing-masing. Untuk pengetahuan....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ada yang bangun, Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Setiausaha Parlimen. Saya ada masalah ini hendak minta Setiausaha Parlimen bantu di mana pada bulan November 2003, pihak kerajaan tempatan melalui PBT telah memberi peruntukan untuk pembangunan kecil di kawasan dan projek-projek tersebut telah pun dilaksanakan. Saya telah suarakan di peringkat dasar tetapi tidak ada jawapan daripada mana-mana kementerian. Jadi, saya kena merujuk dengan Setiausaha Parlimen, bolehkah Yang Berhormat membantu menyelesaikan masalah ini, iaitu meminta kerajaan dan kementerian membayar kontraktor kelas F ini, sudah menunggu dari bulan November, bayangkan sehingga hari ini belum terbayar. Bukan PBT Kinabatangan sahaja, bahkan banyak lagi PBT-PBT di Sabah termasuk di

Mambong. Jadi, ini masalah kita, kontraktor kelas F mereka gunakan duit sendiri tetapi belum dibayar. Minta penerangan Yang Berhormat.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Pengerusi, surat-surat pekeliling daripada Perbendaharaan berkenaan dengan pembayaran kepada kontraktor-kontraktor yang menjalankan kerja-kerja ialah jelas bahawa pembayaran ini kalau boleh dibuat pada peringkat-peringkat yang awal. Walaupun demikian, seperti yang telah diberitahu oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan, masalah ini memang ada wujud. Kalau program ini ialah melalui peruntukan yang telah diberi oleh kementerian, memang saya akan bantu Ahli Yang Berhormat untuk menyelesaikan masalah ini.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat bagi Santubong, pada tahun lalu iaitu 2003 di Sabah, kementerian telah memberi bantuan untuk 83 projek dan di Sarawak untuk 100 projek. Projek-projek ini ialah untuk menaiki dan membina pasar yang baru, tandas-tandas awam yang baru, membaiki longkang, menaik taraf bahu jalan dan membina dan menaik taraf kawasan perniagaan untuk para penjaja dan peniaga di situ.

Yang Berhormat bagi Hulu Langat telah membangkit masalah berkenaan dengan pengurusan sisa pepejal yang saya telah jawab tadi dan berkenaan dengan masalah yang telah dihadapi oleh Majlis Perbandaran Kajang yang perlu membayar jumlah yang banyak daripada pendapatan mereka untuk pihak swasta yang telah mengurus sisa pepejal ini. Memang di dalam keadaan itu kementerian telah memberi bantuan kepada pihak-pihak berkuasa tempatan yang tertentu untuk mengatasi masalah kewangan mereka.

Pada akhirnya soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Serdang berkenaan pemantauan peruntukan yang telah diberi oleh kementerian kepada pihak berkuasa tempatan. Memang kita telah menerima maklumat daripada pihak berkuasa tempatan secara pelaksanaan projek-projek ini dan sentiasa untuk projek-projek yang telah dibangunkan dengan menggunakan peruntukan daripada kementerian. Pihak kementerian bertanggungjawab untuk memantau supaya projek-projek ini telah mendapat kejayaan yang sewajarnya. Tetapi adalah masalah kadang-kadang di kes-kes tertentu selain daripada peruntukan di mana selain daripada mengeluarkan dasar di dalam memberi arahan kepada pihak berkuasa tempatan, kadang-kadang kerana pihak berkuasa tempatan mempunyai akta-akta tersendiri, selain daripada memberi nasihat, selain daripada memberi arahan dan selain daripada

memantau, kementerian kadang-kadang menunggu untuk bekerjasama daripada pihak berkuasa tempatan.

Itulah sahaja Tuan Pengerusi. Dengan itu saya meminta Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menyokong Anggaran Perbelanjaan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah wang sejumlah RM68,440,000 untuk Maksud B.14 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM68,440,000 untuk Maksud B.14 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud P.17 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 2) 2003] –

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Pembangunan P.17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas. Ya, Kinabatangan.

4.51 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Butiran 00600 dan sebagainya. Menyentuh soal sukan, saya tertarik hati dan terpanggil untuk berdiri pada petang yang sunyi sepi ini.

Beberapa Ahli: [Ketawa] Sepi?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Di mana baru-baru ini Menteri Belia dan Sukan dan kementerian telah membuat pengumuman iaitu akan membina Mini Kompleks Sukan di daerah-daerah dan saya amat bersetuju dengan saranan ini sebab ini merupakan satu keperluan. Kita lihat di negara-negara maju di mana mereka ada bukan sahaja Mini Kompleks Sukan di daerah-daerah, tetapi mereka ada akademi sukan di setiap negeri di tempat mereka.

Saya pula ingin turut menyarankan agar cadangan membina Mini Kompleks Sukan Daerah ini bukanlah seperti yang berlaku pada suatu ketika dahulu, di mana pihak Menteri telah mengumumkan pembinaan komuniti kolej di Parlimen-parlimen, tetapi sehingga hari ini belum pun menjadi realiti bahkan kita masih terus menunggu. Jadi kita tidak mahu perkara ini berulang sebab kalau menteri buat pengumuman maka

kita, wakil-wakil rakyat didatangi oleh pegawai-pegawai daerah kita, kumpulan-kumpulan belia dan sebagainya. Kalau menteri berbohong maka kita wakil rakyat pun turut berbohong sebab ini cadangan.

Jadi saya hendak tanya kementerian ini bilakah boleh dimulakan Program Pembinaan mini kompleks di Parlimen-parlimen ini? Sebab pada saya, kita melihat sukan di negara kita ini tidak begitu menonjol dibandingkan dengan negara-negara yang lain, kenapa kita mundur dalam industri sukan sedangkan negara-negara maju mereka menggunakan industri sukan ini sebagai satu industri yang mendatangkan pulangan yang begitu lumayan untuk membantu ekonomi negara mereka.

Oleh kerana itu saya juga suka mengambil kesempatan ini ingin mencadangkan kepada Kementerian ini supaya kalau boleh bukan sahaja Mini Kompleks Sukan Daerah, tetapi hendaklah mengenal pasti negeri-negeri di Malaysia ini yang ada dalam negara kita ini, kalau boleh ditubuhkan akademi sukan. Contohnya Malaysia mempelopori sukan sepak takraw, jadi mungkin negeri Kelantan boleh di*adopt* ataupun dijadikan sebuah negeri yang khususnya mengendalikan akademi sepak takraw di mana pelajar-pelajar di situlah dia bermain sepak takraw, mengenali apa itu sepak takraw, di situlah dia menimba ilmu pengetahuan dan mungkin Selangor kita jadikan sebagai negeri untuk *bowling*kah, ataupun badminton. Mungkin di Sabah boleh kita jadikan akademi sukan renang sahaja. Dengan cara ini saya berpandangan bahawa industri sukan secara jangka panjang di negara kita akan dapat dilihat akan pulangnya, sebab saya melihat yang juara-juara di peringkat Olimpik dan sebagainya mereka juga manusia biasa, mereka makan nasi juga. Kalau orang Eropah dia punya makanan cara Eropah, tetapi dia tidak makan batu dan tidak makan besi. Jadi kenapa dia lebih gagah dan lebih kuat daripada atlet-atlet sukan kita? Sedangkan kita pun di sini kalau kira makanan berkarbohidrat, kita orang Asia ini makan nasi. Kalau nasi ini mungkin melemahkan otak, kita tukar cara makanan kita pula supaya kita bertenaga untuk bersaing di persada antarabangsa.

Saya juga ingin menyentuh kerana saya rasa terkilan membaca rentetan bekas pelari pecut kita saudara Azmi Ibrahim, di mana beliau telah mendapat penajaan secara peribadi untuk pertandingan di terbuka Hong Kong. Tetapi persatuan KOM pula telah tidak membenarkan Azmi Ibrahim ini untuk bertanding, saya hairan bukan menggunakan duit kerajaan, bukan menggunakan duit persatuan dan sebagainya

tetapi tidak dibenarkan pula bertanding, apa motifnya? Apa inti patinya? Kalau kita kaji dari segi umur, walaupun dia sudah umur 28 tahun, tapi saya melihat dia masih bertenaga dan masih mampu untuk berlari.

Kalau di Eropah dalam bidang bola sepak sekalipun umur 32 tahun pun boleh bermain bola sepak kalau kira *basket ball*, *Michael Jordan* umur sudah 30 lebih sudah *retire*, balik lagi. Jadi kenapa pula kita seolah-olah ada sekatan dan saya mahu kementerian ini campur tangan untuk mengatasi masalah ini supaya ia tidak timbul pada masa-masa akan datang sebab pada saya, mana-mana pun walaupun usianya sudah lanjut, kalau dia masih berminat dan masih bertenaga berilah mereka peluang untuk menyertai apa juga bentuk sukan yang mereka ingin ceburi, tetapi ini disekat mereka tidak diberi kesempatan. Pada saya ini merupakan satu diskriminasi dalam industri sukan yang sedang kita bincangkan, sebab apabila menyebut sukan, kalau bola sepak tidak payah cakaplah sebab saya tengok kita punya bola sepak ini macam hidup segan mati tidak mahu. Kalau ada pertandingan di peringkat Asia sendiri pun kita nampak mahu mati sahajalah, saya tidak tahu apa sudah jadi dengan industri bola sepak di negara kita Tuan Pengerusi. Mungkin Tuan Pengerusi pun salah seorang peminat sukan bola sepak, tetapi apabila kita kalah teruk dia pun tidak ada *mood* untuk melihat sukan bola sepak negara kita. Jadi perlu komitmen daripada kementerian, daripada pertubuhan-pertubuhan sukan ini tetapi saya tidak nampak kementerian ada ketegasan dalam menangani isu-isu seumpama ini bagaimana melihat, jadi nampaknya peruntukan yang kerajaan bagi itu sia-sia tidak sampai ke sarannya.

Jadi kementerian harus mencari satu pendekatan dan satu ketegasan dalam melihat bahawa sukan dalam negara ini macam juga boleh kita jadikan sebagai satu produk pelancongan, tetapi kita tidak sampai ke tahap itu dan tidak sampai ke standard yang kita rasa bahawa kita benar-benar *compete* dengan ejen, benar-benar setanding dengan mana-mana negara. Banyak negara miskin Tuan Yang di-Pertua, tetapi mereka boleh melahirkan *atlet* sukan bertaraf antarabangsa.

Jadi negara kita ini kalau dikira dari unjuran ekonomi kita, bukan negara miskin bahkan kita boleh mengatasi negara-negara maju yang lain tetapi apabila sampai ke masalah-masalah begini maka kita ketinggalan jauh.

Jadi saya harap menteri baru kita ini dapat mengambil iktibar bukan sahaja meneruskan program yang sedia ada, tetapi merubah sesuatu untuk kepentingan industri sukan masa depan negara kita, kalau menteri berganti, pegawai berganti tetapi

itu sahaja pendekatannya, itu sahaja sistemnya tidak pandai berubah. Saya tengok ada masalah yang akan menanti

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Krai bangun Yang Berhormat, tetapi masa Yang Berhormat sudah pendek.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Tuan Pengerusi dan Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, saya tertarik dengan Yang Berhormat bagi Kinabatangan yang mempunyai suara garang dan begitu bersemangat sekali. Saya teringat bila mana mengatakan hal sukan tadi, memanglah sukan satu-satunya yang kita harap negara kita ini dapat menandingi lebih-lebih lagi negara jiran kita, Thailand, Indonesia dan sebagainya tetapi sedarkah kita, sudah merdeka 40 tahun lebih, gelanggang-gelanggang pun belum ada. Seperti di tempat saya di Kuala Krai, budak-budak dan pemain-pemain di sekolah sesetengahnya tidak ada padang hendak bermain, dia main di bendang padi.

Di sekolah saya, salah satu sekolah, namanya Sekolah Kebangsaan Kampung Tengah di Kuala Krai tidak ada padang, terpaksa main di bendang padi. Jadi macam manakah tahap ini? Sudah 40 tahun merdeka, kita masih tidak ada gelanggang-gelanggang malah kompleks sukan jauh sekali. Jadi saya bersetuju sangatlah, apakah Yang Berhormat bagi Kinabatangan sudah sampai masanya 40 tahun kita merdeka ini, mesti diperkenalkan satu kompleks sukan di setiap satu kawasan Parlimen. Setujukah supaya ini dapat disegerakan?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih sahabat saya bagi Kuala Krai. Kalau kita menuduh kementerian tidak cukup dengan kakitangan, tidak begitu relevan. Kalau kita kata mereka tidak ada R&D yang cukup, tidak juga masuk akal sebab kita sudah merdeka 40 tahun lebih. Inilah masalahnya di peringkat yang sebenarnya. Ada pegawai belia dan ada pejabat, dia seorang dan pegawai dua orang, itu sahaja. Kerjanya habis bulan, makan gaji, apa sahaja program di peringkat daerah dia ikut sahaja, untuk buat perancangan sendiri tidak ada.

Jadi kalau inilah masalah kita, mengapa tidak pegawai-pegawai di kementerian ini memfokuskan mentaliti mereka, minda mereka bagaimana mengangkat martabat sukan di negara kita ini supaya sukan ini dapat menghiburkan orang dan kita juga mendapat pulangan dari segi keuntungan untuk menambah ekonomi negara kita.

Tetapi kalau inilah mentaliti pegawai-pegawai yang kita ada, percayalah sepuluh tahun dari sekarang, siapa pun wakil rakyat yang ada dalam Dewan ini akan masih bercakap dengan isu yang sama.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, cukup.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Oh, Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya hendak tanya sedikit sahaja. Tentang isu yang nampak kecil tetapi cukup menyakitkan iaitu telah disebut mengenai pegawai belia daerah. Dia mempunyai satu pengaruh yang sungguh besar. Saya hendak tanya apakah tindakan yang sepatutnya dikenakan kepada pegawai belia daerah ini yang sebenarnya tidak melaksanakan tugas dan tanggungjawab, sudah bertahun-tahun ada di situ, kita mencadangkan supaya dipindahkan pun tidak dipindahkan. Apa agaknya pandangan ataupun cadangan daripada teman saya Yang Berhormat bagi Kinabatangan terhadap pegawai seperti ini?

Seorang Ahli: Hentam sama dia!

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Ketawa*] Itu masalah besar. Ia nampak kecil tetapi ia boleh jadi besar. Persoalan yang kita hadapi apabila ada kakitangan sebegini, rakyat rugi dan kerajaan juga rugi tetapi pegawai-pegawai atasan tidak melihat masalah-masalah yang berlaku di peringkat akar umbi. Kalaulah saya orang yang berkuasa dalam melihat perkara-perkara sebegini, saya tidak perlu pegawai seumpama ini sebab merugikan bangsa kita. Bangsa kita ini tidak akan maju selagi ada pegawai-pegawai yang tidak berwawasan, yang tidak ada jurusan minda ke arah melihat anak bangsanya sendiri.

Kalau ini berlaku, percayalah Tuan Pengerusi, *Hansard* hari ini boleh menyatakan sepuluh tahun daripada hari ini akan ada wakil rakyat masih bercakap soal dan isu yang sama sebab tidak ada tindakan. Tidak ada tindakan yang drastik, tidak ada *Research and Development* yang dilaksanakan di peringkat kementerian tidak membantu dan sebagainya perlu duduk dan berbincang. Kita wakil-wakil rakyat ini pun boleh dibawa daripada Parlimen masing-masing. Apa salahnya sekali sebulan atau dua, tiga kali pihak kementerian turun beramai-ramai ke kawasan Parlimen-

Parlimen, tengok potensi sukan dan sebagainya, tengok pembangunan sukan dan sebagainya tetapi tidak ada.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya, sila.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Kita sekarang di peringkat Jawatankuasa membincangkan Maksud P.17 Kementerian Belia dan Sukan, Butiran 00100, 00600, 02000. Saya pun tengok macam Yang Berhormat bagi Kinabatangan, peruntukan tambahan yang pertama ialah meminta RM69 juta untuk membeli peralatan di lapan IKBN. Saya tengok senarai IKBN ada satu di Kelantan, IKBN Bachok tetapi di Kinabatangan tidak ada.

Yang kedua, saya tengok Kompleks Sukan/Stadium Negeri, untuk Melaka RM40 juta, Kelantan tidak ada, Kinabatangan pun tidak ada.

Yang akhir sekali Program Rakan Muda, saya mengharapkan adalah. Saya minta komen Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Kita bercakap sedikit punya kuat, 17 Kompleks Rakan Muda; ada di Alor Gajah, Seberang Perai, Kinabatangan pun tidak ada, Kelantan pun tidak ada. Apa komen Yang Berhormat? Kita bercakap berdegardegar tetapi tidak dapat juga.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Ketawa]* Ya, terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Pada realitinya memang beginilah...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Masa Yang Berhormat pun sudah habis.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Masa Yang Berhormat sudah habis.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Bagilah sedikit, bukan ada lagi orang yang hendak bercakap, saya seorang sahaja ini. Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Ada lagi?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Pada realitinya memang kalau sayalah, saya secara peribadi, diri saya, saya menganggap ini memang tidak ada keadilan tetapi dari segi keseluruhan, mungkin pihak kementerian mempunyai penyusunan secara jangka panjang. Jadi selepas ini mungkin pada bajet yang sebenarnya kita ingin melihat Ketereh dan Kinabatangan masuk. Kalau tidak masuk, ini masalah besar sebab kerajaan dan kementerian perlu melihat bahawa di kawasan-kawasan Parlimen di luar

bandar ini ada belia yang menganggur yang perlu dimartabatkan hidup mereka, bukan hanya di bandar. Di bandar ini banyak mana pun ruang lingkup ataupun pusat-pusat IKBN dan sebagainya, di situlah terdapatnya penagih-penagih dadah.

Saya boleh bawa pegawai-pegawai kementerian ikut saya waktu hari petang di mana gejala lepak, di mana penagihan-penagihan dadah jenis syabu di Semenanjung dan Kuala Lumpur ini, saya boleh tunjuk sebab saya ini suka berjalan dan melihat bagaimana tetapi pihak kementerian mungkin tidak melihat masalah ini. Jadi buat perancangan, itu dan ini, kadang-kadang mereka tengok, kawasan ini siapa wakilnya? Kalau wakilnya pak menteri, bagilah, kalau macam kita ini, ikut *queue*. Terima kasih Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Ya, Ledang.

5.08 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ledang menyokong dan mengucapkan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana begitu peka dengan latihan belia dan sukan seperti Maksud P.17 Projek IKBN, walaupun di Ledang tidak ada, tidak apa tetapi di Pagoh. Kompleks Sukan Negeri di Melaka, tahniahlah orang Melaka sebab saya hendak bertanding. Program Rakan Muda, Kompleks Sukan Negara ada di Muar, tidak apalah.

Cuma, Tuan Pengerusi, di Muar ada stadium yang saiznya sama dengan Stadium Sultan Muhammad IV Kota Bharu dan saya yakin taraf, standard dan saiznya dengan gelanggang bola sepak, dengan trek lumba lari sama dengan beberapa stadium lain, cuma di Muar sudah uzur sangat, telah pun menjadi projek gajah putih, segan hendak sebut, Tuan Pengerusi.

Sekarang sebahagiannya telah pun menjadi pusat perhentian sementara bas dan teksi. Maksud saya, Tuan Pengerusi, pada masa kita berasa bukan ghairahlah, kita bersungguh-sungguh hendak memajukan dan membina kompleks sukan itu, ini dan sebagainya, ada satu kompleks sukan di Pagoh dan lain-lain hendak memajukan Kompleks Rakan Muda tetapi kita terlupa tentang beberapa kemudahan kompleks sukan seperti Stadium Muar yang telah pun uzur, yang sebenarnya boleh dipulihkan semula untuk membantu belia-belie, membantu remaja-remaja supaya dapat menggunakan kemudahan tersebut secara maksimum dan sekali gus mampu untuk menyelesaikan masalah sosial yang berlaku pada masa ini.

Oleh yang demikian, saya berpendapat perkara yang sama juga ada berlaku di tempat-tempat lain. Saya yakin ada beberapa stadium kecil, beberapa kompleks sukan lama, yang dulu telah dibuat tetapi sekarang mungkin telah pun tidak berfungsi sepenuhnya, yang wajar dibaik pulih daripada kita begitu ghairah membina kompleks-kompleks sukan yang lain, yang akhirnya menjadi projek gajah putih semula seperti yang berlaku kepada Stadium Muar dan mungkin juga tempat-tempat lain.

Saya ingin mengambil kesempatan pada hari ini di Dewan yang mulia ini, menggesa Kementerian Belia dan Sukan supaya melihat perkara ini secara serius, jangan diketepikan permohonan-permohonan daripada wakil-wakil rakyat, permohonan-permohonan daripada PBT, seperti di Muar yang memohon supaya stadium tersebut dinaikkan taraf semula. Kami ada memohon RM10 juta untuk membina semula *track*. *Track* yang ada dulu kita menggunakan teknologi lama, *bitumen-rubber*, tetapi apa sudah jadi sekarang? Sudah pun menggelupas, dalam bahasa mudahnya, langsung tidak boleh digunakan, dan perlu pembaikan secara segera, kalau kita benar-benar serius hendak menyelesaikan masalah gejala sosial yang berlaku sekarang. Jadi Tuan Pengerusi, itu sahaja. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bentong.

5.15 ptg.

Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mohon menyokong peruntukan tambahan ini dan membahaskan Butiran projek 00100 – Institut Kemahiran Belia Negara. Kita semua sedia maklum bahawa Institut Kemahiran Belia Negara ini telah dapat melahirkan ramai belia yang mahir dalam pertukangan dan juga kepakaran dalam pelbagai bidang dan ini telah dapat memastikan belia-belia kita mempunyai hala tuju yang betul.

Dalam hubungan ini saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai bilangan belia kaum Cina dan India yang dapat meneruskan pelajaran mereka dalam IKBN, dan apakah promosi-promosi yang dijalankan oleh IKBN untuk menarik lebih ramai belia menyertai IKBN. Dulu kita hanya ada beberapa buah IKBN sahaja, sekarang sudah meningkat bilangannya dan ini tentu dapat menambah bilangan pelajar-pelajar untuk mengikuti pelbagai kursus.

Oleh itu saya berharap satu pendekatan yang lebih bersepadu agar dapat kita adakan, untuk menarik lebih ramai belia menyertai IKBN.

Contohnya, promosi-promosi di sekolah-sekolah. Memang kita berharap kementerian dapat memanggil semua kaunselor daripada sekolah-sekolah ini dan beri tahu tentang pentingnya pelajar-pelajar yang tidak berminat untuk mengikuti program akademik, mereka boleh mengikuti program kemahiran yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan ini.

Kita berharap promosi yang dijalankan di sekolah ini dapat menanam minat pelajar-pelajar kita dan kalau boleh kita anjurkan lawatan sambil belajar murid-murid kita ke kompleks-kompleks IKBN yang begitu megah, cantik dengan fasiliti yang begitu baik. Saya rasa sekiranya kita adakan promosi yang agresif maka kita dapat meningkatkan kesedaran pelajar-pelajar kita tentang kebaikan dan manfaat yang boleh diterima oleh mereka daripada IKBN dalam negara kita ini.

Saya juga ingin mencadangkan sekiranya promosi ini dijalankan supaya mendapatkan kerjasama daripada persatuan-persatuan belia kita. Kita tahu bahawa persatuan belia kita bukan sahaja aktif menganjurkan pelbagai jenis aktiviti belia, tetapi mereka juga ingin memberi bantuan untuk meningkatkan kemahiran belia-belia, salah satu caranya ialah melalui IKBN. Sekiranya promosi IKBN ini boleh melibatkan persatuan-persatuan belia, saya rasa ini dapat meningkatkan keupayaan persatuan-persatuan belia dalam negara kita.

Kita tidak mahu lihat persatuan-persatuan belia kita lesu. Kita mempunyai banyak persatuan belia dalam negara tetapi sekiranya Kementerian Belia dan Sukan tidak memberi galakan ataupun memberi kerjasama untuk memberi bantuan kepada persatuan-persatuan belia ini dan membiarkan mereka bersendirian, saya rasa persatuan-persatuan ini tidak dapat bergerak aktif.

Tuan Pengerusi, satu lagi berhubung dengan IKBN ini, bolehkah kelengkapan-kelengkapan dalam IKBN ini disewakan kepada institut-institut dan juga kolej-kolej swasta agar membolehkan lebih banyak lagi kolej-kolej swasta menganjurkan program-program kemahiran, program-program yang dapat melatih belia kita melengkapkan diri dalam segi kemahiran. Saya rasa sekiranya kerjasama di antara kolej swasta dan juga IKBN dapat dipertingkatkan, ini dapat membantu negara kita, kerajaan kita untuk melatih lebih ramai belia kita dalam bidang kemahiran. Kita tahu kelengkapan ini amat mahal, tidak mampu dibeli oleh kolej-kolej swasta, tetapi apabila

kerajaan mempunyai kelengkapan-kelengkapan ini maka adalah penting kita dapat memberi pinjaman ataupun disewakan kepada kolej-kolej swasta.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh butiran projek 0200 berhubung dengan Program Rakan Muda dan Kompleks Sukan Negara. Selalunya apabila kita hendak membina dewan, hendak membina kompleks Rakan Muda, kita memohon projek berbilion-bilion. Satu projek Rakan Muda bernilai lebih kurang RM10 juta ataupun RM3 juta ataupun RM2 juta dan ini memerlukan belanja yang begitu besar. Sehingga sekarang kita dapat peruntukan RM26 juta untuk membiayai pembinaan 17 kompleks Rakan Muda.

Saya amat tertarik dengan cadangan Yang Berhormat Menteri untuk mengadakan lebih banyak dewan ataupun kompleks belia yang lebih berfungsi tetapi bukan mega. Kita kena tekankan bahawa apa yang penting ialah kita ada satu tempat untuk belia kita bergerak aktif, satu tempat untuk membolehkan belia kita berkumpul dan berkenalan, bergerak menganjurkan aktiviti. Oleh itu sekiranya tidak ada balai raya ataupun satu gelanggang bola keranjang, gelanggang badminton, saya rasa sudah memadai untuk kawasan itu dapat menggerakkan belia mereka bergiat aktif. Oleh itu tidak payahlah kita mengeluarkan peruntukan yang begitu besar sehingga RM10 juta untuk membina satu projek Rakan Muda. Kalau kita boleh kurangkan, agihkan duit ini, kewangan ini kepada lebih banyak kawasan, saya rasa semua kawasan Parlimen akan mempunyai projek Rakan Muda yang kita idam-idamkan.

Memang sehingga hari ini di Bentong tidak ada lagi projek Rakan Muda dan kita memang sentiasa berharap Kementerian Belia dan Sukan dapat memberi bantuan untuk memastikan dewan-dewan, kompleks sukan yang dibina dalam setiap kawasan itu diselenggarakan dengan baik.

Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Kinabatangan bahawa kakitangan di peringkat daerah itu terlalu kurang. Satu atau dua sahaja pegawai belia dan sukan yang ada di peringkat daerah. Apa yang mereka boleh buat dengan satu atau dua kakitangan di peringkat daerah? Kalau ada lagi kompleks sukan ini, siapa yang akan menyelenggarakan semua kompleks Rakan Muda dan kompleks sukan yang disediakan oleh kementerian ini.

Kalau diselenggarakan oleh pegawai belia dan sukan peringkat daerah, saya ingat mereka tidak mampu dan kalau diserahkan kepada PBT, lagi teruk dan kita tahu banyak tempat dan destinasi pelancongan yang dibina begitu cantik oleh Kementerian

Pelancongan, kita serahkan kepada PBT, hancur semua kalau tidak dijaga dengan baik.

Oleh itu, saya rasa kompleks-kompleks sukan ini juga perlu diselenggarakan dengan baik seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ledang tadi memang benar. Banyak kompleks kalau dibina memang “hangat-hangat tahi ayam”.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila gulung, Yang Berhormat.

Tuan Liow Tiong Lai: Bila sudah siap itu, ramai menyertai program di sana, selepas satu atau dua tahun, sudah terbengkalai kemudian.

Dengan kata-kata itu, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu.

5.21 ptg.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pilih waktu hujung-hujung ini kerana khuatir nanti kenyataan saya disilapertikan, kalau dahulu dia kata jiwa dan sanubari saya untuk Menteri Belia dan Sukan tetapi sebenarnya bukan, untuk Kementerian Belia dan Sukanlah.

Tuan Pengerusi, menjadi kewajipan kepada saya bangun pada petang ini untuk sedikit-sebanyak menyokong Maksud P.17 – Kementerian Belia dan Sukan untuk butiran-butiran projek yang telah disebutkan kerana ketiga-tiga butiran ini telah melibatkan Kerajaan Negeri Melaka. Untuk Institut Kemahiran Belia Negara, kita telah pun diperuntukkan satu tapak yang begitu luas di kawasan Lubok China, di Ramuan China Kecil di mana kita dengan bangganya menerima apa yang telah diperuntukkan oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Pengerusi, apa yang ingin saya tekankan di sini adalah yang pertama sekali berkenaan dengan hubungan di antara pengurusan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) ini dengan Jabatan Belia dan Sukan Negeri. Perlu diingatkan bahawa kedua-dua jabatan ini datang daripada satu kementerian dan perlu ada satu ikatan yang jelas dan nyata di antara kedua-dua jabatan ini. Janganlah ada agenda-agenda ataupun acara-acara yang dilaksanakan oleh Institut Kemahiran Belia Negara dan Jabatan Belia dan Sukan di peringkat negeri tidak dimaklumkan dan tidak pun diberitahu tentang kehadiran menteri-menteri, timbalan menteri ataupun setiausaha Parlimen.

Tuan Pengerusi, saya juga selaku orang yang terlibat secara langsung dengan Jawatankuasa Penasihat Institut Kemahiran Belia Negara di Ramuan China Kecil ini

ingin memaklumkan bahawa Ahli-ahli Lembaga Penasihat yang bakal dilantik oleh mana-mana IKBN ini perlulah mereka yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan serta kemahiran. Seboleh-bolehnya biarlah produk-produk yang keluar daripada IKBN, tidak kurang juga ramai pelajar-pelajar ataupun pelatih-pelatih yang keluar daripada IKBN ini menjadi seorang usahawan ataupun seorang yang berjaya pada hari ini. Jadi, nasihat saya kepada pihak kementerian supaya memberikan perhatian kepada pelantikan Ahli-ahli Lembaga Penasihat di peringkat IKBN di daerah-daerah.

Tuan Pengerusi, ingin juga saya mengucapkan terima kasih kepada kementerian kerana telah memperuntukkan sejumlah wang yang besar iaitu RM40 juta untuk pembinaan stadium di kawasan Paya Rumput iaitu di mana kawasan yang saya wakili iaitu Tangga Batu dan pembinaan stadium ini telah pun meletakkan negeri Melaka mungkin pada satu ketika nanti sebagai satu negeri yang cemerlang di dalam bidang sukan.

Tuan Pengerusi, apa yang ingin saya tekankan di sini adalah apabila pembinaan stadium ini berjalan lancar dan kita perlu menggariskan pengisian kepada stadium ini yang berupa senggaraan dan kendalian supaya nanti tidaklah berlaku seperti yang dikhuatiri oleh Yang Berhormat bagi Ledang sebentar tadi, apabila siap stadium nanti, ia akan menjadi satu "gajah putih".

Jadi, ingin saya memberi saranan kepada pihak kementerian, bukan sahaja di peringkat pembinaan stadium negeri Melaka ini, tetapi peringkat pembinaan apa-apa bentuk bangunan ataupun tempat-tempat bagi kegiatan belia ini perlulah diisikan dengan rancangan-rancangan bagi tujuan senggaraan dan kendalian supaya ia lebih menyerlah apabila siap nanti.

Tuan Pengerusi, suka juga saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memohon kepada pihak kementerian supaya memberi keizinan kepada pertubuhan-pertubuhan belia dan sukan untuk membina ruang-ruang pejabat di mana kompleks-kompleks sukan ataupun stadium-stadium negeri ini dibina ataupun disiapkan kelak kerana ruang-ruang ini sekurang-kurangnya akan dapat menceriakan ataupun dapat memeriahkan lagi serta memakmurkan lagi kawasan-kawasan stadium ini yang lazimnya kita dapati jika ia dibina, tempatnya agak *isolated* ataupun terpencil sedikit daripada kediaman-kediaman awam.

Tuan Pengerusi, bagi Butiran Projek 02000 – Program Rakan Muda dan Kompleks Sukan Negara, Melaka juga mendapat sebahagian daripada peruntukan ini

di mana sebuah Kompleks Rakan Muda telah pun dibina di daerah Alor Gajah. Saya dapat melihat pengisian Kompleks Rakan Muda ini amat bermakna sekali bagi warga belia di seluruh daerah Alor Gajah, khususnya dan juga negeri Melaka, amnya di mana terdapat...

Ir. Dr. Wee Ka Siong: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam bangun.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Sudah tidak ada masa, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Sekejap sahaja.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Oh! Sekejap sahaja.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Tangga Batu, saya nampak Yang Berhormat bagi Tangga Batu ini dia hebat sangat sebab kawasan dia dapat RM40 juta hendak bina stadium, kemudian dia sebagai bekas Yang Dipertua Majlis Perbandaran Alor Gajah dapat juga Kompleks Rakan Muda. Bolehkah Yang Berhormat berkongsi pengalaman, macam mana kita hendak melobi? Di Ayer Hitam ini semua jadi idaman sahaja, tidak akan dapat, bau pun tidak ada. Minta penjelasan, terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Sebenarnya ketiga-tiga ini terlibat secara langsung dengan sayalah selaku Yang Dipertua Majlis Perbandaran Alor Gajah, saya mohon dua tempat iaitu di Alor Gajah dan juga di Lendu untuk Kompleks Rakan Muda dan IKBN dan satu lagi di kawasan Paya Rumput.

Perancangan ini memang telah pun diatitkan di peringkat awal lagi di mana Ketua Menteri yang dahulunya, Datuk Seri Abu Zahar dan Dato' Seri Mohd. Ali Rustam telah pun memberikan satu tumpuan yang begitu serius kepada pembangunan ini, sesuai dengan hasrat Kerajaan Negeri Melaka untuk menjadikan negeri Melaka ini sebagai sebuah negeri belia.

Jadi, kita semua maklum bahawa Yang Berhormat Ketua Menteri Melaka adalah seorang pemimpin belia yang begitu agresif dan begitu aktif sekali. *[Disampuk]* Ini bukan kerana Yang Berhormat bagi Ayer Hitam tanya, saya jawablah. Kalau tidak ada, saya tidak cakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila gulung, Yang Berhormat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Jadi, saya gulunglah. Bagi Kompleks Rakan Muda tadi saya mohonlah kepada pihak kementerian supaya jika program-program yang dilaksanakan oleh *youth organization* ataupun pertubuhan-pertubuhan belia yang menjurus kepada pembentukan belia cemerlang, gemilang dan terbilang ini supaya pihak kementerian menyediakan satu ruang dengan cara sewaan, kalau tidak percuma pun, *charges* itu biarlah yang paling minimum supaya pertubuhan-pertubuhan belia ini akan jadi galak untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti di mana juga kawasan-kawasan ataupun pembangunan-pembangunan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan kerana sekali gus ia akan merupakan satu insentif ataupun merupakan satu faktor penggalak kepada pertubuhan-pertubuhan belia di peringkat akar umbi atau *grass root* untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti.

Saya percaya hasrat kementerian untuk melahirkan belia yang cemerlang, gemilang dan terbilang apabila negara kita mencapai negara maju pada satu hari nanti akan menjadi kenyataan dengan prasarana-prasarana yang saya anggap begitu...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Prasarana ataupun infrastruktur yang saya anggap begitu *complement*, begitu melengkapi keperluan-keperluan belia masa kini.

Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan Tangga Batu ruang untuk membahaskan perkara ini.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tadi Yang Berhormat bagi Sekijang bangun hendak berucapkah? Yang Berhormat bagi Sekijang hendak berucap juga.

5.29 ptg.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan sama di dalam Maksud P.17 ini iaitu di bawah Butiran 00100, 00600 dan 02000. Tadi kawan-kawan saya daripada...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh berbahas pada hari Isnin minggu depan. [Ketawa]

Tuan Baharum bin Mohamed: Ya, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sambung hari Isnin, Yang Berhormat. Boleh buat kajian lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sekarang jam 5.30 petang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob)] **mempengerusikan Mesyuarat]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila.

USUL**MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN**NELAYAN MENGHADAPI MASALAH LANUN DAN
TENTERA NEGARA ASING**

5.32 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Kesengsaraan nelayan-nelayan menghadapi lanun-lanun dan pasukan bersenjata api negara asing yang mencerobohi perairan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada 14 Jun 2004 jam pukul 2.30 pagi, sebuah bot nelayan PKF B 77 semasa menangkap udang di perairan laut antara Kuala Terong dengan Pasir Hitam, Perak telah didatangi sebuah bot pukat tunda. Apabila bot pukat tunda itu merapati bot PKF B 77, beberapa orang berpakaian gelap dan bersenjata api *rifle* telah membawa lari tiga orang nelayan negara kita. Kes ini telah dilaporkan kepada Balai Polis Kuala Sepetang dengan nombor laporan Pasir Hitam 25/2004.

Pada 20 Jun 2004 iaitu enam hari kemudian, sebuah lagi bot pukot tunda negara kita di Kuala Panchor, Perak telah dikejar dan ditembak oleh sebuah bot negara asing yang dipercayai pasukan bersenjata api negara asing. Nasib baik bot kita telah selamat melepaskan diri dan pada 28 Jun 2004 tiga nelayan telah diculik pada 14 Jun pun telah selamat balik ke kampung.

Pada 20 Jun 2004 iaitu Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar dalam satu sesi dialog dengan para nelayan di Kuala Perlis telah memberitahu bahawa sejak awal tahun ini sehingga sekarang iaitu lebih kurang enam bulan telah berlaku sembilan buah bot nelayan telah diculik oleh lanun-lanun negara asing.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 6 Julai 2004 apabila menjawab soalan lisan dari Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, telah mengumumkan bahawa pada tahun 2002 ada 30 orang nelayan telah diculik dengan wang tebusan sebanyak RM129,500 dan pada tahun 2003 ada 22 nelayan diculik dengan wang tebusan RM600,000 dan pada tahun ini sahaja ada 23 nelayan telah diculik dengan wang tebusan RM190,300.

Juga diketahui umum bahawa nelayan-nelayan dari Lumut dan Selangor perlu membayar wang perlindungan bulanan kepada kumpulan bersenjata api negara asing supaya mereka dapat mencari rezeki dengan selamat.

Dalam kes penculikan nelayan di Kuala Sepetang, Perak saya merasa kesal sehingga sekarang pemimpin-pemimpin negara kita dan pihak berkuasa langsung tidak memberi apa-apa kenyataan rasmi mengenai nasib nelayan-nelayan yang diculik. Jikalau di banding dengan penculikan dua tahun dahulu di Sipadan Sabah dan *Borneo Island Resort* di mana pelancong dan pekerja asing juga diculik, berita disiarkan secara berleluasa. Usaha perundingan antara dua negara juga diadakan untuk menyelamatkan mangsa tebusan. Nampaknya nasib warga kita tidak penting jikalau di banding dengan warga asing.

Saya menanya kepada Yang Berhormat bagaimanakah kerajaan boleh memberi jaminan bahawa pasukan keselamatan kita mampu menjaga perairan kita terhadap sebarang ancaman apabila bot nelayan pun tidak mampu menjaganya. Bagaimana pihak berkuasa boleh menjamin keselamatan nelayan supaya kes-kes seperti penculikan ini tidak diulangi lagi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sila jawab.

5.37 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Insiden di Kuala Sepetang berlaku pada 14 Jun 2004 membabitkan tiga kes penculikan terhadap bot nelayan, iaitu bot nombor pendaftaran PKF A 7883, PKF B 77 dan PKFA 7581 dan laporan polis telah dibuat oleh bot PKF A 7883 nombor *report* Pasir Hitam 24/2004. Bot PKF B 77 nombor *report* Pasir Hitam 22, 23 dan 25/2004 dan bot PKF A 7581 nombor *report* Pasir Hitam 26/2004.

Dalam ketiga-tiga kes penjenayah dipercayai dari kumpulan yang sama telah menculik tiga orang nelayan iaitu seorang tekong dari setiap bot nelayan tempatan terbabit. Ketiga-tiga kes tersebut telah dilaporkan dan kes disiasat di bawah Seksyen 363 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan menculik. Kesemua mangsa telah ditahan oleh penjenayah di suatu tempat yang tidak diketahui dipercayai di Wilayah Aceh, Indonesia dari 14 ke 23 Jun 2004. Kesemua mangsa telah dibebaskan pada 28 Jun 2004 dan selamat tiba di Pulau Pinang pada 29 Jun 2004. Kesemua mangsa kemudian membuat laporan, setiap seorang iaitu nombor *report* Pasir Hitam 31/2004, 32/2004 dan 33/2004.

Mengikut temu bual terhadap ketiga-tiga mangsa tersebut identiti penjenayah tidak dapat dikenal pasti kecuali berbangsa Indonesia, berjumlah tujuh orang dan bersenjata api. Hasil siasatan juga menunjukkan ada kemasukan wang yang besar berjumlah RM100,000 ke dalam satu akaun di sebuah bank di Kuala Sepetang, Taiping Perak pada 28 Jun 2004. Di percayai wang tersebut adalah digunakan untuk bayaran tebusan kepada penjenayah, siasatan masih diteruskan.

Susulan kepada kejadian ini pasukan polis marin telah melancarkan OPS Pagang dengan melibatkan Komando 69 dan Unit Udara Polis di perairan utara Selat Melaka dengan tumpuan kepada perairan negeri Perak. Insiden pelanggaran dan tembakan dipercayai berlaku ke atas sebuah bot tempatan yang berpangkalan di Bagan Panchor, Perak yang dilaporkan telah cuba dirompak pada 20 Jun 2004 dan laporan telah dibuat Pasir Hitam 28/2004 dan disiasat di bawah Seksyen 3 Akta Senjata Api 1971.

Mengikut keterangan mangsa bot, beliau dilanggar oleh bot besar. Mangsa telah melarikan diri setelah memotong pukut, tetapi dikejar oleh *suspect*. Pada mangsa yang sama *suspect* telah melepaskan beberapa tembakan yang mengenai bahagian bot mangsa. Pemeriksaan terhadap kesan tembakan mendapati satu anak peluru ataupun *lens slug* dari jenis senjata api *general purpose machine gun*. Bot mangsa juga didapati mempunyai kesan pecah di bahagian kanan hadapan disyaki dilanggar oleh bot besi. Walau bagaimanapun, *suspect* iaitu jumlah orang, jenis jumlah senjata api mahupun jenis nombor bot yang digunakan *suspect* tidak dapat disahkan dengan jelas oleh mangsa.

Lokasi kejadian adalah di perairan sempadan dalam perairan Malaysia. Untuk makluman, kawasan Perairan Wilayah Malaysia (*Malaysian Territorial Water*) dan Zon Ekonomi Eksklusif (*Economic Exclusive Zone*) di Selat Melaka iaitu dari Port Dickson hingga ke utara Langkawi masih tidak mendapat pengiktirafan oleh pihak Indonesia secara rasmi dan kemungkinan terdapat tuntutan bertindih oleh Indonesia. Ada juga kemungkinan bot nelayan tempatan memasuki perairan negara jiran lalu terserempak dengan pihak berkuasa negara berkenaan dan melarikan diri ke dalam perairan Malaysia.

Jumlah kes rompakan yang membabitkan nelayan tempatan adalah satu manakala terdapat lapan kes culik yang telah dilaporkan sepanjang tahun 2004 setakat bulan Jun 2004. Pihak Polis Diraja Malaysia khususnya Cawangan Marin telah melipatgandakan sesi-sesi rondaan dan operasi-operasi khas yang melibatkan unit-unit dalam PDRM. Peralatan dan kelengkapan juga telah diatur ke wilayah-wilayah yang dikenal pasti menerima ancaman jenayah ini.

Pihak PDRM juga dalam proses mempermodenkan aset ronda sedia ada di samping membangunkan pangkalan-pangkalan strategik bagi tujuan memberi sokongan logistik kepada pasukan operasi. Menerusi pendekatan ini, PDRM berupaya untuk meningkatkan usaha memeriksa bot-bot yang dicurigai serta mendatangkan satu kegerunan kepada anasir-anasir jahat dari melakukan aktiviti yang menyalahi undang-undang.

Di samping itu, menerusi koordinasi dengan agensi-agensinya penguat kuasa Maritim tempatan serta sesi-sesi dialog yang berterusan dengan para nelayan, PDRM bercadang untuk mewujudkan satu persefahaman bersama agensi-agensinya dan dengan nelayan tempatan bagi menjaga keselamatan serta ketenteraman perairan negara. Di

peringkat antarabangsa, pihak PDRM sentiasa mengambil langkah yang proaktif menerusi mesyuarat-mesyuarat dua hala sesi-sesi latihan operasi serta mengadakan pertemuan di laut bersama-sama agensi-agensi penguatkuasaan Maritim negara jiran.

Melalui usaha-usaha sebegini, pihak PDRM berupaya untuk mempertingkatkan tahap kesefahaman dan kerjasama di samping bertukar maklumat-maklumat berkaitan berkenaan kegiatan haram dan ancaman yang sering berlaku di sempadan maritim negara. Kesemua langkah-langkah yang telah disebutkan merupakan usaha kerajaan untuk memastikan tahap keselamatan maritim negara sentiasa berada dalam keadaan terbaik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

HENTIKAN PROJEK TANAH PERKUBURAN BUKIT KIARA, JALAN DAMANSARA

5.43 ptg.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tuan Yang di-Pertua, cadangan kerajaan untuk tapak perkuburan Bukit Kiara, Jalan Damansara bersebelahan Kondominium Desa Kiara nampaknya tetap diteruskan walaupun ada bantahan rakyat terutama penduduk-penduduk yang mendiami sekitar Kondominium Desa Kiara sejak November 2003 menerusi pelbagai cara termasuk menghantar memorandum, iklan dalam akhbar, perbincangan dan rayuan dengan pihak berkuasa menemui jalan buntu dan tidak dihiraukan kerajaan.

Maka adalah menjadi tanggungjawab wakil rakyat seperti saya untuk membangkitkan hal ini dalam Dewan yang mulia ini kerana saluran pentadbiran rundingan tidak mendatangkan apa-apa hasil supaya projek tapak perkuburan berhampiran Kondominium Desa Kiara yang bakal menempatkan 11,000 hingga 17,000 mayat sepanjang 30 tahun akan datang dibina di atas tanah yang ditandakan kawasan hijau yang bakal dibangunkan sebagai kawasan rekreasi terbuka di bawah Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020.

Kehijauan pepohon di kawasan itu yang selama ini dinikmati oleh sebilangan besar penduduk-penduduk dengan suasana damai dan keheningan menjadi pembekal udara bersih dan jauh dari pencemaran bunyi dan udara tiba-tiba kini hilang dari

pandangan dan digantikan dengan tapak perkuburan yang kering, gersang dan lapang bertanah merah.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk-penduduk tidak diajak berunding dahulu sebelum dijadikan kawasan hijau itu tapak perkuburan. Pandangan penduduk perlulah diambil kira sebelum sesuatu projek yang akan menjejaskan kehidupan mereka dilaksanakan. Ingin saya menegaskan di sini bahawa pembukaan sebuah lagi tapak perkuburan bersebelahan kawasan kediaman orang ramai yang bukan merupakan kawasan yang sesuai dan tidak boleh dikompromikan oleh mana-mana negara bertamadun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tidak ada dalam.....

Tuan Tan Kok Wai: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan dengan teks Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Saya ada masa tujuh setengah minit.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Tan Kok Wai:dan beritahu persidangan pun ada kata-kata saya cuma hanya mengemukakan ringkasan isi ucapan saya. Tidak perlu ucapan penuh. Saya akan baca ucapan penuh. Kesemua proses ini adalah bertentangan dengan semua dasar dalam Agenda 21 malahan saya juga mendapati penukaran syarat kegunaan tanah dari kawasan hijau kepada tanah perkuburan pun belum dilakukan. Oleh itu saya ingin menyeru kerajaan supaya memberhentikan projek ini dan tapak ini dikekalkan seperti sedia ada dan diwartakan sebagai kawasan hijau.

Saya menyedari keperluan menyediakan kawasan perkuburan baru akan tetapi apa yang kita perlukan ialah bahawa satu tapak alternatif dicari kira-kira jauh sedikit dari Desa Kiara. Ini mudah sahaja memandangkan dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sehingga tahun 2000 hanya terdapat 274.54 hektar tanah yang digunakan untuk tanah perkuburan iaitu 1.13% sahaja dari jumlah tanah dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ini bermakna masih banyak tanah kosong dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang boleh dibangunkan lagi sesuai dijadikan tanah perkuburan. Saya berharap kerajaan bersikap liberal dengan tidak meneruskan projek ini sewenang-wenangnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri.

5.47 ptg.

Menteri Wilayah Persekutuan [Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan ringkas kepada perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat daripada Cheras sebentar tadi.

Projek tanah perkuburan Bukit Kiara ini diluluskan pada September 2003 di mana sebabnya ialah kerana tanah perkuburan yang ada di kawasan itu sudah pun hampir dipenuhi. Kerja-kerja sudah dijalankan dan sehingga kini sudah pun 75% siap. Insya-Allah, ia dijangka siap pada hujung Ogos atau awal September.

Pembangunan kubur ini dibuatkan atas konsep kubur dalam taman di mana ciri-ciri kehijauan cuba diwujudkan. Lantaran itu kerajaan meminta pandangan profesional khususnya daripada Universiti Putra Malaysia bagaimana kita mewujudkan kubur dalam taman itu. Antara langkah yang dicadangkan ialah supaya membina tembok penahan di sepanjang longkang besar untuk mengukuhkan cerun yang tinggi dan tegak dengan menggunakan tembok jenis '*reinforce wall*' atau '*rewall*' dengan ringkasnya.

Yang kedua, di samping itu longkang konkrit akan dibina sepanjang '*rewall*' bertujuan mengawal larian air daripada permukaan supaya tidak terus ke Sungai Penchala. Pokok jenis *blue pine* akan ditanam pada jarak 10 kaki sepanjang 80 meter bagi tebing '*rewall*'. Pokok tersebut sebagai *buffer* di antara kawasan lapang perkuburan dan Kondominium Desa Kiara. Pokok *blue pine* boleh tumbuh sehingga 18 kaki dan seterusnya pokok yang sama akan ditanam sepanjang tebing '*rewall*' itu.

Di samping itu kawasan-kawasan lapang di tanah perkuburan akan ditanam dengan *cow grass* bagi menutup tanah yang sudah pun dikerjakan atau dibersihkan. Saya percaya langkah-langkah ini dibuat adalah semata-mata untuk mengekalkan suasana kehijauan dan kita sedia maklum seperti Yang Berhormat sebut kekurangan tanah perkuburan di wilayah ini perlu kita atasi dengan segera kerana kawasan yang pertama telah pun hampir dipenuhi. Saya percaya dengan siapnya ini akan menempatkan sejumlah 10,730 jenazah yang boleh dikebumikan di kawasan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya pandangan para penduduk, rayuan sudah ditimbang, mereka juga telah membawa ke mahkamah kesemuanya. Semuanya telah

diambil kira oleh pihak kerajaan malah saya sendiri didatangi oleh Persatuan Penduduk dan saya memberi pandangan dan saya percaya jika langkah-langkah yang dibuat kerajaan ini dan kita menimbang masalah penduduk di kawasan tersebut dan menimbang untuk kawasan orang yang akan meninggal, orang yang hidup pun kerajaan beri perhatian, yang bakal meninggal pun diberi perhatian, saya percaya dalam keadaan seperti ini dan langkah-langkah yang dibuat oleh kerajaan, kerajaan mengambil keputusan untuk meneruskan projek perkuburan Bukit Kiara yang akan siap pada hujung bulan Ogos ini. Tuan Yang di-Pertua, sekian penjelasan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, urusan kita hari ini selesai. Saya ingin mengucapkan selamat kembali ke kawasan masing-masing dan berjumpa dengan rakyat dan memberi sumbangan kepada mereka. Kita berjumpa lagi pada hari Isnin jam 10.00 pagi. Mesyuarat ditangguhkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.51 petang.